



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2005



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS
JABATAN/AGENSI KERAJAAN
NEGERI PERAK
TAHUN 2005

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	ii
INTI SARI LAPORAN	v
BAHAGIAN I	
AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN /AGENSI	
Pendahuluan	1
Jabatan Agama Islam Negeri Perak	
Pembinaan Dan Pengurusan Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak	2
Jabatan Pengairan Dan Saliran	
Projek Tebatan Banjir Pekan Langkap Fasa I Dan II Serta Sungai Malai Pakej 1	39
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	
Program Pembangunan Usahawan	75
Majlis Perbandaran Manjung	
Projek Pembangunan <i>Jetty Wing</i>	114
BAHAGIAN II	
PERKARA AM	
Pendahuluan	143
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004	143
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	146
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Negeri	146
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	146
PENUTUP	149

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak.

2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2005 ini disediakan secara berasingan mulai tahun 2005. Pendekatan ini dibuat memandangkan ia dapat memberikan ruang bagi membentangkan Laporan ini lebih awal untuk diambil tindakan secara terkini. Selain itu, memandangkan aktiviti kerajaan yang dilaksanakan melalui Jabatan/Badan Berkanun Negeri telah bertambah dan melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Sebanyak 4 pengauditan prestasi telah dijalankan iaitu Pembinaan Dan Pengurusan Pusat Latihan Tadbiran Islam Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak; Projek Tebatan Banjir Pekan Langkap Fasa I Dan Fasa II Serta Sungai Malai Pakej 1, Jabatan Pengairan Dan Saliran; Program Pembangunan Usahawan, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Projek Pembangunan *Jetty Wing*, Majlis Perbandaran Manjung. Laporan ini disediakan dalam 2 Bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri
Bahagian II : Perkara Am

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembedahan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, Jabatan/Agensi Negeri telah merancang pelaksanaan aktiviti mereka dengan baik seperti mematuhi dasar Kerajaan, menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan, membuat kajian kemungkinan, guna tenaga, latihan dan pemantauan.

Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan mekanisme pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

6. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang diperuntukkan dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

4 Ogos 2006

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

Jabatan Agama Islam : Pembinaan Dan Pengurusan Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

1. Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak (Institut) terletak di Lot 13764, Jalan Dairy, Ipoh. Pembinaan Institut ini melibatkan kos berjumlah RM16.51 juta telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana. Pembinaan telah dimulakan pada tahun 2000 dan dapat disiapkan pada tahun 2002. Pembinaan Institut ini bertujuan menyediakan kemudahan latihan kepada kakitangan Jabatan Agama Islam Perak, imam/siak di Perak dan pelajar Sekolah Agama. Selain itu Institut juga menerima peserta kursus daripada Jabatan Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan yang ingin mengadakan kursus atau seminar di Institut dengan dikenakan bayaran yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Institut ini juga dibina bagi menempatkan pelajar Mahaad Tahfiz Al-Quran Kerajaan Negeri. Ketika ini, Institut diketuai oleh seorang Pengarah Gred M48 dan dibantu oleh 2 orang pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta 10 orang pegawai kumpulan sokongan. Institut ini telah menjalankan aktiviti rasminya pada awal tahun 2004. Hasil kajian Audit menunjukkan terdapat kelemahan seperti kajian kemungkinan menyeluruh tidak disediakan, kelewatan menyiapkan projek, program penyenggaraan tahunan bangunan dan kaedah pelaksanaan belum disediakan, peralatan yang dibekalkan tidak digunakan, pengurusan bilik komputer dan peralatan komputer tidak memuaskan, pengurusan asrama tidak memuaskan, penempatan pelajar Tahfiz di Institut hanya bersifat sementara dan tahap keselamatan Institut tidak memuaskan.

Jabatan Pengairan Dan Saliran : Projek Tebatan Banjir Pekan Langkap Fasa I Dan Fasa II Serta Sungai Malai Pakej 1

2. Projek Tebatan Banjir Pekan Langkap Fasa I Dan Fasa II serta Sungai Malai Pakej 1 yang telah menelan belanja sejumlah RM1.78 juta dalam tempoh tahun 2003 hingga 2005 bertujuan untuk menghindarkan kejadian banjir dan perluasan lembangan sungai. Ini merangkumi pembesaran keratan saluran sungai sedia ada yang tidak mampu untuk menampung/menakung kadar alir sungai, pengorekan/mendalamkan sungai yang cetek, meninggikan ban sungai dan meninggikan keupayaan struktur hidraulik yang terdapat dalam sistem sungai. Dari aspek perancangan Projek Tebatan Banjir telah dirancang

dengan baik. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek dari segi kualiti kerja tiada mengikut spesifikasi pencapaian fizikal, spesifikasi dan kualiti kerja. Kejadian banjir telah dapat dikurangkan dengan pembinaan sistem saliran yang baik melalui pelaksanaan projek ini demi kemudahan dan kepentingan awam. Matlamat dan impak projek tidak dapat diukur pencapaiannya kerana Projek Tebatan Banjir ini dilaksanakan secara berperingkat dan akan disambung ke RMK-9.

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak : Program Pembangunan Usahawan

3. Pelaksanaan 3 program usahawan iaitu Program Usahawan Muda, Program Pembangunan Usahawan Belia/Wanita dan Program Pembangunan Usahawan Teknikal oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak memainkan peranan dengan lebih berkesan. Ketiadaan kajian kemungkinan terhadap program dan promosi yang berterusan dan menyeluruh merupakan antara punca kegagalan program. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak perlu memperbaiki beberapa kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Belia/Wanita dan Teknikal bagi memastikan dua program tersebut berjaya mencapai matlamatnya dan peruntukan yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menghasilkan usahawan. Pemantauan secara menyeluruh juga perlu dilakukan bagi memastikan setiap masalah dapat dikesan dan diselesaikan dengan kadar segera supaya program pembangunan usahawan dapat berjalan dengan lancar.

Majlis Perbandaran Manjung : Projek Pembangunan *Jetty Wing*

4. Pembangunan Jaluran Lumut *Waterfront* terdiri daripada *Marina Wing*, *Esplanade Wing*, *Maritime Wing* dan *Jetty Wing*. Pembangunan *Jetty Wing* merupakan satu daripada Fasa Pembangunan Jaluran Lumut *Waterfront* ke arah merealisasikan Bandar Lumut sebagai Bandar Pelancongan dan Maritim. Projek pembangunan *Jetty Wing* bernilai RM7.49 juta mula dilaksanakan pada tahun 2002 dalam 2 peringkat iaitu fasa terminal jeti serta fasa landskap dan pengindahan. Satu perancangan yang baik telah disediakan terhadap pembangunan *Jetty Wing* sebagai pintu utama pelancong ke Pulau Pangkor dan lokasi lain di daerah Manjung. Pelaksanaan pembangunan juga dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dengan pembiayaan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Namun demikian kelemahan kawalan dan pengurusan di tapak projek mengakibatkan wujud masalah tidak mematuhi spesifikasi dan kuantiti yang ditetapkan. Majlis Perbandaran Manjung seharusnya meningkatkan tahap keupayaan perjawatan teknikal bagi merancang, melaksana dan mengawal selia pembangunan projek dan tidak bergantung sepenuhnya kepada juru perunding swasta.

BAHAGIAN I

***AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS
JABATAN/AGENSI***

BAHAGIAN I AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Selain dari mengesahkan akaun dan menjalankan pengauditan kewangan, pengauditan pematuhan dan pengauditan pengurusan, Seksyen 6 Akta Audit 1957 juga menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi. Tujuan pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan tidak berlaku pembaziran dan pemborosan. Pengauditan ini menekan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Dari segi perancangan, pengauditan adalah bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi membuat perancangan yang baik terhadap aktiviti yang akan dilaksanakan. Ini adalah disebabkan perancangan merupakan aspek penting pengendalian dan pencapaian objektif sesuatu aktiviti. Perancangan yang baik membantu pelaksanaan sesuatu program/aktiviti dengan cekap, berkesan dan teratur. Pemantauan juga merupakan elemen penting bagi menentukan pelaksanaan aktiviti terkawal serta berjalan dengan lancar dan segala masalah dapat diatasi segera. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, aktiviti tertentu yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam, JPS, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Majlis Perbandaran Manjung telah dipilih untuk dikaji pada tahun 2005. Pemerhatian Audit hasil daripada kajian ini telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Isu ketara dan positif hasil daripada kajian tersebut dilaporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

PEMBINAAN DAN PENGURUSAN PUSAT LATIHAN INSTITUT TADBIRAN ISLAM PERAK

2. LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Agama Islam Negeri Perak (Jabatan) merupakan Jabatan yang bermatlamat melahirkan insan soleh, berilmu, bertakwa dan berdaya saing dengan memahami serta menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah bagi tujuan mencapai kebahagiaan duniawi dan ukhrawi. Untuk mencapai matlamat ini, pelbagai program dilaksanakan seperti memberi penerangan meluas mengenai Islam, meninggikan ekonomi atau iktisad orang Islam serta menambah cendekiawan Islam. Sehubungan itu, penubuhan Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Negeri Perak (Institut) terletak di Lot 13764, Jalan Dairy, Ipoh adalah sebagai satu langkah yang dapat memartabatkan dan meningkatkan syiar Islam serta dapat mencapai matlamat Jabatan. Pembinaan Institut ini bertujuan menyediakan kemudahan latihan dalaman kepada kakitangan Jabatan, mengendalikan kursus jangka pendek kepada pendaftar pernikahan, imam, bilal dan siak bagi seluruh Negeri Perak. Institut ini juga bertujuan menyediakan kemudahan dewan serba guna, asrama dan kemudahan lain bagi organisasi Kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan yang ingin mengadakan kursus, seminar atau bengkel. Selain itu, tujuan pembinaan Institut ini adalah sebagai penempatan tetap dan berterusan pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Kerajaan Negeri yang sebelum ini telah ditempatkan di beberapa tempat sementara di sekitar Ipoh.

2.2 Komponen Institut yang terdiri daripada bangunan pentadbiran, dewan kuliah, dewan serba guna, asrama lelaki dan perempuan serta dewan makan adalah selaras dengan misinya menjadikan Institut sebagai sebuah Institusi yang terbaik dalam aspek pengurusan pentadbiran dan kemudahan infrastruktur. Institut ini melibatkan kos pembinaan berjumlah RM16.51 juta telah dimulakan pada bulan Julai 2000. Institut ini dibina oleh Syarikat Maraputra Sdn. Bhd. dan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak sebagai agensi pelaksana. Pembinaan Institut sepatutnya disiapkan pada bulan Disember tahun 2001 iaitu dalam tempoh 75 minggu dari tarikh milik tapak tetapi telah disiapkan pada bulan Disember tahun 2002, iaitu terlewat selama 52 minggu. Ia diserahkan kepada Jabatan pada awal bulan Januari tahun 2003.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek pembinaan dan pengurusan Institut dirancang, di laksana dan diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian Audit adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penyenggaraan projek pembinaan dan pengurusan Institut. Pengauditan tertumpu kepada aktiviti pembinaan Institut bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003 dan pengurusan Institut bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005. Kajian ini dipilih kerana ia melibatkan pembinaan sebuah Institut bagi kepentingan masyarakat Islam di negeri Perak dan melibatkan kos yang tinggi. Pengauditan dijalankan di Pejabat Institut, Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta dan Pejabat Jabatan Agama Islam. Pengauditan yang dijalankan termasuk semakan dokumen, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta pemeriksaan fizikal.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Bagi mencapai objektif pembinaan dan pengurusan Institut, perancangan yang teliti adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian. Kelemahan perancangan akan menyebabkan berlakunya kerugian atau pembaziran dan akan menjejaskan pencapaian matlamat program.

5.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan di negeri Perak seperti mana yang digariskan dalam RMK-7 dan RMK-8. Oleh itu, setiap projek pembinaan fizikal yang dirancang perlulah dapat merealisasikan dasar tersebut dari segi matlamat pembinaannya.

5.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Bagi melaksanakan sesuatu pembangunan projek dan aktiviti berkesan dan teratur, undang-undang dan peraturan perlu diwujudkan. Undang-undang dan peraturan yang diguna pakai ialah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Bahagian V, Perkara 70(1) dan (2) sebelum

sesuatu bangunan baru didirikan, Jabatan perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengemukakan pelan bangunan/pelan susun atur. Justeru, Jabatan akan mengemukakan pelan seperti mana kehendak Akta tersebut. Seterusnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mendapatkan pandangan teknikal daripada pelbagai Jabatan/Agensi lain seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Lembaga Air Perak dari semasa ke semasa mengikut peringkat pelaksanaan projek.

5.1.3 Kajian Kemungkinan

Satu kajian kemungkinan berkaitan dengan lokasi, kos, kumpulan sasaran dan sumbangan Institut akan dijalankan sebelum projek ini dimulakan. Kajian kemungkinan ini merangkumi analisis terhadap semua aspek seperti kajian tanah, analisis pasaran permintaan, analisis teknikal, analisis kewangan, analisis ekonomi dan analisis sosial/politik dengan mengambil kira keperluan masa hadapan Institut kepada Jabatan, pengguna dan masyarakat. Perkara seperti jangkaan kepada implikasi kos, kesesuaian tapak, kesesuaian reka bentuk serta keperluan guna tenaga dan jenis latihan yang akan diadakan perlu diambil kira.

Selain itu, ringkasan projek yang menjelaskan mengenai elemen projek, penilaian projek dan penilaian awal mengenai kos dan faedah projek juga perlu disediakan. Kandungan ringkasan projek ini mengandungi latar belakang projek, objektif, komponen projek, anggaran kos, faedah yang dijangka dan justifikasi projek. Ringkasan ini kemudiannya akan dikemukakan kepada agensi pelaksana kerana Jabatan tidak mempunyai kepakaran teknikal untuk menyediakan reka bentuk dan dokumen projek.

Jabatan akan mengenal pasti kumpulan sasaran yang akan menggunakan Institut tersebut. Adalah penting kumpulan sasaran ini dikenal pasti di peringkat perancangan bagi memastikan penggunaan Institut yang optimum dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran yang akan dikenal pasti adalah:

- a) Pegawai dan kakitangan Jabatan, imam, bilal, siak dan pendaftar pernikahan.
- b) Jabatan/Agensi Kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan yang berhasrat mengadakan kursus, seminar atau bengkel.
- c) Pelajar yang mengikuti kelas tahfiz Al-Quran.

5.1.4 Komponen Projek

Komponen projek adalah pembinaan 6 blok bangunan yang akan disiapkan selama 75 minggu dari tarikh pemilikan tapak. Enam blok tersebut adalah bangunan pentadbiran,

dewan kuliah, dewan serba guna, asrama lelaki dan perempuan serta dewan makan. Merujuk kepada ringkasan projek, blok tersebut perlu mengandungi perkara berikut:

a) Bangunan Pentadbiran

Bangunan pentadbiran akan menempatkan 6 bilik kuliah, satu pejabat pensyarah, dua bilik pegawai, satu bilik pusat sumber, satu bilik perpustakaan dan 5 buah tandas.

b) Dewan Kuliah

Dewan Kuliah yang akan dibina mengandungi 10 bilik kuliah, tandas, pejabat dan bilik urus setia serta 2 bilik pegawai.

c) Dewan Serba Guna

Dewan Serba guna yang akan dibina boleh memuatkan 1,000 orang mengandungi sebuah pentas, sebuah stor dan 3 gelanggang badminton.

d) Asrama lelaki Dan Perempuan

Setiap asrama yang akan dibina boleh menempatkan 150 orang penghuni. Setiap bilik boleh memuatkan 4 orang dan akan dilengkapi dengan almari pakaian, meja dan kerusi, bilik air dan tandas. Sebuah stor, sebuah bilik rehat dan 2 bilik penyelia asrama akan dibina di setiap asrama tersebut.

e) Dewan Makan

Dewan Makan yang akan dibina boleh memuatkan 350 orang yang terdiri daripada ruang makan, sebuah stor dan 1 dapur.

5.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Bagi tujuan melaksanakan pembinaan Institut, Jabatan akan menyerahkan projek ini kepada JKR kerana Jabatan tidak mempunyai kepakaran teknikal dalam bidang pembinaan. JKR akan terlibat sepenuhnya dalam aspek pelaksanaan dan pemantauan. JKR juga akan mengesyorkan kaedah pelaksanaan kepada Lembaga Tender Negeri untuk pemilihan kontraktor dan juru perunding sama ada secara tender terbuka, tender terhad ataupun lantikan terus yang akan diputuskan oleh Lembaga Tender Negeri. Seterusnya JKR akan menguruskan perihal pelantikan kontraktor dan juru perunding.

a) Pelantikan Kontraktor

JKR akan mempelawa kontraktor bagi mengemukakan tawaran melalui tender terhad. Kontraktor yang akan dipelawa adalah hasil penelitian terhadap rekod

prestasi, kewangan syarikat, tenaga pakar dan jentera/peralatan yang dimiliki. JKR akan membuat penilaian tender dan mengemukakan senarai kontraktor yang menawarkan tender dan senarai kontraktor yang disyorkan untuk dipertimbangkan kepada Lembaga Tender Negeri. Lembaga Tender Negeri akan bermesyuarat untuk memilih kontraktor yang akan melaksanakan projek pembinaan Institut ini.

b) Pelantikan Juru Perunding

Pembinaan Institut akan menggunakan khidmat dua juru perunding dari segi reka bentuk struktur bangunan dan ukur bahan. JKR akan mengesyorkan kaedah pelantikan juru perunding kepada Pegawai Kewangan Negeri sama ada melalui lantikan terus atau tender terhad. Kadar bayaran perkhidmatan akan ditentukan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan.

c) Perjanjian Kontrak

Untuk melaksanakan sesuatu projek, perjanjian dan syarat kontrak akan dibuat antara Kerajaan dengan kontraktor yang berjaya. Syarat kontrak dan perjanjian yang akan dimeterai perlulah sentiasa menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dengan memasukkan perkara seperti bon pelaksanaan sebagai jaminan, insurans, tempoh projek, denda lewat, tempoh kecacatan dan kos pembaikan dalam tempoh kecacatan. Kontraktor disyaratkan mengambil bon pelaksanaan 5% daripada harga kontrak dalam bentuk jaminan bank sahaja. Kaedah pembayaran sama ada secara bayaran sekali gus atau potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai 5% dari harga kontrak. Polisi liabiliti awam juga perlu diambil oleh kontraktor untuk tanggungan minimum bernilai RM200,000 bagi satu kemalangan atau siri kemalangan yang berbangkit dari satu kejadian. Insurans perlu meliputi tempoh kontrak dan tempoh liabiliti kecacatan. Selain itu, kontraktor juga dimestikan mengambil polisi insurans untuk kerja bersamaan dengan harga kontrak yang meliputi tempoh kontrak untuk menanggung liabiliti antaranya kebakaran, petir, letupan, ribut dan banjir.

5.1.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga Pembinaan

Keperluan guna tenaga bagi pembinaan projek ini akan diuruskan sepenuhnya oleh JKR yang melibatkan Bahagian Bangunan JKR Kinta, Bahagian Elektrik dan Bahagian Ukur Bahan.

b) Keperluan Guna Tenaga Pengurusan

Jabatan perlu merancang dari segi keperluan guna tenaga yang akan ditempatkan di Institut sebaik beroperasi. Perancangan yang rapi akan memastikan kakitangan yang akan ditempatkan adalah bersesuaian dan memenuhi keperluan. Jabatan merancang akan mewujudkan 27 perjawatan baru di Institut yang diketuai oleh seorang Pengetua. Kertas kerja permohonan perjawatan baru ini akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mendapatkan kelulusan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Bilangan Perjawatan Baru

Jawatan	Bil. Perjawatan Baru Dimohon
Pengurusan Dan Profesional	
- Pengetua	1
- Pegawai Hal Ehwal Islam	4
Sokongan I	
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	4
- Pembantu Hal Ehwal Islam	2
- Pembantu Tadbir	3
- Juruteknik	1
- Juru Audio Visual	1
- Penyelia Asrama	2
Sokongan II	
- Pembantu Tadbir Rendah	2
- Pembantu Am Rendah	2
- Pemandu	1
- Pekerja Am Rendah	4
Jumlah	27

Sumber : Rekod Jabatan Agama Islam

c) Keperluan Latihan

Institut perlu merancang bentuk latihan/modul kursus yang akan dijalankan di Institut. Ini adalah selaras dengan misi Institut iaitu menawarkan pelbagai modul program latihan bagi merealisasikan Islam sebagai Addin.

i) Program Latihan Institut

Pada tahun 2004, Institut tidak ada perancangan mengadakan program latihan. Mulai bulan Januari hingga bulan Oktober tahun 2005, Institut merancang akan menjalankan sebanyak 19 kursus seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Program Latihan Yang Dirancang Bagi Tahun 2005

Bil.	Nama Kursus	Kumpulan Sasar
1.	Kursus Peningkatan Kualiti Diri	Pelajar lelaki sekolah menengah agama
2.	Kursus Pembangunan Nuqaba'	Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat
3.	Kursus Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	Guru tidak terlatih Sekolah Menengah Agama
4.	Kursus Peningkatan Kualiti Diri	Pelajar perempuan Sekolah Menengah Agama
5.	Kursus Pemahaman Undang-undang Keluarga Islam Perak	Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Perak
6.	Kursus Keilmuan Tauhidik	Ketua Kampung, Imam dan Amil
7.	Kursus Asas Kaunseling	Pegawai Jabatan dan Penghulu
8.	Kursus Kecemerlangan Ibadah	Anak kakitangan Jabatan berumur 9 hingga 12 tahun
9.	Kursus Keilmuan Tauhidik	Ketua Kampung dan Imam
10.	Kursus Asas Guru Bestari	Guru Sekolah Agama Rakyat
11.	Kursus Pemahaman Undang-undang Keluarga Islam Perak (Siri 2)	Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Perak
12.	Kursus Asas Penguatkuasaan	Imam dan Pegawai Penguat kuasa Agama
13.	Kursus Pembangunan Insan Taqwa	Pelajar lelaki Sekolah Menengah Agama Rakyat
14.	Kursus Asas Kaunseling	Pegawai Jabatan, Imam Masjid Daerah dan Kaunselor
15.	Kursus Pembangunan Insan Taqwa	Pelajar perempuan Sekolah Menengah Agama Rakyat
16.	Kursus Ibu Cemerlang	Ibu Tunggal Negeri Perak
17.	Kursus Pengucapan Awam	Kakitangan Jabatan dan Imam Masjid Daerah
18.	Kursus Peningkatan Kualiti Kerja Menurut Islam	Kakitangan Jabatan dan Agensi Kerajaan
19.	Kursus Ehya' Ramadhan	Anak-anak kakitangan Jabatan

Sumber : *Rekod Jabatan Agama Islam*

ii) Program Tahfiz Al-Quran

Salah satu matlamat pembinaan Institut adalah untuk menempatkan pelajar tahfiz Al-Quran Kerajaan Negeri di Institut ini secara tetap dan berterusan. Mengikut perancangan awalnya, pengurusan pelajar tahfiz ini akan diletakkan di bawah tanggungjawab Institut. Pelajar tahfiz Al-Quran yang ditempatkan di Institut akan mengikuti pengajian selama 3 tahun dan sukatan pelajaran mengikut tahun pengajian adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Sukatan Pelajaran Pelajar Tahfiz Mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Sukatan Pelajaran	Kekerapan Seminggu (Kali)
Pertama	Hafaz Tasmik (13 juzuk')	5
	Tajwid	2
	Wakaf Ibal Ibtizak	5
	Tafsir	2
	Hadis	2
	Nahu dan soraf	2
	Quran Berlagu	1
Kedua	Hafaz Tasmik (10 juzuk')	5
	Wakaf dan Al-Ibtidah	5
	Qawaidulqiraat	2
	Tafsir	2
	Hadis	2
	Nahu dan soraf	2
	Rasmul Quraan	2
	Quran Berlagu	1
Ketiga	Hafaz Tasmik (7juzu')	5
	Wakaf Ibtidak	4
	Qiraat Bil Irfad	2
	Tafsir	2
	Ilmu Fawasil	2
	Nahu Soraf	2
	Feqah	2
	Quran Berlagu	1

Sumber : Rekod Jabatan Agama Islam

5.1.7 Keperluan Kewangan

Untuk melaksanakan projek pembinaan, peruntukan kewangan yang mencukupi akan disediakan untuk memastikan pembinaan tidak menghadapi masalah atau lewat

disiapkan. Kos pembinaan Institut yang akan ditawarkan adalah berjumlah RM14.97 juta. Setiap tahun Jabatan akan membuat permohonan bajet untuk mendapatkan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Peruntukan kewangan dan perbelanjaan mengurus bagi tujuan pembinaan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2002 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Peruntukan Perbelanjaan Pembinaan Institut Dan
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh Tahun 2000 Hingga 2002

Tahun	Peruntukan Dimohon (RM Juta)	Peruntukan Dimohon (RM Juta)
2000	2.50	-
2001	10.00	-
2002	5.00	-
2003	-	1.40
2004	-	0.20
2005	-	1.58
Jumlah	17.50	3.18

Sumber : Rekod Jabatan Agama Islam

5.1.8 Pengurusan Kebersihan Dan Keselamatan

Sebuah Institut mestilah mempunyai kawasan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat untuk didiami. Bagi tujuan kebersihan dan keselamatan Jabatan merancang akan melantik syarikat swasta yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kebersihan bangunan serta keselamatan kawasan persekitaran Institut.

5.1.9 Rancangan Penyenggaraan Bangunan, Peralatan Dan Kelengkapan

Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 berkenaan pengurusan penyenggaraan, menyatakan bahawa dalam konteks pengurusan sesebuah organisasi atau Jabatan, penyenggaraan merupakan salah satu fungsi yang perlu dijalankan. Ia bagi memastikan sumber fizikal sentiasa berada dalam keadaan produktif, mudah digunakan dan tidak mudah rosak. Sehubungan itu, bagi memastikan bangunan, peralatan dan kelengkapan Institut sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan, satu program penyenggaraan tahunan dan kaedah pelaksanaan penyenggaraan akan disediakan. Jenis penyenggaraan hendaklah berbentuk penyenggaraan pencegahan dan pemuliharaan. Surat Pekeliling tersebut menggariskan empat langkah yang perlu diambil oleh pihak pengurusan Jabatan iaitu:

- a) Melantik pegawai kanan yang bertanggungjawab atas segala aspek penyenggaraan aset di Jabatan.

- b) Menyediakan daftar aset penyenggaraan yang merangkumi maklumat daripada daftar harta modal dan daftar inventori. Aspek yang perlu dikenal pasti terhadap penyenggaraan dalam sebuah bangunan adalah aspek struktur, mekanikal (seperti lif), elektrik (seperti pendawaian) dan luar persekitaran (seperti landskap dan parit).
- c) Pewujudan jadual penyenggaraan untuk setiap butiran dalam daftar aset penyenggaraan.
- d) Merancang pelan operasi penyenggaraan yang akan menentukan aktiviti penyenggaraan untuk semua butiran mengikut jangka waktu tertentu.

Dengan itu, perancangan akan dibuat dengan rapi untuk memastikan bangunan yang siap dibina termasuk dengan peralatan dan kelengkapan dapat disenggarakan dengan sempurna. Bagi tujuan ini, Jabatan perlu menyediakan peruntukan kewangan dan kakitangan yang mencukupi. Justeru, Jabatan akan membuat permohonan peruntukan penyenggaraan kepada Kerajaan Negeri.

Pada pandangan Audit, perancangan pembinaan dan pengurusan Institut adalah memuaskan.

5.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan projek pembinaan Institut mencapai matlamatnya, Jabatan perlu menentukan pelaksanaannya diuruskan dengan cekap.

5.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan di negeri Perak seperti mana yang digariskan dalam RMK-7 dan RMK-8. Sehubungan itu, pembinaan Institut yang berteraskan Islam adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan amnya, pendidikan Islam dan meningkatkan syiar Islam.

Pada pendapat Audit, pembinaan Institut adalah baik kerana ia selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

5.2.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Bahagian V, Perkara 70(1) dan (2) sebelum sesuatu bangunan baru didirikan, Jabatan perlu mendapatkan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengemukakan pelan bangunan/pelan susun atur. Semakan Audit mendapati tiada bukti JKR telah

mengemukakan pelan bangunan/pelan susun atur kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan. Selain itu, adalah didapati tiada laporan/pandangan teknikal pelbagai Jabatan/Agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Lembaga Air Perak diperolehi oleh JKR.

Pada pendapat Audit, JKR sepatutnya mengemukakan pelan bangunan/pelan susun atur kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan.

5.2.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan dan ringkasan projek adalah perlu sebelum satu projek pembinaan bangunan dilaksanakan. Semakan Audit mendapati kajian kemungkinan yang menyeluruh tidak disediakan oleh Jabatan. Jabatan tidak menjalankan analisis pasaran permintaan, analisis teknikal, analisis kewangan, analisis ekonomi dan analisis sosial/politik berhubung pembinaan Institut ini. Bagaimanapun, tapak pembinaan Institut yang terletak di Lot 13764, Jalan Dairy, Ipoh telah menjalani penyiasatan tanah pada bulan Oktober 1997 dan mendapati struktur tanah adalah sesuai.

Selain itu, satu ringkasan projek telah disediakan oleh Jabatan pada tahun 1997 dan dikemukakan kepada JKR yang bertindak sebagai agensi pelaksana. Pemeriksaan Audit mendapati ringkasan projek yang disediakan oleh Jabatan mengandungi elemen seperti nama projek, latar belakang, pelaksanaan projek, lokasi tapak, keselamatan dan keperluan kewangan. Bagaimanapun, ia terlalu ringkas dan tidak mengandungi anggaran kos projek, faedah yang dijangka diperolehi serta justifikasi pembinaan projek. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Jabatan tidak menerangkan secara terperinci kehendak keselamatan yang diperlukan kerana ia hanya menyatakan secara umum bahawa bangunan hendaklah direka bentuk lengkap dengan ciri keselamatan. Kesannya bangunan Institut adalah terdedah kepada kegiatan pencerobohan dan kecurian.

Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan dan ringkasan projek yang disediakan kurang memuaskan. Ringkasan projek yang disediakan tidak lengkap dengan elemen yang diperlukan dan kurang terperinci.

5.2.4 Kaedah Pelaksanaan

Pembinaan Institut akan dijalankan secara reka dan bina oleh JKR dengan menggunakan khidmat kontraktor dan juru perunding. Semakan Audit terhadap kaedah pelantikan kontraktor dan juru perunding mendapati perkara berikut:

a) Pelantikan Kontraktor

Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan pembinaan Institut telah dibuat melalui tender terhad. JKR telah mengemukakan 17 syarikat kontraktor Bumiputera Kelas A di negeri Perak kepada Lembaga Tender Negeri untuk pertimbangan menyertai tender tetapi hanya 9 syarikat sahaja yang dipelawa. Bagaimana pun hanya 8 daripada 9 syarikat kontraktor yang mengemukakan tawaran tender. JKR telah menyenaraikan 8 syarikat kontraktor tersebut mengikut keutamaan daripada aspek tawaran harga kontrak, prestasi, kekukuhan kewangan, kepakaran dan loji/jentera dimiliki serta tenaga kerja yang mencukupi. JKR telah mengesyorkan Syarikat supaya Pantel Enterprise Sdn. Bhd kepada Lembaga Tender Negeri untuk pertimbangan dengan tawaran berjumlah RM14.74 juta dan tempoh siap kerja selama 95 minggu. Namun, Lembaga Tender Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan ahli yang terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Pembangunan Negeri telah memilih Syarikat Maraputra Sdn. Bhd untuk melaksanakan pembinaan Institut dengan harga tawaran berjumlah RM14.97 juta dan tempoh siap kerja selama 75 minggu. Pemilihan Syarikat Maraputra Sdn. Bhd adalah disebabkan tempoh yang ditawarkan untuk menyiapkan Institut adalah 20 minggu lebih cepat daripada Syarikat Pantel Enterprise Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor secara tender terhad adalah mengikut peraturan kewangan dan wajar kerana mempercepatkan proses pemilihan kontraktor dan pelaksanaan projek memandangkan pembinaan Institut perlu disegerakan atas sebab keperluan semasa Jabatan.

b) Pelantikan Juru Perunding Reka Bentuk Struktur Bangunan

Pemilihan juru perunding reka bentuk struktur bangunan dibuat secara lantikan terus setelah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. JKR telah mengemukakan 3 syarikat juru perunding kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan. Tiga syarikat yang dikemukakan adalah berdasar kepada penelitian terhadap laporan prestasi kerja, kedudukan kewangan dan kepakaran setiap syarikat. Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju memilih Syarikat H.S. Perunding sebagai juru perunding reka bentuk struktur bangunan dengan kos berjumlah RM729,422 berkuat kuasa mulai bulan Julai 1997.

c) Pelantikan Juru Perunding Ukur Bahan

Pemilihan juru perunding ukur bahan dibuat secara lantikan terus setelah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. JKR telah mengemukakan 3 syarikat juru perunding ukur bahan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan. Tiga

syarikat yang dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri juga adalah berdasarkan kepada penelitian terhadap laporan prestasi kerja, kedudukan kewangan dan kepakaran setiap syarikat. Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju memilih Syarikat RM Associates sebagai juru perunding ukur bahan dengan kos berjumlah RM281,346 berkuat kuasa mulai bulan Februari 2000.

Pada pendapat Audit, kaedah pelantikan kedua-dua juru perunding secara lantikan terus adalah memuaskan. Ia dilaksanakan secara teratur dan wajar untuk mempercepatkan proses pelaksanaan projek.

d) Perjanjian Kontrak


Semua kontraktor yang melaksanakan sesuatu projek pembinaan perlu menyediakan perjanjian kontrak seperti mana yang dipersetujui antara JKR dan kontraktor. Setelah kontraktor bersetuju melaksanakan projek ini, Kerajaan dan kontraktor berkenaan perlu menandatangani satu perjanjian kontrak. Semakan Audit mendapati dokumen kontrak telah ditandatangani pada akhir tahun 2000. Kontraktor telah memilih kaedah pemotongan 10% daripada bayaran interim sehingga mencapai 5% daripada harga kontrak sebagai pembayaran untuk wang jaminan pelaksanaan. Wang ini akan dikembalikan selepas tamat tempoh kecacatan dan setelah dikeluarkan perakuan siap membaiki kecacatan. Selain itu, dokumen kontrak juga memasukkan klausa polisi insurans untuk kerja bersamaan dengan harga kontrak dan meliputi tempoh kontrak, denda ganti rugi, tempoh kecacatan dan pembaikan dalam tempoh kecacatan adalah ditanggung oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, syarat dan perjanjian kontrak yang disediakan adalah memuaskan. Ia disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan dan menjaga kepentingan Kerajaan.

5.2.5 Kemajuan Fizikal Projek

Seperti mana yang dinyatakan dalam perjanjian, komponen projek pembinaan Institut mengandungi bangunan pentadbiran, dewan kuliah, dewan serba guna, asrama lelaki dan perempuan serta dewan makan. Semakan Audit mendapati kemajuan fizikal projek adalah lewat daripada jadual asal dan kontraktor telah diberi lanjutan masa oleh JKR. Pada bulan Disember 2001 projek yang sepatutnya mencapai 100% siap tetapi hanya 67% siap. Carta kemajuan fizikal projek bagi menunjukkan perbandingan antara jadual asal, lanjutan masa dan sebenar adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1



Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya

a) Tempoh Siap Kerja

Mengikut dokumen kontrak, pembinaan Institut perlu disiapkan pada bulan Disember 2001 iaitu dalam tempoh 75 minggu daripada tarikh milik tapak pada bulan Julai 2000. Perakuan siap kerja hanya dapat dikeluarkan oleh JKR pada bulan Disember 2002. Projek ini telah lewat disiapkan selama 52 minggu dari tarikh sepatutnya siap iaitu pada bulan Disember 2001. Semakan Audit mendapati empat lanjutan masa diberi dan diluluskan oleh JKR setelah meneliti dan berpuas hati dengan alasan yang diberi oleh kontraktor. Punca kelewatan adalah disebabkan kelewatan subkontraktor yang dilantik oleh JKR untuk melakukan kerja pendawaian elektrik dan pemasangan telefon, alat hawa dingin dan *sanitary plumbing*. Selain itu, kelewatan kerja ini juga menyebabkan kelewatan pembekalan kuasa elektrik ke bangunan dewan makan oleh Tenaga Nasional Berhad.

Pada pendapat Audit, tempoh siap kerja pembinaan Institut oleh Syarikat Maraputra Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan. Ini kerana syarikat tersebut telah lewat menyiapkan kerja selama 52 minggu daripada tarikh yang sepatutnya.

b) Bangunan Pentadbiran

Bangunan pentadbiran telah berjaya disiapkan seperti yang dirancang. Bagaimanapun, beberapa pindaan telah dilakukan atas kehendak Jabatan dan dipersetujui oleh JKR dan kontraktor. Lawatan Audit mendapati, pejabat pensyarah telah ditukar kepada pejabat pentadbiran am, dua bilik kuliah telah dijadikan 2 bilik

komputer, satu bilik perpustakaan telah dijadikan 1 bilik mesyuarat dan 1 bilik Pengetua sementara 1 bilik pusat sumber telah dijadikan 1 bilik makmal bahasa.

Pada pendapat Audit, pembahagian bangunan yang dilaksanakan adalah memuaskan. Jabatan telah mengenal pasti keperluannya bagi tujuan urusan pentadbiran dan pengurusan. Bagaimanapun, Jabatan sepatutnya mengekalkan bilik perpustakaan sebagai pusat rujukan bagi pelajar seperti mana yang dirancang.

c) Dewan Kuliah, Dewan Serba Guna, Asrama Lelaki Dan Perempuan Serta Dewan Makan

Komponen bangunan tersebut telah disiapkan seperti yang dirancang tanpa sebarang pindaan. **Foto 1** dan **2** menunjukkan bangunan yang telah siap pembinaannya.

Foto 1
Bangunan Pentadbiran



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Ogos 2005

Lokasi : Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

Foto 2
Dewan Serba Guna



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Ogos 2005

Lokasi : Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

d) Pemeriksaan Mengikut Senarai Kuantiti

Bagi memastikan pencapaian tahap mutu kerja, kualiti bahan serta mematuhi spesifikasi, kontraktor perlu merujuk kepada dokumen kontrak. Semasa lawatan Audit yang telah dijalankan pada bulan Oktober 2005 bersama dengan Juruteknik Kanan JKR dan wakil Institut mendapati bahawa 3 jenis bekalan peralatan dan perabot adalah tidak mengikut ukuran dan spesifikasi yang ditetapkan di senarai kuantiti. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Peralatan Perabot Yang Tidak Mengikut Senarai Kuantiti

Bil.	Rujukan Kadar Harga Kontrak	Ukuran		Harga (RM)	Perbezaan Kadar (m ³)	Kuantiti	Implikasi Kewangan Terlebih/(Kurang) Bayar (RM)
		Dokumen Kontrak	Audit				
Bilik Persalinan Di Dewan Serba guna							
1.	C/2D/15/2 Almari pakaian	4700mm x 450mm x 2400mm (5.08 m ³)	4040mm x 600mm x 2220mm (5.38 m ³)	3,980 setiap set	(0.3)	2 Unit	(470)
Blok Asrama							
2.	Meja pelajar	4500mm x 750mm x 750mm (2.53m ³)	3800mm x 750mm x 750mm (2.14m ³)	1,330	0.39	78 bilik	15,991
Blok Asrama							
3.	Kerusi pelajar	4 setiap bilik	2 setiap bilik	100 seunit	2	78 bilik	15,600
Jumlah							31,121

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya

Pada pendapat Audit, kelengkapan dan perabot yang dibekalkan adalah kurang memuaskan. Ini berdasarkan pemeriksaan Audit bersama dengan pihak Jabatan Kerja Raya mendapati spesifikasi kelengkapan dan perabot yang dibekalkan berbeza seperti yang dinyatakan di senarai kuantiti.

e) Laporan Kesempurnaan Projek

JKR perlu membuat pemeriksaan menyeluruh projek pembinaan Institut untuk mengesan kecacatan yang berlaku sebelum mengeluarkan Sijil Siap Kerja. Semakan Audit mendapati, pemeriksaan telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2002, iaitu 2 bulan sebelum Sijil Siap Kerja dikeluarkan. Kecacatan yang dapat dikesan seperti lantai dewan serba guna tidak rata, kerja-kerja melepa tidak memuaskan, beberapa tiang tidak tegak, kerja penanaman rumput tidak memuaskan dan pemasangan

permaidani tidak kemas. Laporan telah dikeluarkan kepada kontraktor, Syarikat Maraputra Sdn. Bhd pada bulan yang sama supaya memperbaiki kecacatan tersebut. Mengikut laporan, tindakan telah diambil oleh kontraktor dengan serta merta. Pada bulan Oktober 2003 iaitu 2 bulan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat, wakil pegawai penguasa sekali lagi memeriksa keseluruhan bangunan Institut. Berdasarkan Laporan kerosakan mendapati kelemahan seperti lantai pecah, tombol kunci pintu rosak, atap bocor, jubin dinding tercabut, cat dinding tertanggal, paip bocor dan pintu tidak boleh ditutup telah dikemukakan kepada kontraktor untuk dibaiki. Bagaimanapun, mengikut laporan, kontraktor telah mengambil tindakan membaiki kerosakan tersebut.

Pada pendapat Audit, tindakan yang diambil terhadap ketidaksempurnaan projek adalah tidak memuaskan. Walaupun JKR telah menjalankan pemeriksaan dan melaporkan kecacatan pembinaan dalam tempoh kecacatan serta telah diambil tindakan sewajarnya oleh kontraktor, pihak Audit mendapati kerosakan masih berlaku lagi.

f) Pemeriksaan Fizikal

Pemeriksaan fizikal Audit ke Institut pada bulan Ogos 2005 dan bulan Oktober 2005 mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Bumbung Bocor Di Dewan Makan

Bumbung bocor di dewan makan telah dapat dikesan oleh pihak JKR pada bulan Oktober 2003 dan telah 3 kali dibuat pembaikan oleh kontraktor. Selain itu, siling di dewan makan telah diresapi air akibat bumbung bocor. Semasa lawatan susulan Audit pada bulan Oktober 2005 mendapati siling berkenaan masih belum diperbaiki. Foto siling yang diresapi air akibat bumbung bocor seperti di **Foto 3**.

Foto 3
Siling Yang Diresapi Air Di Dewan Makan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 17 Oktober 2005
Lokasi : Dewan Makan, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

Pada pendapat Audit, penyenggaraan bangunan adalah kurang memuaskan kerana Institut tidak mempunyai jadual penyenggaraan bangunan yang teratur dan ini mengakibatkan masalah tersebut berulang. Pihak Kontraktor perlu bertanggungjawab membaiki kerosakan tersebut.

ii) Makmal Bahasa

Perancangan asal Pusat Latihan Institut Tadbir Islam Perak menyediakan sebuah makmal bahasa yang dilengkapi dengan sistem alat pendengaran dan boleh memuatkan seramai 25 orang adalah untuk kegunaan pelajar tahfiz Al-Quran. Ini disebabkan salah satu sukatan pelajaran tahfiz Al-Quran adalah pembelajaran bahasa Arab dan kemudahan peralatan di makmal ini akan dapat membantu para pelajar mempelajari bahasa tersebut secara lebih berkesan. Kos peralatan tersebut berjumlah RM219,685 yang meliputi makmal bahasa, dewan kuliah dan dewan serba guna. Pemeriksaan Audit mendapati makmal bahasa yang siap disediakan tidak digunakan selama 2 tahun disebabkan teknologi dan peralatan yang siap digunakan selama 2 tahun telah usang serta tiada juru audio visual untuk mengendalikan peralatan di makmal tersebut. Foto makmal bahasa seperti di **Foto 4**.

Foto 4
Makmal Bahasa Yang Terbiar



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Ogos 2005

Lokasi : Makmal Bahasa, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

Pada pendapat Audit, pengurusan makmal bahasa dan kelengkapannya adalah tidak memuaskan kerana makmal bahasa berserta kemudahan peralatan yang dibekalkan tidak digunakan selama tempoh 2 tahun.

iii) Bilik Komputer Dan Peralatan Komputer

Dua buah bilik kuliah yang terletak di aras 1 bangunan pentadbiran Institut telah dijadikan bilik komputer. Bagi membolehkan ianya berfungsi, Jabatan telah memohon peruntukan sejumlah RM78,000 daripada Pejabat Kewangan Negeri untuk pembelian 20 unit komputer termasuk pencetak dan meja bernilai RM3,500 seunit dan 2 buah komputer riba bernilai RM4,000 seunit. Sepuluh unit komputer dan peralatannya akan ditempatkan di bilik komputer dan selebihnya di bilik pentadbiran. Berdasarkan surat permohonan tersebut, justifikasi pembelian komputer adalah untuk memberi pembelajaran komputer kepada pelajar dan bagi tujuan urusan pentadbiran dan pengurusan Institut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada sukatan pelajaran tahfiz Al-Quran berkaitan bidang teknologi maklumat dan tiada tenaga pengajar khusus untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Semasa lawatan Audit mendapati kedua-dua bilik komputer tersebut dan 7 buah komputer masih belum digunakan manakala 13 komputer lagi telah ditempatkan di bilik pentadbiran untuk kegunaan pihak pengurusan

Institut. Komputer dan peralatannya di bilik komputer yang tidak digunakan merupakan satu pembaziran. Bilik komputer dan peralatan komputer yang masih belum digunakan seperti di **Foto 5**.

Foto 5

Bilik Komputer Dan Peralatan Komputer Masih Belum Digunakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 Oktober 2005

Lokasi : Bilik Komputer, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

Pada pendapat Audit, pengurusan bilik komputer dan peralatan komputer adalah tidak memuaskan.

iv) Dapur Dewan Makan

Perancangan asal pembinaan dapur di dewan makan adalah untuk penyajian bermasak makanan yang dibawa daripada luar. Oleh itu dapur tersebut tidak disediakan dengan alat kelengkapan memasak. Komponen penting seperti saluran pelepasan asap, dapur dan peti sejuk bagi menyimpan bahan mentah tidak disediakan. Tanpa kemudahan peralatan memasak akan menjejaskan kebersihan, pencemaran udara dan juga keselamatan. **Foto 6** peralatan memasak kepunyaan pembekal di dapur dewan makan.

Foto 6
Peralatan Memasak Di Dapur Dewan Makan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 Oktober 2005

Lokasi : Dapur Dewan Makan, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

Pada pendapat Audit, kemudahan peralatan memasak adalah kurang memuaskan.

5.2.6 Prestasi kewangan

Kos asal projek ini adalah sejumlah RM14.97 juta. Peruntukan perbelanjaan pembangunan yang diluluskan untuk pembinaan Institut bagi tempoh tahun 2000 hingga 2002 adalah berjumlah RM17.50 juta berbanding perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM16.51 juta atau 94.3%. Ini menunjukkan sejumlah RM1.54 juta merupakan tambahan kepada kos asal setelah diluluskan 21 arahan perubahan kerja melibatkan tambahan kos sejumlah RM0.68 juta dan 28 pelarasan harga kontrak berjumlah RM0.86 juta. Sembilan belas daripada 21 arahan perubahan kerja melibatkan kos tambahan sejumlah RM1.08 juta sementara 2 arahan perubahan kerja melibatkan kurangan kos sejumlah RM0.40 juta. Sembilan belas daripada 28 pelarasan harga kontrak pula melibatkan tambahan sejumlah RM1.44 juta dan 9 pelarasan harga kontrak lagi merupakan kurangan sejumlah RM0.58 juta. Pertambahan kos ini adalah dibenarkan dan masih tidak melebihi siling peruntukan RM17.50 juta yang diluluskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati 3 kerja yang telah dibuat melalui arahan perubahan kerja berjumlah RM146,256 adalah di luar skop kerja yang sepatutnya. Butiran kerja yang terlibat adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Kerja Di Luar Skop Institut

Bil.	Perihal Kerja	Lokasi	Jumlah (RM)
1.	Membaiki paip air dan tangki air berserta kerja berkaitan	Masjid Jalan Dairy	1,926
2.	Plaster siling	Masjid Jalan Dairy	84,080
3.	Pemasangan lampu <i>downlight</i>	Masjid Jalan Dairy	60,250
Jumlah			146,256

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya

Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut mendapati semua arahan perubahan kerja telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR sementara Timbalan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah Kontrak dan Ukur Bahan sebagai ahli.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan untuk menyiapkan projek pembinaan Institut adalah kurang memuaskan. Projek sepatutnya di siap selama 75 minggu tetapi telah lewat selama 52 minggu dengan tambahan kos sejumlah RM1.54 juta melalui 21 arahan perubahan kerja dan 28 pelarasan harga kontrak.

5.2.7 Prestasi Bayaran Kemajuan

Bayaran kemajuan layak dituntut oleh kontraktor setelah melaksanakan sebahagian kerja yang dinyatakan di dalam kontrak. Pemeriksaan terhadap perakuan bayaran kemajuan mendapati pengesahan bayaran telah dilakukan oleh RM Associates, juru perunding ukur bahan yang telah dilantik. Jumlah yang dinilai oleh juru perunding ini seterusnya telah diperakui oleh wakil Pegawai Penguasa sama ada dengan pindaan atau pun tanpa pindaan. Bayaran kemajuan telah dibuat mengikut kemajuan fizikal projek yang dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, bayaran kemajuan adalah baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

5.2.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

Jabatan mengemukakan kertas kerja pada tahun 2000 kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan 27 perjawatan baru di Institut. Pemeriksaan Audit mendapati hanya 15 perjawatan baru yang diluluskan oleh Jabatan

Perkhidmatan Awam pada bulan Disember 2003. Lima belas perjawatan baru yang diwujudkan dan diisi adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Perjawatan Yang Dimohon, Diluluskan Dan Diisi

Kumpulan	Bilangan Perjawatan		
	Dimohon	Diluluskan	Diisi
Pengurusan dan Profesional			
Pengetua	1	1	1
Pegawai Hal Ehwal Islam	4	2	2
Sokongan I			
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	4	4	4
Pembantu Hal Ehwal Islam	2	0	0
Pembantu Tadbir	3	2	2
Juruteknik	1	1	1
Juru Audio Visual	1	0	0
Penyelia Asrama	2	2	2
Sokongan II			
Pembantu Tadbir Rendah	2	2	1
Pembantu Am Rendah	2	0	0
Pemandu	1	1	0
Pekerja Am Rendah	4	0	0
Jumlah	27	15	13

Sumber : Rekod Jabatan Agama Islam

Dua perjawatan yang belum diisi adalah Pemandu dan Pembantu Tadbir Rendah. Semakan Audit selanjutnya, mendapati 12 perjawatan yang tidak diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ialah 2 Pegawai Hal Ehwal Islam, 2 Pembantu Hal Ehwal Islam, seorang Pembantu Tadbir, seorang Juru Audio Visual, 2 Pembantu Am Rendah dan 4 Pekerja Rendah Awam boleh menjejaskan urusan pentadbiran dan pengurusan Institut. Ini kerana ketika kursus dijalankan di Institut, kakitangan seperti pembantu tadbir, juruteknik, jurutaip dan beberapa kakitangan lain terpaksa menjalankan tugas sebagai urus setia iaitu di luar bidang tugas sebenar. Selain itu, adalah didapati pihak Institut juga meminjam 2 kakitangan Jabatan untuk menjalankan tugas Pembantu Tadbir Rendah yang belum diisi dan tugas urus setia kursus.

Pada pendapat Audit, pengurusan Jabatan terhadap keperluan guna tenaga di Institut adalah kurang memuaskan.

b) Keperluan Latihan

Bagi tujuan merealisasikan misinya menjadi sebuah institusi yang terbaik dalam aspek pengurusan dan kemudahan infrastruktur, Institut menawarkan pelbagai program latihan kepada kakitangan Jabatan dan menyediakan kemudahan kepada Jabatan/Agensi Kerajaan, pihak swasta untuk keperluan latihan.

i) Program Latihan Institut

Institut telah mula beroperasi pada bulan Ogos 2003 dan perlu menyediakan rangka latihan atau modul kursus bagi tahun 2004 dan 2005. Pemeriksaan Audit mendapati, Institut belum menyediakan perancangan kursus atau modul latihan yang perlu dijalankan pada tahun 2004. Bagaimanapun, adalah didapati pada tahun 2004, satu kursus telah dianjurkan oleh Institut, sementara sebanyak 77 kursus, seminar, bengkel dan mesyuarat telah diadakan di Institut ini yang dianjurkan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan dan organisasi swasta. Kursus yang telah diadakan pada tahun 2004 adalah sebanyak 15 kursus melibatkan seramai 5,130 orang peserta seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Kursus Yang Telah Diadakan Di Institut Pada Tahun 2004

Bil.	Nama Kursus	Kumpulan Sasar	Bil. Peserta (Orang)
1.	Program Pendedahan Undang-undang Jenayah Syariah	Pegawai Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Syariah Jabatan	300
2.	Program Motivasi Wawasan	Pelajar Sekolah Menengah Agama	300
3.	Konvensyen Kolej Pembantu Perubatan Hulu Kinta	Pembantu Perubatan Kolej Perubatan Hulu Kinta	1,000
4.	Ijtimak Guru-guru Agama Bertauliah	Guru-guru Agama	500
5.	Mesyuarat Perwakilan UMNO	Ahli-ahli Perwakilan UMNO seluruh Perak	500
6.	Majlis Tilawah Al-Quran	Kakitangan Tenaga Nasional Berhad	500
7.	Motivasi Pelajar	Pelajar Sekolah Menengah	250
8.	Bengkel MS ISO 9001 : 2000	Kakitangan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	80
9.	Pertandingan Multimedia Kemerdekaan Antara Gabungan IPTA dan IPTS	Pelajar IPTA dan IPTS	500
10.	Kursus Tatacara Perolehan	Kakitangan Bahagian Farmasi Hospital Ipoh	50
11.	Kursus Kontraktor Binaan	Kontraktor Negeri Perak	50
12.	Program Anugerah Kecemerlangan	Pelajar Sekolah Menengah Teknik	500
13.	Seminar Pencegahan Keganasan Rumah tangga	Kakitangan Hospital Ipoh	200
14.	Kursus Wabak Penyakit	Kakitangan Pejabat Kesihatan	300
15.	Mesyuarat Agong Koperasi	Kakitangan Kementerian Perbadanan Pertanian Perak Berhad	100

Sumber : *Rekod Jabatan Agama Islam*

Pada tahun 2005, Institut telah menjalankan sebanyak 19 kursus melibatkan seramai 923 orang peserta seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Kursus Yang Telah Dijalankan Oleh Institut Pada Tahun 2005

Bil.	Nama Kursus	Kumpulan Sasar	Bil. Peserta (Orang)
1.	Kursus Peningkatan Kualiti Diri	Pelajar lelaki Sekolah Menengah Agama	60
2.	Kursus Pembangunan Nuqaba'	Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat	27
3.	Kursus Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	Guru tidak terlatih Sekolah Menengah Agama	56
4.	Kursus Peningkatan Kualiti Diri	Pelajar perempuan Sekolah Menengah Agama	60
5.	Kursus Pemahaman Undang-undang Keluarga Islam Perak	Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Negeri Perak	45
6.	Kursus Keilmuan Tauhidik	Ketua Kampung, Imam dan Amil	50
7.	Kursus Asas Kaunseling	Pegawai Jabatan dan Penghulu	50
8.	Kursus Kecemerlangan Ibadah	Anak kakitangan Jabatan berumur 9 hingga 12 tahun	60
9.	Kursus Keilmuan Tauhidik	Ketua Kampung dan Imam	40
10.	Kursus Asas Guru Bestari	Guru Sekolah Agama Rakyat	60
11.	Kursus Pemahaman Undang-undang Keluarga Islam Perak (Siri 2)	Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Negeri Perak	45
12.	Kursus Asas Penguatkuasaan	Imam dan Pegawai Penguatkuasa Agama	40
13.	Kursus Pembangunan Insan Taqwa	Pelajar lelaki Sekolah Menengah Agama Rakyat	40
14.	Kursus Asas Kaunseling	Pegawai Jabatan, Imam Masjid Daerah dan Kaunselor	50
15.	Kursus Pembangunan Insan Taqwa	Pelajar perempuan Sekolah Menengah Agama Rakyat	40
16.	Kursus Ibu Cemerlang	Ibu Tunggal Negeri Perak	50
17.	Kursus Pengucapan Awam	Kakitangan Jabatan dan Imam Masjid Daerah	40
18.	Kursus Peningkatan Kualiti Kerja Menurut Islam	Kakitangan Jabatan dan Agensi Kerajaan	40
19.	Kursus Ehya' Ramadhan	Anak-anak kakitangan Jabatan	60

Sumber : Rekod Jabatan Agama Islam

Selain daripada kursus yang dianjurkan oleh Institut, sebanyak 59 kursus lain telah diadakan di Institut oleh Jabatan/Agensi Kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan pada tahun 2005.

ii) Program Tahfiz Al-Quran

Seramai 40 pelajar tahfiz Al-Quran terdiri daripada 27 pelajar tahun 3, lima pelajar tahun 2 dan 8 pelajar tahun 1 sedang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Institut mulai bulan Ogos 2003. Semakan Audit mendapati sukatan pelajaran tahfiz Al-Quran adalah ke arah melahirkan para tahfiz Al-Quran yang berjaya. Bagaimanapun, pelajar tidak didedahkan dengan mata pelajaran teknologi

maklumat sebagai mata pelajaran tambahan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bidang tersebut. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati pelajar tahfiz yang ditempatkan di Institut ini adalah untuk sementara sahaja berdasarkan keputusan Jabatan yang dibuat pada bulan September 2004. Ini adalah bertentangan dengan tujuan asal penubuhan Institut yang mana salah satu matlamat pembinaannya ialah penempatan pelajar tahfiz Al-Quran Kerajaan Negeri secara tetap dan berterusan.

Pada pendapat Audit, program latihan berterusan yang ditawarkan oleh Institut adalah memuaskan. Institut telah berjaya menganjurkan kursus seperti yang dirancang dan memberi kemudahan penganjuran kursus kepada jabatan/agensi Kerajaan, pihak swasta dan badan bukan Kerajaan bagi merealisasikan matlamat pembinaannya.

5.2.9 Pengurusan Kebersihan Dan Keselamatan

Jabatan telah melantik 2 syarikat swasta yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja kebersihan dan keselamatan di kawasan Institut bagi memastikan kebersihan dan keselamatannya.

a) Kebersihan

Bagi tujuan pengurusan kebersihan, Syarikat ISBA Bersih Sdn. Bhd. telah dilantik bagi tempoh awal bulan Mac 2005 hingga akhir bulan Februari 2007 dengan harga kontrak sejumlah RM105,033 setahun. Semakan Audit terhadap surat perjanjian antara Jabatan dan Syarikat ISBA Sdn. Bhd. mendapati spesifikasi kerja merangkumi kawasan di sekitar bangunan pentadbiran, asrama, dewan makan dan luar kawasan. Surat perjanjian menetapkan jadual pembersihan dan kawasan yang perlu dibersihkan oleh pekerja syarikat tersebut. Semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2005 mendapati persekitaran Institut adalah bersih. **Foto 7** menunjukkan keadaan bersih bahagian luar dewan kuliah.

Foto 7
Bahagian Luar Dewan Kuliah Dalam Keadaan Bersih



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 Oktober 2005

Lokasi : Bahagian Luar Dewan Kuliah, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

b) Keselamatan

Pada peringkat awal Institut ini beroperasi, Jabatan telah melantik syarikat keselamatan A.K. Protection Systems Sdn. Bhd. bagi tempoh awal bulan Februari 2004 hingga akhir bulan Januari 2005 dengan harga kontrak sejumlah RM32,704 setahun bagi tujuan pengurusan keselamatan di Institut. Setelah tamat kontrak syarikat tersebut, mulai bulan Mac 2005 hingga Februari 2007 Jabatan telah melantik Syarikat Selat Tebrau Security Services Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja pengurusan keselamatan di Institut termasuk kawasan Masjid Sultan Azlan Shah dengan harga kontrak sejumlah RM90,317 setahun. Semakan terhadap surat perjanjian mendapati ia adalah merangkumi pengurusan keselamatan di kawasan Masjid.

i) Pencerobohan

Berdasarkan ringkasan projek yang disediakan oleh Jabatan, bangunan Institut perlu direka bentuk dan dilengkapi dengan ciri keselamatan. Semasa lawatan Audit mendapati keselamatan institut adalah tidak terjamin kerana tingkap dan pintu tidak dipasang jeriji besi. Berdasarkan penjelasan daripada pegawai Institut, pernah berlaku pencerobohan di dewan serba guna. Bagaimanapun, pihak pengurusan Institut telah memasang jeriji besi pada tingkap berkenaan bagi tujuan keselamatan. Ini menunjukkan perancangan awal tidak mengambil kira ciri

keselamatan yang diperlukan. **Foto 8** menunjukkan tingkap dan pintu yang tidak dipasang geriji besi.

Foto 8
Tingkap Di Pintu Yang Tidak Mempunyai Ciri Keselamatan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 Oktober 2005

Lokasi : Bilik Komputer, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

Selain itu, adalah diperhatikan tiada pondok pengawal yang disediakan di tepi pintu pagar sebelum masuk ke kawasan Institut. Pengawal keselamatan ditempatkan di kaunter pengawal di bangunan pentadbiran. Semakan Audit mendapati, Syarikat Selat Tebrau Security Services Sdn. Bhd. telah dibayar untuk menjaga keselamatan di kawasan persekitaran Masjid dan Institut. **Foto 9** menunjukkan kaunter pengawal yang ditempatkan di bangunan pentadbiran Institut.

Foto 9
Kaunter Pengawal Terletak Di Bahagian Pentadbiran



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 Oktober 2005

Lokasi : Kaunter Pengawal, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

ii) Keselamatan Peralatan Pandang Dengar

Dewan serba guna dilengkapi dengan sistem alat pandang dengar yang ditempatkan di bahagian atas kiri pentas utama. Penggunaan peralatan tersebut adalah terhad semasa program atau kursus diadakan di dewan serba guna sahaja. Peralatan ini mempunyai nilai yang tinggi dan sepatutnya ia diletak di tempat yang selamat bagi mengelakkan kecurian atau disalahgunakan. Lawatan Audit ke dewan serba guna mendapati alat pandang dengar di pentas tidak diletakkan di bilik kawalan khas sebagai langkah keselamatan. **Foto 10** menunjukkan tempat peralatan tersebut diletakkan di dewan serba guna.

Foto 10

Peralatan Pandang Dengar Di Dewan Serba guna



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 Oktober 2005

Lokasi : Dewan Serba Guna, Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak

iii) Pas Pelawat

Bagi tujuan keselamatan, pas pelawat atau buku daftar pelawat perlu disediakan oleh Institut. Adalah diperhatikan tiada pas pelawat ataupun daftar pelawat disediakan di kaunter pengawal keselamatan untuk digunakan oleh pihak yang berurusan dengan Institut. Keadaan ini boleh memberi peluang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab bebas keluar masuk kawasan tersebut.

Pada pendapat Audit, pelantikan syarikat untuk kerja kebersihan dan keselamatan adalah baik dan wajar memandangkan Institut sering dikunjungi oleh peserta kursus dan pelawat. Bagaimanapun, tahap keselamatan Institut masih tidak memuaskan.

5.2.10 Pengurusan Asrama

Institut menyediakan kemudahan asrama untuk penginapan pelajar dan peserta yang mengikuti kursus. Semakan Audit mendapati pada masa kini seramai 40 pelajar tahfiz Al-Quran menginap secara tetap di bangunan asrama lelaki sejak bulan Ogos 2003. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati Institut bertanggungjawab terhadap pengurusan asrama manakala pengurusan para pelajar tahfiz ini di bawah pengurusan Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran. Selain itu, pihak pengurusan Institut tidak menyediakan peraturan asrama yang perlu dipatuhi oleh para pelajar tersebut. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2005 mendapati kipas angin telah rosak dan tidak

boleh digunakan lagi. Selain itu, terdapat pelajar yang membawa mesin basuh dan ditempatkan di bilik asrama untuk kegunaan persendirian.

Pada pendapat Audit, pengurusan asrama adalah tidak memuaskan. Ini kerana kerosakan peralatan tidak diperbaiki dan tiada peraturan asrama yang disediakan kepada para pelajar Tahfiz ataupun peserta kursus yang menyewa asrama berkenaan.

5.2.11 Prestasi Penyenggaraan Bangunan, Peralatan Dan Kelengkapan

Pemeriksaan Audit mendapati, setelah beroperasi lebih 2 tahun Jabatan belum menyediakan satu program penyenggaraan bangunan, peralatan dan kelengkapan serta kaedah pelaksanaan penyenggaraan sebagaimana dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995. Semakan Audit terhadap kerja penyenggaraan bangunan, peralatan dan kelengkapan mendapati perkara seperti berikut:

a) Pelantikan Pegawai

Semakan Audit mendapati tiada dokumen bertulis menunjukkan pelantikan pegawai kanan yang bertanggungjawab terhadap penyenggaraan aset di Institut. Bagaimanapun, hanya seorang juruteknik yang bertanggungjawab terhadap kerja penyenggaraan dan mengendalikan aset termasuk alat pandang dengar di dewan serba guna dan dewan kuliah.

b) Penyenggaraan Bangunan

Jabatan telah diluluskan peruntukan penyenggaraan berjumlah RM397,994 bagi tahun 2004 dan sejumlah RM214,290 bagi tahun 2005. Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM369,184 atau 92% daripada peruntukan bagi tahun 2004 dan sehingga bulan Jun 2005 sejumlah RM115,862 atau 54% telah dibelanjakan untuk penyenggaraan bangunan. Adalah didapati, jumlah perbelanjaan yang besar untuk kerja pembaikan siling bangunan yang runtuh, bumbung bocor, saluran air tersumbat, tandas rosak dan beberapa kerosakan lain yang memerlukan tindakan segera. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada jadual penyenggaraan yang disediakan untuk aset yang memerlukan penyenggaraan.

c) Penyenggaraan Daftar Harta Modal Dan Daftar Inventori

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, menyatakan berkenaan penggunaan daftar harta modal dan daftar inventori yang perlu disenggarakan oleh Jabatan Kerajaan. Semakan Audit mendapati, Jabatan tidak menyenggarakan daftar harta modal dan daftar inventornya dengan sempurna. Pada tahun 2002 hingga

2004, sejumlah RM376,680 telah dibelanjakan oleh Jabatan untuk membeli harta modal seperti LCD, komputer dan peralatannya, meja, kerusi dan lain-lain peralatan. Semakan Audit terhadap kedua daftar penyenggaraan ini mendapati perkara seperti berikut:

i) Daftar Harta Modal Dan Daftar Inventori

Daftar harta modal dan inventori yang disediakan adalah tidak lengkap dan kemas kini. Ia tidak mengandungi maklumat seperti butiran berkenaan peralatan yang ada seperti komputer dan alat hawa dingin, tiada tandatangan pegawai dan lokasi peralatan juga tidak dinyatakan. Maklumat berkaitan butiran peralatan dan kelengkapan amat penting bagi tujuan memudahkan kawalan, rujukan dan pelupusan.

ii) Pemeriksaan Fizikal

Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan fizikal 2 tahun sekali terhadap semua harta modal dan inventori yang dimilikinya seperti kehendak Tatacara dan Pengurusan Stor. Sebagai sebuah Institut yang baru diwujudkan, Jabatan perlu memastikan pengurusan harta modal dan inventori yang dimilikinya adalah terkawal dan diselenggarakan dengan sempurna.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan bangunan, peralatan dan kelengkapan adalah tidak memuaskan.

5.3 PEMANTAUAN

Kejayaan sesuatu projek pembinaan adalah bergantung kepada pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan. Dengan pemantauan yang bersistematik dan berkesan kejayaan sesuatu projek akan terjamin. Semakan Audit di Jabatan Kerja Raya mendapati perkara seperti berikut:

5.3.1 Pemantauan Oleh Agensi Pelaksana Jabatan Kerja Raya Negeri

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek dan mengawal selia secara sepenuh masa, satu pasukan pemantauan projek telah ditubuhkan. Pasukan projek ahlinya terdiri daripada Jurutera Daerah Kinta bertindak sebagai wakil Pegawai Penguasa mengeluarkan arahan kepada ahli pasukan projek yang ditugaskan menyelia di tapak bina iaitu seorang jurutera bangunan, seorang pembantu teknik dan 2 juruteknik Bangunan. Adalah didapati pasukan projek tersebut telah menjalankan tugas mereka dengan memuaskan. Ini adalah berdasarkan laporan harian tapak bina dan laporan

kemajuan bulanan yang disediakan. JKR melalui pasukan pemantauan projek pembinaan Institut menggunakan kaedah seperti berikut:

a) Mesyuarat Tapak

Mesyuarat tapak merupakan satu mekanisme pemantauan sesuatu projek pembinaan. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Bil. 3 Tahun 1991 para 3.1(b), menyatakan mesyuarat tapak bagi kontrak bernilai RM500,000 ke atas dan tidak melebihi RM2 juta hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh 1 bulan untuk menyelesaikan masalah di tapak. Tujuan mesyuarat adalah memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian sebarang masalah pelaksanaan projek. Mesyuarat tapak dihadiri oleh wakil Jabatan, wakil JKR, wakil kontraktor dan juru perunding telah diadakan setiap bulan dan minit mesyuarat tapak juga disediakan bagi tujuan merekodkan keputusan, masalah yang berbangkit dan tindakan yang perlu diambil. Pemeriksaan terhadap minit mesyuarat menunjukkan mesyuarat tapak pertama telah diadakan pada akhir bulan Julai 2000 iaitu bulan yang sama dengan tarikh pemilikan tapak oleh kontraktor. Semakan Audit juga mendapati mesyuarat tapak diadakan setiap bulan mengikut jadual dan sebanyak 23 mesyuarat tapak telah diadakan sehingga projek pembinaan ini siap sepenuhnya. Ini menunjukkan JKR telah memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan sebarang masalah dikenal pasti daripada awal.

b) Mesyuarat Teknikal

Mesyuarat teknikal adalah bagi membincang dan menyelesaikan sebarang masalah teknikal yang berbangkit daripada kerja pembinaan. Mesyuarat ini diadakan setiap bulan dan dihadiri oleh wakil JKR, wakil kontraktor dan juru perunding. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini pula akan dibawa ke mesyuarat tapak seterusnya pihak kontraktor mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan.

c) Laporan Kemajuan

Bagi memantau kemajuan projek, JKR menyediakan laporan bulanan kemajuan projek. Laporan ini disediakan setiap bulan dan disalin kepada Jabatan. Laporan ini memberikan gambaran sebenar mengenai status kemajuan projek, aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan, status kewangan projek, status lukisan pembinaan, status kelulusan pihak berkuasa tempatan dan laporan ketidakpatuhan. Selain itu, JKR juga menyediakan laporan bergambar yang menunjukkan keadaan fizikal sebenar kemajuan projek.

d) Buku Harian Tapak

Buku Harian Tapak merupakan dokumen yang digunakan oleh penyelia tapak bina JKR bagi mencatatkan perjalanan sesuatu projek dari awal hingga projek tersebut selesai. Catatan harian dalam buku harian tapak hendaklah ditandatangani oleh pegawai penyelia atau wakilnya serta wakil kontraktor setiap hari. Antara maklumat penting yang diisi adalah bilangan pekerja di tapak bina, arahan pegawai penguasa, kerja yang dibuat pada hari tersebut, kuantiti bahan yang diterima, waktu hujan dan kerja yang tergendala dan juga peralatan loji yang berada di tapak. Semakan Audit terhadap buku harian tapak mendapati maklumat tersebut telah diisi dan ditandatangani oleh wakil pegawai penyelia JKR dan juga wakil kontraktor.

e) Pemeriksaan Fizikal Jabatan Kerja Raya

JKR bertanggungjawab membuat pemeriksaan fizikal terhadap projek pembinaan ini. Pemeriksaan dijalankan terhadap semua dokumen dan pengesahan oleh juru perunding ukur bahan yang dilantik serta semua laporan jaminan kualiti/kawalan kualiti yang diserahkan dengan memeriksa tapak pembinaan secara tetap. JKR juga memilih unit contoh *mock-ups* untuk diperiksa dan ulasan diberi sebelum pembinaan di benar untuk diteruskan. Sebagai bukti tindakan pemantauan, pada bulan Julai 2001, Jurutera JKR Daerah Kinta telah membahagikan tugas kepada 2 orang juruteknik untuk mengawasi 3 bangunan Institut setiap orang apabila mendapati mutu kerja pembinaan projek tidak mencapai piawaian yang dikehendaki. Ini menunjukkan wakil pegawai penguasa sentiasa memantau perjalanan projek bagi memastikan Institut dibina mengikut piawaian yang telah dipersetujui. Bagaimanapun semakan Audit mendapati pemantauan oleh JKR kurang berkesan kerana terdapat kecacatan dan kerosakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya semasa pelaksanaan projek pembinaan Institut adalah pada tahap yang memuaskan. Namun begitu, pemantauan yang dibuat adalah kurang berkesan kerana masih berlaku kecacatan dan kerosakan.

6. RUMUSAN DAN SYOR

Pembinaan Institut adalah satu daripada usaha murni Jabatan Agama Islam Negeri Perak untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kecemerlangan pendidikan di negeri Perak. Satu perancangan yang baik telah disediakan oleh Jabatan dengan visinya untuk menjadikan Institut yang berteraskan Islam. Selain itu, misi Jabatan adalah untuk menjadikan Institut sebagai sebuah institusi terbaik dari aspek pengurusan

pentadbiran dan kemudahan infrastruktur. Walaupun Institut telah berjaya menganjurkan pelbagai kursus pada tahun 2004 dan 2005. Hasil kajian Audit mendapati terdapat pelaksanaan projek pembinaan dan pengurusan Institut kurang memuaskan. Di antara kelemahan yang ditemui seperti kajian kemungkinan yang disediakan kurang memuaskan, tempoh siap kerja lewat daripada tarikh sepatutnya, program penyenggaraan tahunan bangunan dan kaedah pelaksanaan yang masih belum disediakan, peralatan yang dibekalkan tidak digunakan, pengurusan bilik komputer dan peralatan komputer yang tidak memuaskan, pengurusan asrama tidak memuaskan, penempatan pelajar tahfiz di Institut yang bersifat sementara dan tahap keselamatan institut masih kurang memuaskan. Manakala pemantauan oleh JKR adalah memuaskan. Oleh itu adalah disyorkan pihak Jabatan/Institut mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran perlu dikekalkan di Institut ini dan pentadbiran/pengurusan pelajar Tahfiz Al-Quran diuruskan sepenuhnya oleh Institut.
- b) Promosi berterusan perlu dibuat untuk memperkenalkan Institut sebagai tempat menganjurkan kursus yang selesa dengan kadar sewaan kemudahan berpatutan kepada Jabatan/Agensi Kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan.
- c) Pihak institut hendaklah merancang untuk menjadikannya pusat latihan yang cemerlang dan menjadi sumber hasil utama institut mendahului kutipan sewa asrama. Kemudahan yang lengkap serta pengurusan yang cekap hendaklah diwujudkan bagi memberi kepuasan kepada pelanggan.
- d) Institut perlu mengambil tindakan susulan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan keperluan guna tenaga di Institut terutama jawatan Juru Audio Visual memandangkan peralatan tersebut terbiar dan tidak digunakan.
- e) Peraturan asrama seperti menetapkan bayaran ganti rugi sekiranya berlaku kerosakan peralatan atau kemudahan di asrama wajar difikirkan supaya pelajar atau pihak luar yang menginap di asrama akan lebih rasa bertanggungjawab.
- f) Institut perlu menyediakan program penyenggaraan tahunan bangunan, peralatan dan kelengkapan yang sistematik, terancang dan berjadual bertujuan memastikan bangunan, peralatan dan kelengkapan dapat diselenggarakan dengan sempurna.
- g) Institut perlu meningkatkan tahap keselamatan bangunan dan peralatannya daripada pencerobohan dan kecurian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PROJEK TEBATAN BANJIR PEKAN LANGKAP FASA I DAN II SERTA SUNGAI MALAI PAKEJ 1

7. LATAR BELAKANG

7.1 Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan projek pembangunan sumber air, khususnya pengairan, saluran dan kejuruteraan sungai. Operasi JPS meliputi penilaian sumber air, perancangan dan reka bentuk kejuruteraan, pembinaan dan juga pengendalian dan penyenggaraan projek berkaitan penggunaan air. Selain itu, JPS juga terlibat dengan hidrologi dan tebatan banjir serta kejuruteraan pantai. Pelaksanaan projek tebatan banjir bertujuan untuk menghindarkan kejadian banjir dan perluasan lembangan sungai. Ini merangkumi pembesaran keratan saluran sungai sedia ada yang tidak mampu untuk menampung/menakung kadar alir sungai, pengorekan/mendalamkan sungai yang cetek, meninggikan ban sungai dan meninggikan keupayaan struktur hidraulik yang terdapat dalam sistem sungai. Pelaksanaan projek tebatan banjir dibuat sama ada menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi projek tebatan banjir di negeri Perak bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 adalah berjumlah RM27.11 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) peruntukan sejumlah RM88.41 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui bajet tahun 2001 bagi 42 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh Negeri Perak. Pada tahun 2002, peruntukan dikekalkan berjumlah RM88.41 juta. Bagaimanapun, semasa bajet tahun 2003 peruntukan ini telah dikurangkan menjadi RM21 juta. Peruntukan diterima daripada Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 berjumlah RM19.10 juta. Setakat akhir tahun 2005, perbelanjaan sebenar berjumlah RM18.04 juta iaitu 94.5% daripada peruntukan yang diterima.

7.2 Projek RTB Pekan Langkap dan RTB Sungai Malai adalah projek yang diluluskan di bawah RMK-8 dengan anggaran kos masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM3 juta. Masalah banjir sering berlaku di Pekan Langkap dan kawasan sekelilingnya. Kekerapan banjir ini telah merosakkan harta benda dan menjejaskan kehidupan penduduk. Punca utama kejadian banjir adalah disebabkan perkembangan yang pesat di sekitar Pekan Langkap terutama pembangunan kawasan perumahan yang tidak ada satu sistem perparitan yang sempurna untuk mengalirkan air hujan. Ini mengakibatkan air melimpah ke tebing parit dan berlaku banjir kilat. Sungai Malai merupakan salah satu sungai yang penting di bandar Taiping. Ini disebabkan kawasan tadahan Sungai Malai

merangkumi kawasan seluas 2,220 hektar yang mana 25% dari kawasan ini dahulunya adalah kawasan lombong yang telah ditambah dan dibangunkan sebagai kawasan perindustrian Kamunting. Masalah yang sering dihadapi adalah kadar larian air permukaan yang telah meningkat dan keadaan dasar sungai menjadi cetek apabila meningkatnya kejadian hakisan permukaan tanah oleh aktiviti pembangunan. Ini merupakan faktor utama yang menyebabkan banjir di kawasan Kamunting. Projek RTB Pekan Langkap dan RTB Sungai Malai bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir dan menyediakan satu sistem saliran sempurna di kawasan Pekan Langkap dan kawasan Kamunting. Projek ini dilaksanakan di bawah RMK-8 dan disambung ke Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit adalah untuk menentukan sama ada projek tebatan banjir di laksana dengan cekap dan berhemat untuk mencapai matlamatnya.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek RTB bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Pengauditan ditumpukan kepada projek RTB Pekan Langkap Fasa I dan Fasa II serta RTB Sungai Malai Pakej 1, Mukim Kamunting, Taiping. Projek tersebut dipilih kerana memberi impak kepada orang awam, impak terhadap kemajuan pembangunan setempat dan materialiti kewangan. Pengauditan akan dijalankan di Ibu Pejabat JPS Negeri, JPS Daerah Hilir Perak dan JPS Daerah Larut, Matang dan Selama serta Pejabat Tanah Daerah Larut, Matang dan Selama, Taiping. Pengauditan dijalankan dengan menganalisis dan menyemak rekod kewangan, fail projek, dokumen kontrak, minit mesyuarat, soal selidik serta dokumen lain yang berkaitan. Temu bual diadakan dengan pegawai yang terlibat dan penduduk di kawasan projek bagi mendapatkan keterangan lanjut. Lawatan ke tapak projek untuk mendapatkan gambaran sebenar terhadap kerja yang dilaksanakan.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan lengkap dan teliti perlu disediakan untuk memastikan pengurusan sesuatu aktiviti itu berjalan dengan cekap dan berkesan. Aspek perancangan Jabatan meliputi perkara berikut:

10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri mengenai projek tebatan banjir adalah untuk memberi khidmat sosial dan kemudahan prasarana yang baik kepada golongan sasaran untuk mengatasi masalah banjir. Kerajaan Negeri merancang projek tebatan banjir di seluruh negeri dengan hasrat untuk memperbaiki sistem saliran yang sedia ada, memperluaskan lembangan sungai, melengkapkan dan menyediakan keperluan infrastruktur asas untuk menghindarkan kejadian banjir. JPS diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan projek tebatan banjir. Pelaksanaan projek tebatan banjir akan dapat meningkatkan tahap keselesaan kepada rakyat terutama di kawasan yang sering dilanda banjir.

10.1.2 Undang-undang dan Peraturan

Bagi melaksanakan sesuatu aktiviti dengan berkesan, undang-undang dan peraturan perlu diwujudkan. Undang-undang dan peraturan bagi memberi kuasa kepada JPS untuk melaksanakan projek RTB adalah seperti berikut:

a) Akta Pengairan, 1953 (Akta 386)

Akta Pengairan 1953 adalah berkaitan dengan penubuhan dan pengawalan kawasan pengairan di Semenanjung Malaysia. Akta ini memberi kuasa kepada JPS untuk menguruskan kawasan pengairan di Semenanjung Malaysia. Seksyen 2, Akta Pengairan 1953 mendefinisikan kerja pengairan termasuk membina dan menyelenggarakan *headworks*, saluran utama, saluran sekunder, saluran agihan, tebing sungai, ban, batas, kunci air, pemetung, sluis, parit dan kerja lain yang berkaitan. Selain itu, Akta ini memperuntukkan hukuman atau denda yang boleh dikenakan terhadap pihak yang mencerooh tebing sungai atau kawasan pengairan. Contohnya membiarkan binatang ternakan berkeliaran di tebing sungai atau kawasan pengairan.

b) Akta Kerja Saliran, 1954 (Akta 354)

Akta ini adalah berkaitan dengan kerja saliran yang diterima oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Menurut Seksyen 2 Akta Kerja Saliran 1954, kerja saliran adalah termasuk pembinaan dan penyenggaraan parit dan aliran air, menambak, pemetung, sluis, pintu air, laluan masuk kawasan rizab saliran dan kerja lain yang berkaitan.

c) Akta Air 1920 (Akta 418)

Akta ini adalah mengenai kawalan sungai dan anak sungai. Seksyen 14, Akta ini melarang sebarang binaan dibina dalam jarak 50 kaki di atas tebing sungai atau di antara saliran banjir kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

d) Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MaSMA)

MaSMA telah diluluskan oleh Kabinet pada 21 Jun 2000 bagi menggantikan *Planning and Design Procedures No. 1: Urban Drainage Design Standards and Procedures for Peninsular Malaysia* yang dikeluarkan oleh JPS pada tahun 1975. Penggunaan MaSMA berkuat kuasa mulai awal Januari tahun 2001. Tujuan MaSMA adalah sebagai garis panduan kepada perancang, pengawal dan pereka bentuk yang terlibat dengan pengurusan saliran. Di bawah panduan ini, pengurusan saliran mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

- i) Memastikan keselamatan orang awam.
- ii) Mengawal banjir dan menyediakan laluan yang selamat daripada kejadian banjir besar dan kekerapan banjir.
- iii) Melindungi harta benda.
- iv) Menstabilkan rupa bentuk muka bumi dan mengawal hakisan.
- v) Mengoptimumkan tanah yang ada untuk pembangunan bandar.
- vi) Meminimumkan kesan alam sekitar bandar terhadap kualiti pengairan air.
- vii) Menambah landskap bandar.

e) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Satu Akta untuk meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan jalan, parit dan bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia. Bahagian III, Akta tersebut menyatakan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan pembinaan dan penyenggaraan parit dan alur air.

f) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Satu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang mengenai tanah, urusan niaga tanah dan pungutan hasil tanah. Seksyen 62, Kanun Tanah Negara menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk tujuan kegunaan awam. Pemberitahuan tersebut perlu menerangkan tujuan merizabkan tanah dan melantik pegawai yang mengawal tanah rizab tersebut. Rizab sungai bertindak sebagai penampan di antara sungai dan tanah yang bersebelahan dengannya bagi

melindungi sungai dari aktiviti yang tidak diingini yang boleh menjejaskan fungsi sungai tersebut.

g) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960

Akta ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tanah milik yang diperlukan untuk sesuatu maksud awam.

10.1.3 Sasaran Projek

JPS akan menyediakan Rancangan Pembangunan 5 Tahun (2001 hingga 2005) di bawah peruntukan Negeri. Rancangan ini akan melaporkan pencapaian matlamat dan dasar rancangan 5 tahun sebelumnya serta cadangan projek yang merangkumi projek baru dan projek sambungan yang akan dilaksanakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Rancangan ini adalah perancangan JPS untuk melaksanakan projek yang dibahagikan kepada 5 program utama iaitu pengairan, saliran, rancangan pengurusan sungai, hakisan pantai dan rancangan tebatan banjir. Di bawah program rancangan tebatan banjir, pihak JPS telah mengenal pasti 42 projek berjumlah RM88.41 juta yang perlu dilaksanakan dalam negeri Perak bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Sasaran projek RTB adalah untuk mengatasi masalah banjir dengan meninggikan keupayaan struktur hidraulik sungai yang terdapat dalam sistem sungai serta menyediakan sistem saliran yang sempurna di kawasan berkenaan. Pelaksanaan projek RTB akan mengurangkan kerugian dari segi kerosakan harta benda dan juga kehilangan nyawa. Kejayaan projek RTB akan meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk dan menyumbang kepada pembangunan negara.

10.1.4 Kaedah Pelaksanaan

Untuk melicinkan pengurusan kerja projek, prosedur kerja perlu diadakan dan dipatuhi. Perkhidmatan juru perunding akan diperolehi untuk menjalankan kajian awal mengenai kerja pemuliharaan sungai serta analisis hidrologi, pembinaan struktur saliran, kerja ukur, penyiasatan tanah dan penyediaan reka bentuk terperinci projek RTB. Sementara itu, projek yang tidak memerlukan perkhidmatan juru perunding, reka bentuk projek akan disediakan oleh JPS sendiri. Bagi tapak projek yang melibatkan tanah milik, permohonan pengambilan balik tanah akan disediakan oleh JPS Daerah berkenaan dan dihantar kepada Ibu Pejabat JPS Negeri. Ibu Pejabat JPS akan mengemukakan permohonan tersebut ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri untuk tindakan selanjutnya. Bayaran wang pampasan kepada pemilik tanah akan dibuat melalui Pejabat Tanah Daerah berkenaan. Sistem pelawaan tender akan digunakan untuk pemilihan kontraktor dan kelulusan akan diperolehi daripada Lembaga Tender Negeri.

a) Pelantikan Juru Perunding

Bagi projek RTB yang akan dijalankan oleh juru perunding, skop kerja adalah termasuk penyediaan pelan induk, kerja kejuruteraan, kerja ukur, penyiasatan tanah dan penyediaan reka bentuk terperinci projek. Perolehan perkhidmatan juru perunding bagi melaksanakan projek akan dibuat mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995.

b) Pelawaan Kerja Projek

Pelawaan kerja projek akan dilaksanakan melalui sistem pelawaan tender selaras dengan peraturan dan Arahan Perbendaharaan. Pelawaan tender akan diuruskan di Ibu Pejabat JPS Negeri. Jawatankuasa Pembuka Tender akan dilantik di peringkat Ibu Pejabat. Jawatankuasa Penilaian Tender akan dilantik untuk menyediakan Laporan Penilaian Tender. Laporan Penilaian Tender akan dikemukakan kepada Lembaga Tender Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.

10.1.5 Komponen Dan Fasa Projek

Projek RTB Pekan Langkap dan RTB Sungai Malai dirancang semasa RMK-8. Komponen projek yang dirancang adalah seperti berikut:

a) Projek RTB Pekan Langkap

Projek ini dirancang untuk mengatasi masalah banjir di sekeliling kawasan Pekan Langkap serta mewujudkan satu sistem saliran yang sempurna. Skop projek di bawah RMK-8 melibatkan 3 fasa seperti berikut:

- i) Fasa I - Pembinaan parit konkrit di Pekan Langkap sepanjang 1.2 kilometer.
- ii) Fasa II - Pembinaan parit konkrit sambungan di Pekan Langkap sepanjang 1.6 kilometer.
- iii) Fasa III - Pembinaan parit konkrit di Pekan Langkap sepanjang 5 kilometer.

b) Projek RTB Sungai Malai

Kajian projek RTB Sungai Malai dilaksanakan pada tahun 1999 oleh juru perunding yang melibatkan kerja mereka bentuk struktur, menyediakan dokumen tender serta pelan dan seterusnya penyeliaan projek. Mengikut laporan juru perunding, anggaran kos projek berjumlah RM22 juta adalah termasuk kos pengambilan tanah sejumlah RM2 juta. Kerja projek adalah termasuk penyaluran sungai dan pembinaan struktur untuk mempertingkatkan sistem saliran bagi komponen berikut:

- i) *Upstream point of Parit Kamunting at the round about of Kamunting Industrial Park to the confluence with Sungai Malai -2.7 kilometer.*

- ii) *Upstream points of Parit Kampung Pinang inclusive of a tributary intersecting with the railway track to the confluence with Sungai Malai – 5.8 kilometer.*
- iii) *Upstream point of Sungai Malai at the confluence with its tributaries to the confluence with Sungai Sepetang - 2.2 kilometer.*

JPS menentukan kerja projek yang akan dilaksanakan di bawah RMK-8 ditumpukan kepada kerja projek dalam kawasan rizab sungai sedia ada yang tidak melibatkan bayaran pampasan pengambilan balik tanah dan memberi impak yang ketara kepada orang awam dari segi tebatan banjir. Komponen kerja yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kerja pengaluran sungai sepanjang 2.2 kilometer.
- Kerja pembinaan 8 buah pintu air.
- Kerja pembinaan 2 buah jambatan.

10.1.6 Keperluan Kewangan

Program RTB di bawah Rancangan Pembangunan 5 tahun akan disediakan oleh Jurutera Daerah dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat JPS Negeri untuk semakan dan kelulusan. Pihak JPS akan mengemukakan senarai projek berserta anggaran kos projek kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). UPEN akan menyelaraskan semua projek cadangan mengikut maklumat siling peruntukan yang dijangka diperoleh dan dihantar kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan siling peruntukan. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri akan diagihkan kepada JPS di daerah mengikut kos projek yang diluluskan. Kos keseluruhan projek RTB Pekan Langkap dijangka memerlukan peruntukan sejumlah RM5 juta. Di bawah RMK-8, JPS memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM5 juta bagi projek ini. Bagi projek RTB Sungai Malai, pihak JPS memohon sejumlah RM3 juta untuk melaksanakan kerja dalam rizab sungai sedia ada yang tidak melibatkan bayaran pampasan pengambilan balik tanah semasa RMK-8. Anggaran kos projek RTB Pekan Langkap dan RTB Sungai Malai adalah seperti di **Jadual 10** dan **Jadual 11**.

Jadual 10

Anggaran Kos Projek RTB Pekan Langkap

Bil.	Skop Kerja	Anggaran Kos (RM Juta)
1.	Fasa I – Pembinaan parit konkrit di Pekan Langkap sepanjang 1.2 kilometer	1.0
2.	Fasa II – Pembinaan parit konkrit sambungan di Pekan Langkap sepanjang 1.6 kilometer	1.2
3.	Fasa III – Pembinaan parit konkrit di Pekan Langkap sepanjang 5 kilometer	2.8
Jumlah		5.0

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri

Jadual 11

Anggaran Kos Projek RTB Sungai Malai

Bil.	Skop Kerja	Anggaran Kos (RM Juta)
1.	Kerja pengaluran sungai 2.2 km	1.6
2.	Kerja pembinaan 8 buah pintu air	0.7
3.	Kerja pembinaan 2 buah jambatan	0.7
Jumlah		3.0

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri

10.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur pengurusan yang jelas dan kakitangan yang mencukupi adalah faktor penting bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesuatu aktiviti. Latihan adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan pengetahuan kakitangan dalam menjalankan tugas.

a) Struktur Pengurusan

Organisasi JPS diketuai oleh Jurutera Gred J54 terbahagi kepada 7 bahagian yang mempunyai fungsi tertentu iaitu bahagian pengairan, bahagian saliran pertanian dan pantai, bahagian saliran dan saliran bandar, bahagian pentadbiran dan kewangan, bahagian mekanikal, bahagian ukur bahan dan bahagian operasi. Senarai perjawatan yang diluluskan diagihkan mengikut fungsi dan aktiviti bahagian. Perjawatan yang diluluskan pada tahun 2005 bagi Ibu Pejabat JPS Negeri berjumlah 94 manakala JPS Daerah Hilir Perak dan JPS Daerah Larut, Matang dan Selama masing-masing berjumlah 448 dan 159 diketuai oleh Jurutera Gred J48.

b) Latihan

JPS mempunyai 3 pusat latihan dan pusat sumber manusia yang bertanggungjawab secara keseluruhan dalam perancangan, pembangunan, penyediaan dan

pengendalian program latihan dan kemajuan kerjaya Jabatan. Institut Pembangunan Kompetensi terletak di Ipoh dan Kuala Lumpur, Institut Pengurusan Air Negara terletak di Kota Bharu dan Pusat Sumber Manusia terletak di Kuala Lumpur.

10.1.8 Kaedah Pemantauan

Rancangan tebatan banjir yang dilaksanakan di peringkat daerah akan dipantau oleh Jurutera Daerah selaku wakil Pegawai Penguasa melalui surat perwakilan kuasa yang akan dikeluarkan oleh Pengarah JPS Negeri.

a) Buku Harian Tapak Bina

Lawatan ke tapak projek akan dibuat oleh Jurutera Daerah atau wakilnya dan kemajuan kerja projek akan direkodkan pada buku harian tapak bina. Buku harian tapak bina merupakan dokumen penting yang boleh membantu semasa penilaian tuntutan kontraktor, menilai kerja tambahan dan penyelesaian masalah kontrak. Ia hendaklah dikemaskinikan.

b) Mesyuarat Tapak

Mesyuarat tapak diadakan untuk memberi peluang kepada kontraktor membentangkan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kerja supaya masalah ini boleh di bincang dan diselesaikan dengan cepat. Mesyuarat tapak juga memudahkan Pegawai Penguasa mengesan kemajuan kerja dicapai berbanding dengan program kerja. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3 Tahun 1991 para 3.1(b), menyatakan mesyuarat tapak bagi kontrak bernilai RM500,000 ke atas dan tidak melebihi RM2 juta hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh satu bulan untuk menyelesaikan masalah di tapak.

c) Laporan Kemajuan Kerja Kontrak

Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan dan menyerahkan setiap bulan, rekod kerja yang ditandatangani oleh kontraktor dan Pegawai Penguasa. Laporan kemajuan kerja kontrak sebanyak 5 salinan hendaklah dihantar kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya pada setiap bulan. Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat seperti kemajuan kerja dan kuantiti yang terlibat, bilangan pekerja yang dilantik, bahan keperluan, jentera yang digunakan, rekod cuaca, gambar, keterangan perubahan kerja dan tuntutan bayaran kemajuan serta perkara yang masih belum selesai dan perlu dibincangkan.

Pada pandangan Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah menyediakan perancangan yang baik bagi pelaksanaan projek RTB.

10.2 PELAKSANAAN

Sesuatu projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut perancangan dan peraturan yang telah ditetapkan. Ini bertujuan supaya pelaksanaan projek dapat dijalankan dengan lancar dan mencapai matlamat. Pemerhatian Audit terhadap projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

10.2.1 Dasar Kerajaan

Dasar Kerajaan Negeri mengenai projek tebatan banjir adalah untuk memberi khidmat sosial dan kemudahan prasarana yang baik kepada golongan sasaran untuk mengatasi masalah banjir. Semakan Audit mendapati semasa RMK-8, JPS melaksanakan projek tebatan banjir selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, penetapan projek adalah selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri.

10.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

JPS adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan projek pembangunan sumber air, khususnya pengairan, saliran dan kejuruteraan sungai. JPS diberi kuasa di bawah undang-undang dan peraturan untuk melaksanakan projek tebatan banjir. Semakan Audit mendapati undang-undang dan peraturan berkaitan dengan projek tebatan banjir diterima pakai oleh pihak JPS untuk merancang dan melaksanakan projek tebatan banjir.

Pada pendapat Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mematuhi dan menerima pakai undang-undang dan peraturan yang ditetapkan berkaitan projek tebatan banjir.

10.2.3 Sasaran Projek

Di bawah program Rancangan Tebatan Banjir, pihak JPS telah mengenal pasti 42 projek berjumlah RM88.41 juta di bawah RMK-8 di Negeri Perak. Sasaran projek RTB adalah untuk mengatasi masalah banjir, meningkatkan keupayaan hidraulik sungai serta menyediakan sistem saliran yang sempurna di kawasan berkenaan. Semakan Audit mendapati di bawah RMK-8 Kerajaan Negeri meluluskan sejumlah RM19.10 juta kepada JPS untuk pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir. Selaras dengan peruntukan yang diterima sejumlah RM18.04 juta atau 94.5% telah dibelanjakan oleh JPS untuk kerja tebatan banjir.

10.2.4 Kaedah Pelaksanaan

Semakan Audit mendapati reka bentuk projek RTB Pekan Langkap yang melibatkan kerja pembinaan parit konkrit disediakan oleh JPS. Bagi projek RTB Sungai Malai perkhidmatan Juru Perunding diperoleh untuk penyediaan reka bentuk terperinci projek. Berdasarkan kepada reka bentuk juru perunding, pihak JPS menentukan skop kerja RTB Sungai Malai Pakej 1 ditumpukan kepada kerja yang tidak melibatkan pengambilan balik tanah dan memberi impak yang ketara kepada orang awam dari segi tebatan banjir. Pemilihan kontraktor bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa I dan Fasa II serta RTB Sungai Malai Pakej 1 telah dilaksanakan melalui tender terbuka. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

a) Pelantikan Juru Perunding

JPS telah melantik 3 juru perunding bagi mengendalikan projek RTB Sungai Malai. Pada tahun 1999, Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Perunding, Kementerian Kewangan meluluskan pelantikan Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. untuk mengendalikan reka bentuk terperinci, penyeliaan pembinaan dan pentadbiran kontrak. Bayaran perkhidmatan perunding mengikut skala yuran piawai dengan syarat had maksimum anggaran kos projek RM20 juta. Pada tahun 1999 dan 2000, Juruukur Chuah & Rakan-rakan dilantik oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Perunding Peringkat Jabatan untuk mengendalikan kerja ukur dengan anggaran kos berjumlah RM59,910. Semakan Audit mendapati proses pelantikan kedua-dua juru perunding selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995. Sementara itu, pelantikan Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. yang menjalankan kerja penyiasatan tanah pada tahun 2001 dengan anggaran kos berjumlah RM121,000 adalah selaras dengan perjanjian yang ditandatangani dengan Kerajaan Malaysia pada awal bulan November 1996.

b) Pemilihan Kontraktor

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Penilaian Tender perlu dilantik untuk urusan pelawaan tender. Semakan Audit mendapati ketiga-tiga tender ditutup mengikut tempoh ditetapkan dan dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang dilantik dan Jadual Tender ada disediakan. Walaupun Jawatankuasa Penilaian Tender tidak dilantik secara rasmi tetapi laporan penilaian tender ada disediakan oleh Pengarah JPS dan Penolong Pengarah Bahagian Ukur Bahan. Laporan penilaian tender yang disediakan dikemukakan kepada Lembaga Tender Negeri untuk pertimbangan dan keputusan. Pihak JPS memaklumkan penender yang berjaya selepas keputusan Lembaga Tender Negeri diterima daripada Pejabat Kewangan Negeri. Semakan

Audit mendapati proses pemilihan kontraktor adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pelantikan Juru Perunding dan kontraktor projek RTB telah diuruskan dengan memuaskan.

10.2.5 Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, menyatakan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima. Kontraktor dikehendaki mengemukakan bon pelaksanaan, sijil insurans, bayaran pendahuluan dan nombor kod majikan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebelum kerja kontrak bermula.

a) Bon Pelaksanaan

Mengikut syarat kontrak bon pelaksanaan bernilai 5% daripada harga kontrak asal sama ada secara jaminan bank/syarikat kewangan berlesen atau jaminan insurans hendaklah dikemukakan sebelum memulakan kerja atau Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran kemajuan kontrak sehingga mencapai jumlah 5% harga kontrak. Pemeriksaan Audit mendapati bon pelaksanaan bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa I sejumlah RM46,714 ditolak secara berterusan daripada bayaran kemajuan kontrak sehingga mencapai 5% harga kontrak. Bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1, bon pelaksanaan berjumlah RM31,474 telah dikemukakan mengikut syarat kontrak. Bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa II bon pelaksanaan sejumlah RM54,089 telah dikemukakan pada akhir bulan Jun 2005. Kedua-dua Jaminan tersebut berkuat kuasa sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan.

b) Sijil Insurans

Mengikut syarat kontrak projek RTB Pekan Langkap Fasa I, nilai polisi insurans tanggungan awam dan polisi insurans kerja adalah masing-masing tidak kurang daripada RM150,000 dan RM934,279. Bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa II pula nilai polisi insurans tanggungan awam adalah tidak kurang daripada RM200,000 dan polisi insurans kerja tidak kurang daripada RM1.08 juta. Polisi insurans tanggungan awam bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1 adalah tidak kurang daripada RM150,000 dan polisi insurans kerja tidak kurang daripada RM629,475. Semakan Audit mendapati polisi insurans berkenaan telah dikemukakan dalam tempoh ditetapkan serta meliputi tempoh kontrak dan tempoh liabiliti kecacatan.

c) Bayaran Pendahuluan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2002, kontraktor boleh memohon bayaran pendahuluan sebanyak 25% daripada nilai kerja pembinaan. Cagaran dalam bentuk jaminan bank/syarikat kewangan berlesen/insurans perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi tujuan tersebut. Semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan tidak dimohon oleh kontraktor bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa I dan RTB Sungai Malai Pakej 1. Kontraktor bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa II, telah memohon bayaran pendahuluan sejumlah RM255,255 iaitu 25% daripada nilai kerja pembinaan daripada JPS. Jaminan insurans bayaran pendahuluan yang meliputi tempoh kontrak telah dikemukakan oleh kontraktor bagi RTB Pekan Langkap Fasa II pada akhir bulan Jun 2005. Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada kontraktor mengikut peringkat kerja dilaksanakan.

d) Nombor Kod Majikan Caruman PERKESO

Mengikut syarat kontrak, nombor kod majikan di bawah Skim PERKESO hendaklah dikemukakan sebelum kerja kontrak bermula. Pemeriksaan Audit mendapati caruman PERKESO bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa I, projek RTB Sungai Malai Pakej 1 dan RTB Pekan Langkap Fasa II telah dikemukakan mengikut tempoh ditetapkan.

Pada pendapat Audit, peraturan dan syarat kontrak yang ditetapkan telah dipatuhi.

10.2.6 Prestasi Fizikal Projek

Prestasi fizikal projek diukur daripada segi tempoh kerja sebenarnya disiapkan dan pematuhan spesifikasi kerja.

a) RTB Pekan Langkap Fasa I

Kos projek RTB Pekan Langkap Fasa I bernilai RM934,279. Tempoh kontrak bermula pada akhir bulan Ogos 2003 hingga akhir bulan Februari 2005. Skop kerja kontrak adalah pembinaan parit konkrit sepanjang 1.2 kilometer seperti yang dirancang. Semakan Audit mendapati kerja kontrak telah disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dan perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada akhir bulan Februari 2005. Lawatan Audit ke tapak projek pada pertengahan bulan Jun 2005 dan pertengahan bulan Ogos 2005 mendapati perkara seperti berikut:

- i) Mengikut syarat kontrak, renggang antara *precast concrete U-drain* tidak boleh melebihi 10 mm dan perlu dikemaskan dengan *cement mortar*. Pemeriksaan Audit mendapati renggang antara *precast concrete U-drain* di beberapa lokasi adalah antara 50 mm hingga 100 mm menyebabkan air mengalir melalui renggang dan boleh melemahkan struktur tanah dan pasir di tebing parit. *Cement mortar* yang digunakan untuk menyambung renggang antara *precast concrete U-drain* telah jatuh. **Foto 11** menunjukkan tanah dan pasir masuk ke dalam parit melalui renggang.

Foto 11
Pasir Masuk Ke Dalam Parit Melalui Renggang




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 13 Jun 2005
Lokasi : Depan Kawasan Perumahan

Mengikut penjelasan pegawai JPS ketika kerja pembinaan dilaksanakan didapati tapak tanah untuk pemasangan *precast concrete U-drain* tidak rata walaupun telah ditambak dengan pasir. Oleh itu, adalah agak sukar untuk merapatkan renggang antara *precast concrete U-drain* yang telah siap dipasang.

- ii) Kerja pembaikan untuk menampal semula renggang antara *precast concrete U-drain* telah dilaksanakan oleh kontraktor selepas lawatan Audit pada pertengahan bulan Jun 2005. **Foto 12** menunjukkan renggang hanya ditampal di bahagian atas sahaja.

Foto 12
Renggang Antara *Precast Concrete U-drain* Hanya Ditampal
Di Bahagian Atas



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Ogos 2005
Lokasi : Depan Kawasan Perumahan

- iii) Penahan konkrit dibina bertujuan untuk menghalang hakisan tanah. Adalah didapati penahan konkrit tidak dibina untuk menghalang hakisan tanah bagi 2 lokasi yang sepatutnya dibina. **Foto 13** menunjukkan penahan konkrit tidak dibina kerana tidak diperuntukkan dalam kontrak. Ini mengakibatkan tanah runtuh memenuhi parit yang dibina dan menyukarkan pengaliran air.

Foto 13
Penahan Konkrit Tidak Dibina



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Ogos 2005
Lokasi : Laluan Masuk Kawasan Perumahan

- iv) *Hand railing* untuk melindungi orang awam tidak dipasang di lokasi yang strategik sepanjang laluan parit konkrit yang dibina walaupun pemasangan *hand railing* ada diperuntukkan dalam kontrak. Kerb atau *railing* juga tidak dipasang di laluan masuk ke premis. **Foto 14** menunjukkan sebahagian parit konkrit ditutup dan jalan tar dibuat untuk masuk/keluar ke Stesen Minyak tetapi kerb atau *railing* tidak dipasang untuk keselamatan pengguna jalan raya.

Foto 14
Kerb Atau *Railing* Tidak Dipasang



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 18 Ogos 2005

Lokasi: Laluan Masuk Ke Stesen Minyak Petronas

Mengikut penjelasan pegawai JPS, cadangan asal pembinaan parit konkrit adalah 1.5 meter daripada sempadan Hak Laluan Jalan. Oleh sebab Jabatan Kerja Raya bercadang untuk melebarkan jalan tersebut, jajaran parit konkrit berkenaan telah diubah kepada 4 meter daripada Hak Laluan Jalan. Memandangkan kedudukan parit konkrit tersebut agak jauh daripada jalan raya dan tidak membahayakan keselamatan pengguna, JPS berpendapat *hand railing* tidak perlu dipasang di sepanjang laluan tersebut.

- v) Mengikut spesifikasi kontrak, *reinforced concrete lid* perlu dipasang di depan Pejabat Pos. **Foto 15** menunjukkan air hujan bertakung di depan Pejabat Pos kerana parit konkrit telah ditutup dan tiada *box-out* dibina untuk mengalirkan air hujan ke parit konkrit yang dibina.

Foto 15

Air Bertakung Di Kawasan Depan Pejabat Pos



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 18 Ogos 2005

Lokasi : Kawasan Depan Pejabat Pos

vi) Selain itu, adalah didapati lukisan terpasang yang dikemukakan oleh kontraktor pada awal bulan Februari 2005 tidak menunjukkan kedudukan sebenar pembinaan fizikal projek. Sebagai contoh parit konkrit yang tidak ditutup di depan kawasan perumahan ditunjuk bertutup dengan *concrete slab* dalam lukisan terpasang.


Pada pendapat Audit, kontraktor telah menyiapkan kerja kontrak mengikut jadual pelaksanaan tetapi kualiti kerja adalah tidak memuaskan dan tidak menepati spesifikasi ditetapkan. Kerja pembaikan untuk menampal semula renggang antara *precast concrete U-drain* adalah tidak memuaskan. Kerja siap yang tidak menepati spesifikasi akan menjejaskan fungsi pembinaan.

b) RTB Pekan Langkap Fasa II

Kontrak RTB Pekan Langkap Fasa II yang bernilai RM1.08 juta ditawarkan kepada Syarikat Pemborong Abu Bakar pada awal bulan Mei 2005. Tempoh kontrak bermula pada pertengahan bulan Mei 2005 hingga pertengahan bulan Mei 2006. Surat setuju terima daripada kontraktor berkenaan diterima pada awal bulan Jun 2005. Mesyuarat penyerahan tapak telah diadakan pada pertengahan bulan Mei 2005. Tarikh milik tapak adalah 3 hari selepas mesyuarat penyerahan tapak diadakan.

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, kontraktor diwajibkan memulakan kerja dalam tempoh dua minggu dari tarikh milik tapak sebagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek. Lawatan Audit pada akhir bulan Jun 2005 mendapati kerja projek masih belum dimulakan 4 minggu selepas tarikh milik tapak. Jurutera Daerah telah mengeluarkan surat kepada kontraktor pada akhir bulan Jun 2005 mengenai isu kelewatan memulakan kerja. Semakan Audit terhadap buku harian tapak bina pada pertengahan bulan Ogos 2005 mendapati kontraktor memulakan kerja pada akhir bulan Jun 2005 tetapi kerja pembinaan telah berhenti semenjak awal bulan Ogos 2005 sehingga pertengahan bulan Ogos 2005 atas alasan pembekal tidak membekalkan bahan binaan. Bagaimanapun, pencapaian kerja sebenar masih mendahului Jadual Pelaksanaan seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 2**.

Carta 2



Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek RTB Pekan langkap Fasa II adalah memuaskan.


c) RTB Sungai Malai Pakej 1

Kerja kontrak bagi RTB Sungai Malai Pakej 1 bernilai RM629,475 bermula pada akhir bulan Ogos 2003 sehingga akhir bulan Julai 2004. Skop utama kerja meliputi kerja pemulihan sungai dengan kerja pembersihan dan pengorekan sungai sepanjang 2.2 kilometer. Kerja pembinaan 2 *Medium Traffic Bridge* (MTB) dan 8 pintu kawalan *Outfall Structures* berserta dengan pemasangan *Flap Gates*. Kerja kontrak termasuk perlindungan tebing sungai dan lain-lain kerja yang berkaitan.

- i) Semakan Audit mendapati lanjutan masa sehingga akhir bulan Oktober 2004 diluluskan pada akhir bulan Ogos 2004 disebabkan setingan di kawasan projek belum dipindahkan. Jurutera Daerah telah mengeluarkan notis kepada 3 pemilik rumah yang berada di atas rizab Sungai Malai untuk membuka dan mengosongkan premis/tapak pada awal bulan Jun 2003 dan pertengahan bulan September 2003. Pada akhir bulan September 2003, notis dikeluarkan kepada pemilik kandang kambing untuk membuka binaan kerana kawasan tersebut terlibat dengan kerja membaik pulih Sungai Malai. Notis tersebut juga disalin kepada Pejabat Tanah Daerah Larut, Matang dan Selama, Taiping untuk tujuan penguatkuasaan. Sehubungan itu, Pentadbir Tanah telah mengeluarkan Notis Pencerobohan Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 pada akhir bulan Jun 2004 kepada 3 pemilik rumah setingan supaya meruntuh sendiri premis itu serta meninggal dan mengosongkan kawasan tersebut dalam tempoh 14 hari daripada notis dikeluarkan/disampaikan. Sekiranya notis tersebut tidak dipatuhi dalam tempoh ditetapkan, Pejabat Tanah akan meruntuhkan premis/kandang tersebut dan pemilik akan didakwa di Mahkamah. Bagaimanapun, lawatan Audit pada awal bulan Mei 2005 mendapati premis/tapak tersebut masih belum dirobuhkan/dikosongkan. Ini menyebabkan kerja pembinaan ban masih belum disiapkan dengan sepenuhnya.
- ii) Selain itu, adalah didapati 6 daripada 8 unit *Flap Gates*, lapan unit *M.S Gratings for outlet sumps including iron rungs* dan *Trash Screen* bernilai RM56,000 masih belum dipasang sedangkan kontraktor telah mengeluarkan satu Surat Akuan Kerja Siap pada pertengahan bulan November 2004. Mengikut Minit Mesyuarat Tapak Bil. 5 Tahun 2004 pada bulan Mei 2004, Jurutera Daerah memutuskan agar pihak kontraktor tidak memasang terlebih dahulu *Flap Gates* untuk mengelakkan kecurian di tapak. Semasa mesyuarat tapak pada akhir bulan Oktober 2004 Jurutera Daerah memaklumkan bahawa 2 unit *Flap Gates* yang dipasang berlaku kebocoran dan kontraktor diarah memasang baki 6 unit *Flap Gates* mengikut spesifikasi kerja. Berdasarkan rekod buku harian tapak bina kerja pemasangan 6 unit *Flap Gates*, lapan unit *M. S. Gratings* dan *Trash Screen* hanya diselesaikan pada pertengahan bulan Mei 2005. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan lanjutan masa selepas akhir bulan Oktober 2004 diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Kelewatan menyiapkan kerja kontrak adalah selama 6 bulan 11 hari.
- iii) Semakan Audit juga mendapati tiada bukti menunjukkan 2 unit *Flap Gates* yang bocor telah diperbaiki atau diganti oleh kontraktor. Semakan lanjut mendapati

Perakuan Siap Kerja dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa pada pertengahan bulan Mei 2005. Perakuan tersebut menyatakan projek disiapkan pada akhir bulan Oktober 2004 dan tempoh kecacatan bermula pada awal bulan November 2004 hingga akhir bulan Oktober 2005. Bagaimanapun kerja sebenarnya diselesaikan pada pertengahan bulan Mei 2005. **Carta 3** menunjukkan peratus pencapaian sebenar pada akhir bulan Oktober 2004 adalah 95.5% sahaja.

Carta 3



Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak

Lawatan Audit ke tapak projek pada awal bulan Mei 2005 dan pertengahan bulan Ogos 2005 mendapati perkara seperti berikut:

- Mengikut spesifikasi kontrak, ban dibina di kiri dan kanan Sungai Malai seperti pelan yang diluluskan. Semakan Audit terhadap Lukisan Terpasang dan lawatan ke tapak projek mendapati ban terputus sepanjang 416 meter di 28 lokasi. Ban tidak dapat dibina dengan sempurna di lokasi tertentu kerana terdapat saluran keluar di kiri dan kanan Sungai Malai yang tidak termasuk dalam dokumen kontrak asal dan laluan keluar/masuk ke kampung berdekatan. **Foto 16** menunjukkan rumah setinggian yang menghalang pembinaan ban dan **Foto 17** menunjukkan ban yang terputus. Ban yang terputus tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya aras air sungai meningkat dan melimpahi kawasan sekitarnya.

Foto 16
Rumah Papan Menghalang Pembinaan Ban Sungai



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 5 Mei 2005
Lokasi : Sungai Malai CH 100

Foto 17
Ban Yang Terputus



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Ogos 2005
Lokasi : Sungai Malai CH200 – CH300

- Tandas dibina atas Sungai Malai dan reban ayam dibina atas rizab sungai menjejaskan kerja penyenggaraan dan boleh menyebabkan pencemaran air sungai. Tandas dan reban ayam dibina oleh penduduk setinggian selepas kerja kontrak siap dilaksanakan. **Foto 18** menunjukkan reban ayam dibina atas rizab Sungai Malai.

Foto 18
Reban Ayam Atas Rizab Sungai Malai Pakej 1



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Ogos 2005

Lokasi : Sungai Malai CH200 - CH300

- Bahan binaan perlu diuji sebelum ianya diluluskan untuk kegunaan binaan seperti mana dinyatakan dalam perjanjian kontrak. Bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1 laporan ujian bahan binaan dijalankan di makmal yang diiktiraf pada akhir bulan Disember 2003 dan awal bulan Januari 2004. Keputusan ujian adalah menepati piawaian yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek RTB Sungai Malai Pakej I adalah tidak memuaskan. Oleh itu, JPS perlu mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah pembinaan haram atas rizab sungai supaya kerja projek dapat disiapkan mengikut perancangan.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek adalah tidak memuaskan. Walaupun projek RTB Pekan Langkap Fasa I disiapkan dalam tempoh kontrak diluluskan tetapi terdapat kecacatan dan kerja membaiki kecacatan adalah tidak memuaskan. Bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1, kerja projek sebenarnya diselesaikan pada pertengahan bulan Mei 2005 tetapi Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan menyatakan kerja disiapkan pada akhir bulan Oktober 2004 seperti tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Perkara ini adalah tidak mematuhi peraturan dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan Negeri kerana tempoh kecacatan bermula dari tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

10.2.7 Prestasi Bayaran Projek

Semakan Audit mendapati projek RTB Pekan Langkap Fasa I telah disiapkan mengikut tempoh kontrak. Bagaimanapun, projek RTB Sungai Malai Pakej 1 tidak disiapkan mengikut tempoh kontrak yang diluluskan. Perbelanjaan sebenar projek RTB Pekan Langkap Fasa I dan Fasa II serta RTB Sungai Malai Pakej 1 adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Perbelanjaan Projek RTB Sehingga Akhir Bulan Ogos Tahun 2005

Tahun	Perbelanjaan Sebenar		
	RTB Pekan Langkap Fasa I (RM)	RTB Pekan Langkap Fasa II (RM)	RTB Sungai Malai Pakej 1 (RM)
2003	320,099	-	64,293
2004	552,932	-	525,168
2005	23,994	255,255	42,664
Jumlah	897,025	255,255	632,125

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak

a) Projek RTB Pekan Langkap Fasa I

Perjanjian projek RTB Pekan Langkap Fasa 1 telah ditandatangani dengan Warisan Rafa Enterprise dengan nilai kontrak berjumlah RM934,279. Melalui penyata pelarasan jumlah harga kontrak no. 1 (terakhir) pada awal bulan Mac 2005, harga kontrak telah dikurangkan sejumlah RM37,254 menjadikan harga kontrak selepas pelarasan berjumlah RM897,025. Kurangan harga kontrak disebabkan tambahan kos projek bagi pengukuran semula kerja *drains and crossing* sejumlah RM22,179 sementara pengukuran semula kerja *preliminaries* dan *provisional sums* menyebabkan kurangan kos sejumlah RM59,433. Semakan Audit mendapati perakuan siap kerja dikeluarkan pada akhir bulan Februari 2005 dan bayaran akhir telah dibuat kepada kontraktor pada akhir bulan April 2005.

Pada pendapat Audit, bayaran kerja kontrak adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

b) Projek RTB Pekan Langkap Fasa II

Bayaran pendahuluan sejumlah RM255,255 telah diluluskan kepada penender yang berjaya, Syarikat Pemborong Abu Bakar pada akhir bulan Julai 2005 selepas surat

setuju terima dan jaminan insurans untuk bayaran pendahuluan dikemukakan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, bayaran tersebut adalah mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan.

c) Projek RTB Sungai Malai Pakej 1

Perjanjian projek RTB Sungai Malai Pakej 1 telah ditandatangani dengan Syarikat Ingin Jaya Enterprise dengan harga kontrak berjumlah RM629,475. Pegawai Penguasa telah meluluskan tambahan kuantiti sementara no. 1 berjumlah RM78,984 pada awal bulan September 2004. Semakan Audit terhadap bayaran terakhir mendapati potongan sejumlah RM76,334 telah dibuat disebabkan oleh pengukuran semula kuantiti sementara yang diluluskan pada pertengahan bulan Mei 2005. Harga kontrak selepas pelarasan berjumlah RM632,125. Semakan Audit terhadap penyata tuntutan bayaran kemajuan no. 6 mendapati sejumlah RM68,000 yang melibatkan bekalan dan pemasangan 8 unit *m.s. gratings*, lapan unit *trash screen* dan 8 unit *flap gates* seperti yang dinyatakan dalam pelan kontrak telah dibayar kepada kontraktor pada awal bulan November 2004. Lawatan Audit pada awal bulan Mei 2005 mendapati hanya 2 unit *flap gates* dipasang kepada *outfall structures*. Lapan unit *m.s. gratings*, lapan unit *trash screen* dan 6 unit *flap gates* hanya dipasang sepenuhnya oleh kontraktor pada pertengahan bulan Mei 2005. Mengikut minit mesyuarat tapak Bil. 5 Tahun 2004 bulan Mei 2004, Jurutera Daerah memutuskan agar pihak kontraktor tidak memasang terlebih dahulu *flap gates* untuk mengelakkan kecurian di tapak. Kesemua baki struktur kelengkapan berupa *trash screen* dan *m.s. grating* disimpan sementara di Stor JPS, Taiping. Pihak JPS beranggapan kerja pembekalan dan pemasangan struktur *flap gates* dan kelengkapan telah selesai dan pembayaran penuh dibuat. Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii), menyatakan bayaran hendaklah dibuat mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Bayaran kepada kontraktor sebelum kerja selesai adalah bertentangan dengan Arahan tersebut.

Pada pendapat Audit, pembayaran kepada kontraktor hendaklah berdasarkan tarikh sebenar kerja disiapkan. Pembayaran terhadap kerja yang belum disiapkan adalah tidak mematuhi peraturan kewangan.

d) Bayaran Kepada Juru Perunding

Semakan Audit terhadap baucar bayaran dan penyata tuntutan juru perunding mendapati perkara berikut:

i) Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd.

Perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2000 antara JPS dengan Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. menetapkan anggaran kos perkhidmatan perunding bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1 adalah berjumlah RM1.22 juta. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Januari 2002, bayaran sejumlah RM813,681 kepada Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. adalah mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian.

ii) Juruukur Chuah & Rakan-rakan

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Dan Pelantikan Perunding Peringkat Jabatan Bil. 13 Tahun 1999 dan Bil. 5 Tahun 2000 meluluskan pelantikan Juruukur Chuah & Rakan-rakan sebagai juru perunding bagi mengendalikan kerja ukur projek RTB Sungai Malai dengan had maksimum kos kerja ukur yang boleh dibayar berjumlah RM59,910. Semakan Audit mendapati sejumlah RM57,480 telah dibayar kepada Juruukur Chuah & Rakan-rakan pada tahun 2001 mengikut kadar yang ditetapkan semasa pelantikan.

iii) Kumpulan Ikram Sdn. Bhd.

JPS telah melantik Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja penyiasatan tanah bagi projek RTB Sungai Malai dengan anggaran kos sejumlah RM121,000. Semakan Audit mendapati sejumlah RM63,503 telah dibayar kepada Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. pada akhir bulan September 2001 untuk kerja penyiasatan tapak dan ujian makmal mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian.

Pada pendapat Audit, bayaran kepada juru perunding adalah mematuhi syarat yang ditetapkan.

Pada keseluruhannya prestasi bayaran kerja yang dilaksanakan oleh JPS adalah memuaskan kecuali bayaran kepada kontraktor bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1 tidak mengikut kerja siap sebenar.

10.2.8 Kerja Penyenggaraan

Bagi menentukan sesuatu sistem saliran berfungsi dengan baik, kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati perkara berikut:

a) RTB Pekan Langkap Fasa I

Mengikut Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, Bahagian III, Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk membina dan menyenggarakan parit dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan. Semakan Audit mendapati pembinaan parit konkrit sepanjang 1.2 kilometer di bawah projek RTB Pekan Langkap Fasa I telah disiapkan pada akhir bulan Februari 2005 tetapi masih belum diserahkan kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan (Majlis) untuk kawalan dan penyenggaraan. Mengikut penjelasan pegawai JPS, projek RTB Pekan Langkap dilaksanakan secara berperingkat. Projek RTB Pekan Langkap Fasa II sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada pertengahan bulan Mei 2006. Penyerahan tapak projek kepada Majlis akan dibuat selepas kerja fasa II disiapkan. Sementara itu, kerja penyenggaraan parit akan dilaksanakan oleh JPS.

b) RTB Sungai Malai Pakej 1

Mengikut penjelasan Jurutera Daerah, kerja penyenggaraan sungai adalah dijalankan oleh pegawai JPS. Oleh kerana masalah kewangan, kerja penyenggaraan akan dijalankan mengikut senarai keutamaan yang disediakan atau jika terdapat aduan daripada orang awam. Bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1, projek baru disiapkan dan tiada kerja penyenggaraan dilaksanakan. Lawatan Audit ke tapak projek pada pertengahan bulan Ogos 2005 mendapati aliran Sungai Malai menjadi sempit kerana rumput tumbuh di tebing sungai seperti di **Foto 19**.

Foto 19
Tebing Sungai Malai Pakej 1 Yang Diliputi Rumput



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 17 Ogos 2005
Lokasi : Sungai Malai CH800*

Pada pendapat Audit, parit konkrit yang dibina oleh JPS di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan perlu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kawalan dan penyenggaraan. Satu jadual penyenggaraan sungai disediakan untuk memastikan kerja pembersihan dan pengorekan sungai dapat dilaksanakan di semua sungai.

10.2.9 Pengambilan Balik Tanah

Akta Pengambilan Tanah 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tanah milik yang diperlukan untuk sesuatu maksud awam. Pemeriksaan Audit mendapati Projek RTB Sungai Malai secara keseluruhannya melibatkan pengambilan balik tanah seluas 10.50 hektar dengan anggaran kos pampasan berjumlah RM2 juta meliputi tanah kerajaan dan tanah milik. Pada akhir bulan September 2001, Ibu Pejabat JPS Negeri telah mengemukakan 6 set pelan pengambilan balik tanah dan maklumat terperinci keluasan yang terlibat bagi Projek RTB Sungai Malai kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak. Sehubungan itu, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak telah mengarahkan Pejabat Tanah Daerah Larut, Matang dan Selama, Taiping menyediakan kertas ringkasan pengambilan balik tanah bagi projek tersebut pada awal bulan November 2001. Pemeriksaan Audit di Pejabat Tanah pada awal bulan Jun 2005 mendapati permohonan pengambilan balik tanah bagi projek ini masih belum selesai kerana tiada tindakan susulan dibuat selepas laporan disediakan oleh Pelukis Pelan pada pertengahan bulan Mac 2003. Mengikut

penjelasan pegawai JPS, kerja projek RTB Sungai Malai Pakej 1 dilaksanakan dengan tumpuan diberi kepada kerja yang tidak melibatkan pengambilan balik tanah supaya projek dapat dilaksanakan mengikut jadual. Semakan Audit mendapati RTB Sungai Malai Pakej 2 akan dilaksanakan di bawah RMK-9 tetapi isu pengambilan balik tanah masih belum selesai.

Pada pendapat Audit, tindakan perlu diambil oleh JPS untuk mengatasi masalah pengambilan balik tanah supaya projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

10.2.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi diwujudkan bagi menunjukkan fungsi, aktiviti sesebuah organisasi dan perjawatan yang diluluskan. Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab untuk menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik.

a) Struktur Organisasi

Organisasi JPS terbahagi kepada 7 bahagian yang mempunyai fungsi dan aktiviti tertentu. Bahagian Sungai dan Saliran Bandar adalah bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti RTB. Kerja yang dilaksanakan adalah kerja pemulihan dan pemeliharaan sungai, pembinaan empangan dan parit utama serta penyediaan kajian pelan induk saliran bandar. Bahagian Ukur Bahan bertanggungjawab menyedia dan menyemak dokumen kontrak serta pelaksanaan kerja kontrak. Bahagian Operasi pula bertanggungjawab untuk memantau dan menilai projek yang dilaksanakan serta mengemukakan laporan kemajuan kepada pihak yang mengeluarkan peruntukan. Setakat akhir bulan Julai 2005, sebanyak 135 daripada 448 perjawatan yang diluluskan bagi JPS Hilir Perak dan sebanyak 33 daripada 159 yang diluluskan bagi JPS Larut, Matang dan Selama masih belum diisi.

b) Latihan

Latihan mencukupi merupakan faktor penting bagi menentukan kecekapan pengurusan. Pihak JPS ada menyediakan program latihan yang akan dilaksanakan di pusat latihan JPS. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh 2001 hingga Jun 2005 seramai 33 orang kakitangan JPS Daerah Larut, Matang dan Selama serta Daerah Hilir Perak telah menghadiri kursus dan latihan yang diadakan. Kursus yang telah diadakan ialah Kursus Asas MaSMA, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai, Kejuruteraan Sungai, Sistem Automasi Pintu Air dan Ramalan Banjir. Penganjur yang terlibat ialah Institut Pembangunan Kompetensi JPS Ipoh dan Kuala Lumpur, Institut Pengurusan Air Negara dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Pada pendapat Audit, pengisian keperluan guna tenaga JPS adalah mencukupi dan dapat mengimbangi kerja yang sedia ada. Latihan kepada kakitangan telah dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang.

10.2.11 Penyeliaan Projek

Untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan, penyeliaan perlu dilakukan oleh Pegawai Penguasa dan wakilnya.

a) Buku Harian Tapak Bina

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 4 Tahun 1988 menyatakan buku harian tapak bina merupakan dokumen penting yang boleh membantu semasa penilaian tuntutan kontraktor, menilai kerja tambahan dan penyelesaian masalah pentadbiran kontrak. Ia hendaklah dikemaskinikan dan pengisian buku harian tapak bina merupakan tugas harian Pegawai Penyelia. Tandatangan wakil kontraktor hendaklah diperoleh setiap hari dan bagi tujuan ini perjumpaan harian hendaklah diadakan di antara Pegawai Penyelia dan wakil kontraktor pada akhir setiap hari bagi menyetujui dan menandatangani catatan yang dibuat dalam buku harian tapak bina. Surat Pekeliling ini juga menyatakan buku harian tapak bina hendaklah disemak oleh Pegawai Penguasa dan lain-lain pegawai atasan setiap kali mereka membuat lawatan ke tapak bagi memastikan ianya sentiasa diguna serta dijaga dengan teratur. Pemeriksaan Audit mendapati buku harian tapak bina yang di selenggara adalah seperti berikut:

i) Projek RTB Pekan Langkap Fasa I

Buku harian tapak bina ditandatangani oleh pegawai penyelia JPS dan kontraktor sepanjang masa kontrak dilaksanakan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan buku tersebut disemak oleh Pegawai Penguasa dan lain-lain pegawai atasan sebagai bukti lawatan dilakukan.

ii) Projek RTB Pekan Langkap Fasa II

Buku harian tapak bina projek RTB Pekan Langkap Fasa II diselenggarakan dengan memuaskan. Buku harian tapak bina ditandatangani oleh pegawai penyelia JPS dan kontraktor serta disemak oleh wakil Pegawai Penguasa.

iii) Projek RTB Sungai Malai Pakej 1

Buku harian tapak bina projek RTB Sungai Malai Pakej 1 tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah tiada tandatangan di ruangan tandatangan Pegawai Penguasa atau wakilnya

dan tandatangan kontraktor pada kesemua tarikh walaupun ada aktiviti dilaksanakan. Selain itu, adalah didapati buku harian tapak bina hanya disemak 2 kali sahaja oleh Pegawai Penguasa sepanjang masa kontrak dilaksanakan sebagai bukti lawatan dilakukan.

Pada pendapat Audit, kegagalan JPS memastikan buku harian tapak bina diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini mengakibatkan pelaksanaan projek tidak dapat diawasi dengan berkesan.

b) Mesyuarat Tapak

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3 Tahun 1991 para 3.1(b) menyatakan mesyuarat tapak bagi kontrak bernilai RM500,000 ke atas dan tidak melebihi RM2 juta hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh satu bulan untuk menyelesaikan masalah di tapak. Pemeriksaan Audit mendapati mesyuarat tapak Projek RTB Pekan Langkap Fasa I diadakan 4 kali sahaja bagi tempoh 18 bulan sebelum kontrak tamat pada bulan Februari 2005. Bagi projek RTB Sungai Malai Pakej 1 mesyuarat tapak diadakan 7 kali bagi tempoh 15 bulan sebelum kontrak tamat pada bulan Oktober 2004. Sementara itu, bagi projek RTB Pekan Langkap Fasa II mesyuarat tapak diadakan hanya sekali sahaja bagi tempoh 3 bulan dari tarikh milik tapak pada pertengahan bulan Mei 2005.

Pada pendapat Audit, mesyuarat tapak merupakan salah satu pemantauan yang penting dan perlu dilaksanakan dengan berterusan supaya masalah kerja kontrak dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan.

c) Laporan Kemajuan Kontraktor

Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan dan menyerahkan setiap bulan rekod kerja yang ditandatangani oleh kontraktor dan Pegawai Penguasa. Laporan kemajuan kerja kontrak sebanyak 5 salinan hendaklah dihantar kepada JPS pada setiap bulan. Pemeriksaan Audit mendapati penyediaan dan penyerahan laporan kemajuan kerja kontrak oleh kontraktor adalah tidak teratur. Laporan kemajuan kerja yang disediakan dan dikemukakan oleh kontraktor adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Penyediaan Laporan Kemajuan Kerja

Nama Projek	Bulan Laporan Disediakan	Catatan
RTB Pekan Langkap Fasa I	i) Februari 2004 ii) Jun 2004	Laporan hanya dikemukakan untuk 2 bulan sahaja.
RTB Sungai Malai Pakej 1	i) Ogos hingga November 2003 ii) April 2004 iii) Mei hingga Oktober 2004	Laporan bulan Disember 2003 hingga Mac 2004 tidak disediakan dan laporan yang di sedia hanya mengandungi maklumat projek, laporan ringkas kontrak kerja, carta organisasi dan carta kemajuan kerja.
RTB Pekan Langkap Fasa II	i) Julai 2005	Setakat 18 Ogos 2005, hanya satu laporan kemajuan kerja dikemukakan.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak

Pada pendapat Audit, laporan kemajuan kerja kontrak adalah dokumen penting untuk menyelia kemajuan kerja kontraktor. Pegawai Penguasa perlu memastikan arahan mengenai penyediaan Laporan kemajuan kerja dipatuhi.

Pada pendapat Audit, penyeliaan projek tidak dilaksanakan dengan memuaskan.

10.2.12 Keberkesanan Projek

Matlamat utama projek RTB adalah untuk menghindarkan kejadian banjir dari berlaku. Bagi menentukan keberkesanan projek yang dilaksanakan, pihak Audit telah menemu bual penduduk di sekitar kawasan projek RTB Pekan Langkap Fasa I dan RTB Sungai Malai Pakej 1. Hasil temu bual Audit adalah seperti berikut:

a) RTB Pekan Langkap Fasa I

Seramai 8 orang penduduk di sekitar kawasan tapak projek telah di temu bual. Daripada 8 orang penduduk yang di temu bual, empat penduduk mengatakan banjir tidak lagi berlaku selepas projek disiapkan. Manakala 4 orang penduduk mengatakan bahawa banjir masih berlaku sekiranya hari hujan namun ianya masih terkawal dan tidak membawa kerosakan seperti yang berlaku sebelum projek dilaksanakan. Semakan Audit terhadap laporan banjir dan kemarau tahun 2005 di JPS Daerah Hilir Perak mendapati tiada banjir dilaporkan di kawasan Pekan Langkap selepas projek siap.

b) RTB Sungai Malai Pakej 1

Hasil temu bual Audit terhadap 8 orang penduduk di sekitar kawasan Sungai Malai mendapati 6 orang penduduk mengatakan banjir tidak lagi berlaku selepas projek RTB Sungai Malai Pakej 1 disiapkan dan 2 penduduk mengatakan bahawa banjir masih berlaku.

Pada pendapat Audit, matlamat projek masih belum tercapai kerana projek dilaksanakan secara berperingkat. Projek RTB Pekan Langkap dan RTB Sungai Malai akan disambung ke RMK-9. Bagaimanapun, banjir dapat dikurangkan dengan pembinaan sistem saliran yang baik dan melalui pelaksanaan projek RTB tersebut.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan program ini adalah kurang memuaskan. JPS perlu memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap prestasi fizikal projek, pematuhan spesifikasi, kualiti kerja dan pengawasan projek kerana ia memberi impak terhadap keseluruhan projek yang dilaksanakan.

10.3 PEMANTAUAN

Pemantauan secara berterusan perlu dijalankan untuk memastikan matlamat projek tercapai serta pelaksanaannya mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

10.3.1 Laporan Yang Disediakan

Semakan Audit di Ibu Pejabat JPS mendapati perkara berikut:

a) Laporan Kemajuan Kewangan Dan Kemajuan Projek

Semakan Audit mendapati arahan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JPS pada akhir bulan Februari 2004 kepada Jurutera Daerah untuk mengemukakan laporan kemajuan kewangan dan kemajuan projek ke Ibu Pejabat pada setiap bulan. Bahagian Pengesanan dan Penilaian adalah bertanggungjawab untuk menghantar ringkasan laporan ini ke Pejabat Pembangunan Negeri. Semakan Audit mendapati JPS Hilir Perak dan JPS Larut, Matang dan Selama ada mematuhi arahan tersebut dan laporan ringkasan ada disediakan oleh Bahagian Pengesanan dan Penilaian untuk dihantar ke Pejabat Pembangunan Negeri.

b) Laporan Bulanan Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK-8

Mengikut arahan daripada JPS Malaysia pada akhir bulan Januari 2002, laporan bulanan prestasi pelaksanaan projek pembangunan RMK-8 perlu dihantar ke

Bahagian Pembangunan Korporat, JPS Malaysia pada/sebelum 26 hari bulan setiap bulan. Semakan Audit mendapati arahan tersebut dipatuhi oleh JPS.

c) Laporan Prestasi Kerja Bagi Projek-projek Yang Dibiayai Daripada Peruntukan Kerajaan Negeri Yang Masih Dalam Pelaksanaan

Mengikut arahan Pegawai Kewangan Negeri pada akhir bulan September 2002, laporan prestasi kerja bagi projek-projek yang dibiayai daripada peruntukan kerajaan negeri yang masih dalam pelaksanaan perlu dihantar setiap bulan kepada Pejabat Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati laporan tersebut telah dihantar ke Pejabat Kewangan Negeri setiap bulan.

Pada pendapat Audit, JPS telah menyediakan laporan seperti yang diarahkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

10.3.2 Jawatankuasa Pengurusan Dan Pembangunan JPS Negeri Perak

Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat JPS. Jawatankuasa ini di pengaruhi oleh Pengarah JPS Negeri Perak dan ahli Jawatankuasa terdiri daripada Timbalan Pengarah JPS, Ketua Bahagian, Jurutera Daerah dan Jurutera Projek. Jawatankuasa ini bermesyuarat untuk membentangkan laporan kemajuan pembangunan projek dan laporan pengurusan yang disediakan serta membincangkan isu-isu berbangkit. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 5 kali pada tahun 2004 dan setakat bulan Jun 2005 sebanyak 2 mesyuarat telah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan telah mengadakan mesyuarat mengikut keperluan menyelesaikan masalah berbangkit.

10.3.3 Laporan Prestasi Perunding

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995, laporan prestasi perunding hendaklah dikemukakan kepada Urus setia Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Perunding (JPPP) di Kementerian Kewangan mengikut jangka masa seperti berikut:

- a) Satu kali apabila projek/kajian selesai dilaksanakan bagi perolehan yang memakan masa 6 bulan atau kurang; dan
- b) Satu kali setiap 6 bulan dari tarikh pelantikan perunding sehingga tamat bagi projek yang memakan masa lebih dari 6 bulan.

Laporan terakhir mengenai kemajuan keseluruhannya serta prestasi perunding hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan dan Urus setia JPPP dalam tempoh satu bulan selepas perakuan siap kerja dikeluarkan/projek disiapkan. Semakan Audit mendapati laporan prestasi perunding bagi juru perunding yang dilantik tidak disediakan mengikut kehendak arahan tersebut.

Pada pendapat Audit, tindakan perlu diambil untuk memastikan arahan dipatuhi bagi memantau prestasi juru perunding yang dilantik.

Pada pendapat Audit, JPS telah melaksanakan pemantauan dengan memuaskan bagi memastikan kemajuan projek berjalan seperti yang telah dirancang. Bagaimanapun, laporan prestasi perunding perlu disediakan seperti kehendak arahan dikeluarkan.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir adalah kurang memuaskan kerana wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dan pengawasan projek dari segi pencapaian fizikal, spesifikasi dan kualiti kerja. Kelemahan yang dikenal pasti ialah kualiti kerja tidak menepati spesifikasi ditetapkan, pencapaian fizikal projek tidak memuaskan, perakuan siap kerja dikeluarkan lebih awal dari tarikh sepatutnya, pembayaran terhadap kerja yang belum disiapkan tidak mematuhi peraturan kewangan, penyeliaan projek tidak dilaksanakan dengan memuaskan dan buku harian tapak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Walau bagaimanapun, kejadian banjir telah dapat dikurangkan dengan pembinaan sistem saluran yang baik melalui pelaksanaan projek ini demi kemudahan dan kepentingan awam. Matlamat dan impak projek tidak dapat diukur pencapaiannya kerana projek Rancangan Tebatan Banjir ini dilaksanakan secara berperingkat dan akan disambung ke RMK-9. Untuk meningkatkan pengawasan pelaksanaan kerja kontrak dan mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan bahawa pihak JPS menimbangkan perkara berikut:

- a) Memasang kerb atau *railing* di RTB Pekan Langkap Fasa I terutamanya di depan sekolah dan kedai untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.
- b) Membina *box-out* depan Pejabat Pos supaya air hujan tidak bertakung.
- c) Memperbaiki kecacatan kerja dengan segera dan menepati kualiti yang ditetapkan supaya pembinaannya dapat berfungsi dengan sempurna.
- d) Mengarahkan kontraktor mengemukakan semula lukisan terpasang bagi RTB Pekan Langkap Fasa I mengikut pencapaian sebenar projek dengan kadar segera.
- e) Penyeliaan rapi dibuat oleh Pegawai Penguasa untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual.

- f)** Mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah pencerobohan atas rizab sungai supaya kerja projek dapat disiapkan mengikut perancangan.
- g)** Mengadakan perbincangan dengan Pejabat Tanah untuk mengatasi masalah pengambilan balik tanah dan setingan supaya projek RTB Sungai Malai dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN

12. LATAR BELAKANG

12.1 Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Bil. 3 Tahun 1967 dengan matlamat untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di negeri Perak. Perbadanan telah menceburi bidang pembangunan, perindustrian, pelancongan, pembangunan hartanah dan pembinaan. Jemaah Menteri melalui mesyuarat pada tahun 1999 memperakukan peranan Perbadanan sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera iaitu membina sebuah masyarakat Bumiputera yang berdikari dalam pelbagai kegiatan ekonomi, masyarakat yang berkualiti dan dapat menghadapi perubahan persekitaran sama ada dari segi ekonomi, teknologi, cara dan kualiti kehidupan. Masyarakat ini nanti akan mempunyai ciri budaya niaga yang konsisten, mempunyai etika niaga secara korporat dan berdaya maju hingga ke peringkat antarabangsa.

12.2 Matlamat Program Pembangunan Usahawan adalah untuk membangunkan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera. Perbadanan telah merancang sebanyak 5 program pembangunan usahawan iaitu Program Usahawan Muda, Program Usahawan Belia/Wanita, Program Usahawan Teknikal, Program Usahawan Keluarga Dan Wanita dan Program Pembangunan Usahawan Korporat. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) sejumlah RM33.84 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pembangunan Usahawan dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM7 juta telah diluluskan dalam bentuk pemberian geran dan RM26.84 juta dalam bentuk pinjaman.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pembangunan Usahawan telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi 3 program pembangunan usahawan yang dipilih bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005. Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa fail program, Kertas Kerja Perbadanan, fail pinjaman, kertas Cadangan Pembangunan Program, Rekod Kewangan, Garis Panduan dan minit mesyuarat berkaitan. Selain itu, lawatan ke 5 kawasan yang dipilih iaitu di Dataran Silveritage, Taman Seramik Fasa 1 Chemor, Kampung Sayong Tengah Kuala Kangsar, Kampung Baru Jelapang dan Kampung Aceh Manjung turut dilakukan. Temu bual dengan peserta bagi 3 program tersebut dan kakitangan serta pegawai di Perbadanan juga dilaksanakan.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi melaksanakan sesuatu aktiviti/program supaya matlamat yang telah ditetapkan dapat dicapai. Perancangan Program Pembangunan Usahawan meliputi aktiviti kursus bimbingan, latihan kepada usahawan, bantuan pembiayaan, penyediaan ruang perniagaan dan pemasaran.

15.1.1 Dasar Program Pembangunan Usahawan

Dasar untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera adalah salah satu strategi penyusunan semula masyarakat melalui pelaksanaan serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru.

a) Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)

Dasar Ekonomi Baru memberi penekanan terhadap aspek pembangunan usahawan, penglibatan secara langsung di dalam pengeluaran dan perkhidmatan, penyertaan secara aktif dalam sektor moden dan berteknologi tinggi. Dasar ini juga menerapkan semangat berdikari dan berdaya saing di pasaran terbuka dalam dan luar negeri.

b) Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)

Dasar ini menetapkan matlamat pewujudan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera dilaksanakan secara berterusan dengan mempertingkatkan perancangan dan strateginya selepas Dasar Ekonomi Baru. Ia bagi memastikan hasrat melahirkan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera yang berdaya tahan, berdaya maju, berdaya saing dan bertaraf dunia dapat dicapai.

c) Dasar Wawasan Negara (1991-2020)

Dasar ini menggabungkan strategi utama Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat serta menekankan pembangunan seimbang. Objektif Dasar ini adalah untuk mencapai pertumbuhan mapan dan pengukuhan daya tahan ekonomi serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama. Bagi mencapai objektif dasar ini, pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) memberi penekanan kepada pembangunan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera dan merupakan agenda utama yang akan diteruskan dengan memberi fokus kepada pewujudan usahawan Bumiputera.

15.1.2 Garis Panduan Pewujudan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera Di Negeri Perak

a) Garis Panduan ini dirangka untuk dijadikan rujukan kepada jabatan dan agensi Kerajaan di negeri Perak dalam usaha membantu melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera di negeri ini. Ia mengandungi matlamat, sembilan strategi pembangunan, keanggotaan serta fungsi Jawatankuasa yang ditubuhkan. Matlamat yang digariskan adalah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan industri. Selain itu keupayaan dan kualiti Bumiputera juga akan dapat dipertingkatkan untuk menghadapi persaingan dan cabaran serta menyemai minat dan budaya niaga sebagai persediaan menghadapi perniagaan di peringkat antarabangsa. Sembilan strategi pembangunan yang terkandung dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i) mengadakan perancangan dan program yang teratur;
- ii) penggunaan kriteria selektif dalam mengenal pasti kumpulan Bumiputera;
- iii) pembangunan projek sektoral seperti Industri Kecil Sederhana, francais, pelancongan dan pertanian;
- iv) pembangunan prasarana;
- v) penswastaaan projek dari agensi dan jabatan negeri;
- vi) sokongan peluasan perniagaan dari peringkat korporat ke peringkat antarabangsa;
- vii) program melahirkan budaya niaga, serta pencetusan kreativiti dan inovasi;
- viii) penguasaan industri baru oleh Bumiputera; dan
- ix) pembangunan usahawan melalui bimbingan dan pemantauan berterusan.

- b) Kandungan pelan tindakan pula adalah kategori dan kumpulan sasaran dalam tempoh pelaksanaan serta penentuan program masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera sama ada:-
- i) Berbentuk langsung/tidak langsung;
 - ii) Jenis-jenis program;
 - iii) Kos belanja mengurus dan pembangunan;
 - iv) Komponen program; dan
 - v) Penilaian mengikut rancangan dan pencapaian sebenar.

15.1.3 Strategi Perbadanan Ke Arah Membangunkan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera

Bagi merealisasikan dasar Kerajaan Negeri, Perbadanan telah merangka beberapa strategi seperti berikut:

- a) Program Pembudayaan dalam bidang perniagaan dan pengilangan melalui Program Usahawan Muda, Belia/Wanita, Keluarga dan Wanita.
- b) Menyesuaikan sasaran usahawan mengikut kategori dan kemampuan.
- c) Mewujudkan peluang perniagaan melalui penguasaan sektor strategik yang tidak diterokai oleh masyarakat Bumiputera.
- d) Menyesuaikan pembangunan/program mengikut kemampuan usahawan dengan tumpuan kepada perkara yang berfungsi bagi membolehkan pengambilalihan projek yang kompetitif.
- e) Penggabungan keperluan perniagaan dan kehidupan.
- f) Fokus kepada pembangunan secara bersepadu meliputi perancangan perniagaan, pembangunan fizikal, bantuan modal dan *tecno managerial support*.
- g) Menumpukan kepada program yang memberi impak kepada bilangan yang ramai.
- h) Penekanan sasaran usahawan berasaskan ciri kemanusiaan seperti komitmen, disiplin kewangan, budaya niaga, daya tahan dan daya saing.
- i) Sistem pemantauan yang menyeluruh.

15.1.4 Peraturan Kewangan Perbadanan

Perbadanan mempunyai peraturan kewangan tersendiri meliputi tatacara kewangan dan akaun serta garis panduan perolehan. Peraturan kewangan ini akan digunakan dalam melaksanakan kesemua program dan aktiviti.

15.1.5 Komponen Program Pembangunan Usahawan

Perbadanan telah menetapkan Program Pembangunan Usahawan yang akan dilaksanakan mencapai matlamat Perbadanan ke arah pembangunan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera.

a) Program Usahawan Muda

Program Usahawan Muda merupakan satu program kerjasama antara Kementerian Pelajaran dengan Perbadanan. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar Bumiputera di sekolah menengah terpilih bagi mendapat pendedahan praktikal selama 9 bulan mengenai cara menubuhkan, mengurus dan membubarkan syarikat. Program ini dirancang untuk mempertingkatkan minat keusahawanan di kalangan pelajar sekolah, menyemai bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya bagi pelajar yang telah meninggalkan alam persekolahan dan membina asas kemahiran di bidang perniagaan. Selain itu, ia juga dapat melatih pelajar terhadap aspek penting pengurusan perniagaan secara amali dan melahirkan bakal usahawan berkualiti, berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Program ini juga akan memberi peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman.

b) Program Usahawan Belia/Wanita

Program Usahawan Belia/Wanita bermatlamat menyalurkan pelajar lepasan sekolah yang tidak melanjutkan pelajaran khususnya mereka yang pernah terlibat dalam Program Usahawan Muda dan lepasan Institusi Latihan Kemahiran menceburi bidang perniagaan dan pengilangan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengalihkan perhatian belia/wanita khususnya Bumiputera kepada kerjaya di bidang keusahawanan dan menjadikannya alternatif bagi belia membina kerjaya memandangkan persaingan di bidang pekerjaan. Ia juga menjadi asas ke arah membina ciri keusahawanan di kalangan usahawan Bumiputera dengan kos rendah.

c) Program Usahawan Teknikal

Program ini bertujuan untuk membentuk masyarakat Bumiputera yang mempunyai kemahiran asas menceburi bidang perniagaan dan perindustrian. Seterusnya untuk tempoh jangka panjang program ini dapat mewujudkan bakal usahawan yang boleh diperkembangkan sebagai syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

15.1.6 Sasaran Program

Bagi mencapai matlamat masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera, Perbadanan akan memberi tumpuan terhadap program dan projek yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi dan membangunkan usahawan Bumiputera. Sasaran

Perbadanan bagi Program Usahawan Muda, Belia/Wanita dan Teknikal melibatkan projek syarikat sekolah, *Hygenic Vendor Cart Business System* dan IKS Bersepadu di Kampung Acheh Manjung adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Sasaran Perbadanan Mengikut Program
Pembangunan Usahawan Bagi Tempoh RMK-8

Bil.	Jenis Program Pembangunan Usahawan	Kumpulan Sasaran	Sasaran Bilangan Penyertaan
1.	Program Usahawan Muda	Pelajar dipilih berdasarkan minat, prestasi akademik dan terdiri daripada pelajar tingkatan 2 dan 4.	360 Sekolah
2.	Program Usahawan Belia/Wanita	Pelajar lepasan sekolah pernah terlibat dalam Program Usahawan Muda dan lepasan pelajar institusi latihan kemahiran bidang perniagaan dan pengilangan.	400 Usahawan
3.	Program Usahawan Teknikal	Usahawan mempunyai asas perniagaan	48 Usahawan

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

15.1.7 Kaedah Pelaksanaan

Bagi melaksanakan Program Usahawan Muda, Belia/Wanita dan Teknikal, Perbadanan telah merancang kaedah berikut mengikut program:

a) Program Usahawan Muda

Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (Kementerian) telah merancang kaedah pelaksanaan bagi Program Usahawan Muda agar berjalan lancar. Kaedah pelaksanaan yang ditetapkan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

i) Struktur Pelaksanaan

Kementerian menetapkan 6 komponen struktur pelaksanaan Program Usahawan Muda iaitu Kementerian, Sekretariat, Sekolah, Guru Pengelola, Penasihat dan Syarikat. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk menyelaras, merangka dasar, menyediakan peruntukan dan memberi penerangan mengenai program. Sekretariat pula dianggotai oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan agensi yang berkaitan seperti Majlis Amanah Rakyat, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan

Bank Rakyat. Sekretariat berperanan untuk mengenal pasti dan melantik penasihat bagi menyelaras program usahawan muda di peringkat Negeri dan menyediakan pangkalan data mengenai program usahawan muda. Pihak sekolah merupakan sekolah menengah di Malaysia yang dipilih oleh Sekretariat. Pengetua sekolah akan melantik Guru Pengelola bagi program ini. Guru Pengelola terdiri daripada guru sekolah berkenaan dan berperanan untuk memastikan ahli syarikat mengamalkan tatacara perniagaan yang betul serta menjadi penunjuk dan pemudah cara. Penasihat terdiri daripada pegawai Perbadanan dan syarikat subsidiari, pegawai dari syarikat swasta, usahawan dan individu tertentu. Penasihat berperanan sama seperti guru pengelola. Syarikat merupakan syarikat yang ditubuhkan oleh peserta program.

ii) Sesi Penerangan

Kementerian akan memberi penerangan kepada pegawai Jabatan Pelajaran Negeri, Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, pegawai Perbadanan serta syarikat subsidiari Perbadanan dan seterusnya pengetua dan guru.

iii) Pemilihan Sekolah

Pemilihan sekolah akan dibuat oleh Sekretariat daripada Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Menengah Teknik, Maktab Rendah Sains MARA dan Institut Perdagangan MARA. Pemilihan adalah berdasarkan kepada penglibatan sekolah yang pernah menyertai program dan sekolah yang mempunyai bilangan majoriti pelajar Bumiputera.

iv) Pemilihan Guru Pengelola/Peserta

Pemilihan guru pengelola dibuat oleh pengetua iaitu seramai 2 orang guru bagi setiap sekolah. Guru yang dipilih akan diberi latihan. Tugas guru pengelola ialah untuk menghadiri perjumpaan mingguan serta membimbing pelajar yang menganggotai syarikat. Guru pengelola juga akan membuat pemilihan pelajar berdasarkan faktor seperti minat pelajar, jurusan, tingkatan di sekolah dan prestasi akademik. Pelajar dari tingkatan 2 dan 4 adalah diberi keutamaan.

v) Penasihat Program Usahawan Muda

Program Usahawan Muda mempunyai penasihat yang terdiri daripada pegawai Perbadanan. Tugas utama pegawai penasihat ialah untuk memastikan perjalanan syarikat mengikut tatacara perniagaan yang betul.

vi) Penubuhan Syarikat Program Usahawan Muda

Sekolah yang dipilih akan menubuhkan syarikat, menjalankan perniagaan dan akhirnya membubarkan syarikat. Jangka masa pelaksanaan Program Usahawan Muda ialah selama 9 bulan.

vii) Penganugerahan

Penganugerahan akan dibuat pada setiap akhir tahun bagi memberi pengiktirafan kepada syarikat yang berjaya. Penganugerahan ini dibuat melalui Mini Konvensyen di peringkat negeri dan Konvensyen Nasional di peringkat Kebangsaan. Konvensyen ini bertujuan untuk memilih usahawan yang berpotensi dan memberi pengiktirafan sebagai satu dorongan untuk terus maju.

viii) Bimbingan dan Latihan

Kursus khas akan dikelolakan oleh agensi pendokong program untuk membekalkan kemahiran asas kepada bakal usahawan. Selain itu bimbingan dan kaunseling juga akan dikendalikan oleh Penasihat program untuk usahawan muda yang menghadapi masalah pengendalian perniagaan dari semasa ke semasa.

b) Program Usahawan Belia/Wanita

Perbadanan akan melaksanakan program *Hygenic Vendor Cart Business System* iaitu perniagaan melalui penggunaan kereta tolak. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM5 juta pada tempoh RMK-8 kepada Perbadanan bagi tujuan melaksanakan program tersebut. Peruntukan ini akan disalurkan kepada Tabung Pembangunan Usahawan Belia/Wanita Negeri Perak (Tabung) Perbadanan dan diuruskan oleh Perbadanan bagi membiayai usahawan belia Bumiputera. Melalui program ini pelajar yang pernah mengikuti program usahawan muda akan diserapkan ke Program Usahawan Belia/Wanita. Mereka akan diberi bimbingan dan latihan sebagai galakan menceburi bidang perniagaan dan pengilangan. Di bawah Program Usahawan Belia/Wanita, Perbadanan merancang projek *Sole Proprietor Business* melalui *Hygenic Vendor Cart Business System*. Konsep *Hygenic Vendor Cart Business System* adalah satu jaringan perniagaan daripada peruncit, pembekal, pengedar dan pembiaya yang membentuk satu pakej perniagaan yang bermanfaat kepada semua pihak. Ia terbahagi kepada 3 pakej seperti berikut:

i) Pakej Kereta Tolak (*Cart Business Outlet System*)

Perbadanan merancang untuk melahirkan golongan peniaga kereta tolak yang akan memulakan perniagaan secara individu dalam bidang peruncitan. *Hygenic*

Vendor Cart Business System menawarkan 13 bidang peruncitan meliputi makanan segera, makanan siap, makanan masak, minuman, snek, aksesori dan hiasan, barangan kraf tangan, perkhidmatan kunci, kasut, bunga dan seramik, majalah dan akhbar, cakera padat dan video cakera padat serta pakaian batik. *Hygenic Vendor Cart Business System* menawarkan pakej pembiayaan perniagaan kepada belia/wanita sejumlah RM5,000. Butiran pakej pembiayaan perniagaan adalah seperti berikut:

- satu set *hygenic push/mobile cart Model ACTIVE 2001/2002*, dua buah *stool bar, elevated chair*;
- dua pasang baju, apron dan topi *Hygenic Vendor Cart Business System*;
- bayaran permit bagi tahun pertama;
- latihan orientasi;
- tujuh peralatan aksesori; dan
- pembelian stok mengikut jenis perniagaan.

Syarat kelayakan di awal perancangan bagi pakej pembiayaan *Hygenic Vendor Cart Business System* adalah seperti berikut:

- memenuhi semua keperluan semasa ditemu duga;
- diperakukan oleh Lembaga Tabung;
- mengemukakan penjamin pinjaman daripada saudara terdekat;
- menandatangani dokumen perjanjian pakej dengan agensi berkaitan; dan
- menandatangani dokumen perjanjian dan jaminan pembiayaan.

ii) Pakej Pembekal *Vendor Cart Business System*

Perbadanan merancang melahirkan usahawan yang bertindak sebagai Pembekal *Vendor Cart Business System* akan membentuk, mengeluarkan dan membekal bahan mentah dan lain-lain keperluan fizikal *Vendor Cart Business System* kepada vendor.

iii) Pakej *Locational Vendor Cart Business System*

Locational Vendor adalah usahawan yang akan menjadi *anchor* di mana akan menyediakan ruang niaga mengikut susun atur dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. *Locational Vendor* bertanggungjawab menyenggara kawasan ruang niaga mengikut standard yang ditetapkan dan menguruskan usaha promosi di kawasan premis ruang niaga di bawah pengurusannya. Pemohon dikehendaki mendapatkan hak lokasi penempatan kereta tolak daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk tempoh sekurang-

kurangnya 5 tahun. Keutamaan akan diberi kepada lokasi yang menjadi tumpuan para pengunjung secara berterusan, berkeupayaan menempatkan 20 unit kereta tolak, susun atur yang membolehkan acara dan pengiklanan diadakan dan berupaya membendung vandalisme. Pakej *Locational Vendor Cart Business System* menawarkan 2 pakej pembiayaan iaitu pakej A yang bernilai RM5,000 dan pakej B yang bernilai RM105,000. Butiran pakej adalah seperti berikut:

- pembekalan 20 set kereta tolak *Model ACTIVE 2001/2002* dan setiap satu dibekalkan 2 kerusi pelanggan, satu kerusi operator, dua pasang baju, apron dan topi *Vendor Cart Business System* ;
- modal pembangunan lokasi;
- bayaran permit bagi tahun pertama; dan
- latihan dan orientasi.

Syarat kelayakan di awal perancangan bagi pakej pembiayaan pakej *Locational Vendor Cart Business System* adalah seperti berikut:

- i) memenuhi semua keperluan semasa penilaian *due diligence* oleh Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd.;
- ii) diperakukan oleh Lembaga Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera Perbadanan;
- iii) mengemukakan penjamin pinjaman daripada saudara terdekat;
- iv) menandatangani dokumen perjanjian pakej dengan Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd.;
- v) menyediakan deposit yang mencukupi dan aku janji kepada Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. bagi mematuhi syarat yang ditetapkan;
- vi) lokasi yang layak dipertimbangkan iaitu tumpuan para pengunjung, berkeupayaan menempatkan 20 unit kereta tolak dan susun atur yang membolehkan acara serta pengiklanan dijalankan; dan
- vii) peserta berpotensi menjadi *locational vendor* seperti Majlis Daerah yang mempunyai kawasan lapang, pengusaha bas terminal, pemilik tanah berhampiran kawasan rekreasi, pemaju perumahan dan pemilik premis tetap.

Melalui Resolusi Lembaga Pemilihan Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera Perbadanan, Program *Hygenic Vendor Cart Business System* akan dilaksanakan melalui Syarikat Pelaksana yang dilantik iaitu syarikat usaha sama antara Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. (60%), Dewan Perniagaan Melayu Perak (20%) dan PCB Com. Sdn. Bhd. (20%).

c) Program Usahawan Teknikal

i) Pelan Pembangunan Industri Kecil Sederhana

Bagi merealisasikan pembangunan Industri Kecil Sederhana (IKS) di Negeri Perak, Perbadanan telah merancang pelan pembangunan IKS yang meliputi matlamat seperti berikut:

- menggalakkan dan membantu pembangunan IKS melalui pembangunan tapak IKS yang bersepadu;
- menggalakkan dan membantu peningkatan dan perpindahan teknologi;
- melaksanakan program pembangunan usahawan Bumiputera khususnya ke arah mewujudkan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera; dan
- memainkan peranan dalam mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi rakyat serta pengagihan pendapatan yang saksama.

ii) Cadangan Pembangunan Program

Program ini akan dilaksanakan melalui penyediaan modal oleh Perbadanan kepada usahawan. Segala keperluan perniagaan dari segi pasaran, keperluan fizikal diuruskan oleh Perbadanan sebelum dipindahkan kepada usahawan yang dikenal pasti. Di bawah program ini Perbadanan akan membangunkan sebuah kawasan IKS sejajar dengan matlamat pembangunan negeri Perak. Seluas 11.46 hektar tanah telah diluluskan untuk pembangunan IKS Bersepadu di Kampung Acheh dalam daerah Manjung. Sejalan dengan peluang pembangunan ini, Perbadanan berhasrat untuk melahirkan golongan usahawan selari dengan peranannya untuk merealisasikan penggalakan pembangunan usahawan di negeri Perak ke arah membangunkan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera. Cadangan pembangunan Skim IKS Bersepadu di Kampung Acheh ini meliputi 3 jenis pembangunan iaitu pembangunan perindustrian, pembangunan perniagaan dan pembangunan kemudahan awam/utiliti. **Jadual 15** berikut menunjukkan komponen pembangunan yang dirancang bagi menempatkan usahawan di bidang teknikal.

Jadual 15
Cadangan Pembangunan Skim IKS Bersepadu Di Kampung
Acheh, Manjung Bagi Tempoh RMK-8

Jenis Pembangunan	Komponen Pembangunan	Bilangan Unit
Perindustrian	Lot Industri Teres	67
	Lot Industri Berkembar	38
	Lot Industri Sesebuah	14
	Kemajuan Akan Datang	1
Perniagaan	Kompleks Gerai	1
Kemudahan Awam/Utiliti	Asrama Pekerja	1
	Pusat Guna sama	1
	Pencawang Elektrik	2
	Loji Rawatan Kumbahan	1
	Kawasan Lapang/Zon Pemisah	4

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

15.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur pengurusan yang jelas dan kakitangan yang mencukupi merupakan faktor yang boleh menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan pengurusan program pembangunan usahawan. Struktur organisasi Perbadanan yang terlibat dengan pengurusan 3 program pembangunan usahawan ini terdiri daripada 3 Bahagian iaitu Bahagian Perancang Dan Hal Ehwal Korporat, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Bahagian Hal Ehwal Tanah Dan Pembangunan Estet Perindustrian. Bahagian Perancang Dan Hal Ehwal Korporat bertanggungjawab untuk menyelaras, merangka dasar dan konsep sesuatu program meliputi peringkat awal, strategi pelaksanaan dan kaedah pembiayaan. Bahagian Pembangunan Usahawan pula bertanggungjawab melaksanakan program yang dirancang dan memantau setiap program pembangunan usahawan yang akan dilaksanakan. Bahagian Hal Ehwal Tanah Dan Pembangunan Estet Perindustrian dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program pembangunan hartanah untuk menempatkan usahawan IKS. Perjawatan yang diluluskan bagi 3 Bahagian yang terlibat adalah 63 perjawatan. Pada bulan Jun 2005 Perbadanan telah merancang penstrukturan semula perjawatan yang melibatkan pertambahan sebanyak 3 jawatan baru dan pemansuhan 3 jawatan sedia ada.

Dari aspek latihan, pelbagai jenis kursus, seminar dan bengkel dirancang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan. Pada tahun 2005, sebanyak 5 kursus dirancang oleh Perbadanan berkaitan pentadbiran, kemahiran, kepimpinan dan produktiviti.

15.1.9 Keperluan Kewangan

Semasa RMK-8 Perbadanan memohon keperluan kewangan berjumlah RM20.25 juta bagi melaksanakan setiap satu projek di bawah Program Usahawan Muda, Belia/Wanita dan Teknikal. Sumber kewangan bagi melaksanakan projek tersebut akan dimohon dalam bentuk pemberian geran dan pinjaman daripada Kementerian. Butiran keperluan kewangan yang dimohon adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Keperluan Kewangan

Bil.	Program Pembangunan Usahawan	Jenis Projek	Anggaran Kos (RM Juta)	Permohonan Peruntukan (RM Juta)
1.	Program Usahawan Muda	Perniagaan Koperasi/Syarikat Sekolah	0.25	0.25
2.	Program Usahawan Belia/Wanita	<i>Hygenic Vendor Cart Business System</i>	15.92	10.00
3.	Program Usahawan Teknikal	IKS Bersepadu Kampung Aceh, Manjung	10.00	10.00
Jumlah			26.17	20.25

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

15.1.10 Penyelenggaraan Rekod

Penyelenggaraan rekod yang baik dan sempurna memberi kesan kepada pengurusan Program Pembangunan Usahawan di Perbadanan. Rekod yang perlu diselenggarakan bagi pengurusan Program Pembangunan Usahawan adalah seperti Daftar Harta Modal, Fail Program, Daftar Sewa, Daftar Inventori dan Daftar Deposit. Selain itu pangkalan data yang lengkap dengan maklumat usahawan juga perlu dibangunkan seperti yang dirancang. Setiap daftar dan rekod mengenai program perlu di selenggara dengan kemas kini dan lengkap bagi memudahkan rujukan dan semakan oleh pihak pengurusan.

15.1.11 Kaedah Pemantauan

Kaedah pemantauan yang teratur dan berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan teratur dan memuaskan. Jawatankuasa yang ditubuhkan boleh bertindak sebagai pemantau dalam setiap program/aktiviti yang dirancang. Program Pembangunan Usahawan adalah satu program yang melibatkan peranan daripada pelbagai pihak. Sehubungan itu, pemantauan yang akan diwujudkan terbahagi kepada 3 peringkat iaitu:

a) Peringkat Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (Kementerian) akan bertindak sebagai pemantau khusus kepada program yang mendapat pembiayaan daripada Kementerian. Tiga Program yang dipilih iaitu Program Usahawan Muda, Belia/Wanita dan Teknikal menerima peruntukan daripada Kementerian. Kementerian akan menetapkan bentuk pemantauan dan laporan yang perlu dikemukakan oleh Perbadanan mengikut tempoh yang ditetapkan. Perbadanan dikehendaki mengemukakan Laporan Status Pelaksanaan Projek RMK-8 kepada Kementerian. Selain itu, mesyuarat dari semasa ke semasa juga diadakan oleh pihak Kementerian dengan menjemput wakil Perbadanan untuk membentangkan laporan.

b) Peringkat Perbadanan

Perbadanan akan membuat pemantauan bagi setiap program melalui mesyuarat Pengurusan Perbadanan.

c) Peringkat Syarikat Pelaksana

Pemantauan di peringkat Syarikat Pelaksana pula akan dibuat melalui Lembaga Pengurusan Syarikat sekiranya Syarikat Pelaksana terlibat dengan pengurusan program tersebut. Wakil Perbadanan akan dilantik menganggotai Lembaga tersebut. Ini bagi memastikan setiap keputusan dan masalah yang dibincangkan Lembaga dipantau oleh Perbadanan.

Pada pandangan Audit secara keseluruhannya aspek perancangan bagi Program Pembangunan Usahawan yang dibuat oleh Perbadanan adalah memuaskan.

15.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan hendaklah berdasarkan kepada perancangan yang telah ditetapkan. Aspek pelaksanaan program dan projek yang dipilih adalah seperti berikut:

15.2.1 Strategi Perbadanan Ke Arah Membangunkan Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera

Perbadanan telah melaksanakan Program Pembangunan Usahawan berdasarkan kepada strategi yang dirancang. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menggariskan dengan sistematik pelan tindakan bagi melaksanakan setiap strategi berkenaan. Strategi pelaksanaan direalisasikan melalui program pembangunan

usahawan yang dilaksanakan. Kegagalan Perbadanan menggariskan pelan tindakan mengikut strategi yang dirangka menyukarkan pemantauan yang berkesan serta penilaian terhadap program yang dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pelan tindakan dilaksanakan oleh perbadanan adalah kurang memuaskan.

15.2.2 Sasaran Program

Perbadanan telah menetapkan sasaran dalam Program Pembangunan Usahawan berdasarkan 3 program yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap 3 program tersebut mendapati perkara berikut:

a) Program Usahawan Muda

Perbadanan telah mensasarkan 360 buah sekolah menyertai program ini bagi tempoh RMK-8. Secara purata sebanyak 72 buah sekolah perlu menyertai program ini setiap tahun sepanjang tempoh RMK-8. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2004 hanya sebanyak 132 penyertaan daripada sekolah di Negeri Perak dalam Program Usahawan Muda yang melibatkan 2,482 orang pelajar dan 164 orang guru. Butiran bilangan sekolah yang menyertai program ini adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Bilangan Sekolah Yang Menyertai Program
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2004

Tahun	Bilangan Sekolah	Peratus Berbanding Sasaran Perbadanan (%)
2001	30	41.7
2002	32	37.5
2003	34	31.9
2004	36	38.9
Jumlah	132	36.7

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Analisis Audit mendapati hanya 30 hingga 36 buah sekolah menyertai program berbanding purata sasaran sebanyak 72 buah sekolah atau pencapaian 31.9% hingga 41.7% penyertaan sekolah pada setiap tahun. Hasil temu bual yang dijalankan dengan pegawai Perbadanan mendapati punca kurangnya minat penyertaan sekolah adalah disebabkan faktor persaingan dengan koperasi sekolah

sedia ada serta keperluan guru pengelola untuk memberikan komitmen berterusan sepanjang tempoh program ini sukar diperolehi.

b) Program Usahawan Belia/Wanita

Bagi tempoh RMK-8 hanya 1 daripada 3 pakej Projek *Hygenic Vendor Cart Business System* telah dilaksanakan iaitu pakej *Locational Vendor Cart Business System*. Perbadanan telah menetapkan syarat kelayakan peserta di bawah pakej *Locational Vendor Cart Business System* terdiri daripada peserta seperti Majlis Daerah, pengusaha terminal bas, pemilik tanah yang mempunyai kawasan rekreasi, memiliki kawasan lapang dan mempunyai premis yang tetap. Semakan Audit mendapati pemilihan peserta *Locational Vendor Cart Business System* tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Sebanyak 3 buah syarikat iaitu Beta Waja Sdn. Bhd., WNSA Enterprise dan Koperasi Khidmat Wanita Kuala Kangsar telah dipilih menjadi peserta di bawah pakej *Locational Vendor Cart Business System*. Syarikat ini telah ditempatkan di 4 lokasi iaitu Syarikat Silveritage Galleria di Medan Gopeng, Taman Seramik di Chemor, Kampung Sayong Tengah di Kuala Kangsar dan di Kampung Baru Jelapang.

Perbadanan telah menetapkan sasaran untuk menghasilkan sejumlah 400 orang usahawan di bawah Projek *Hygenic Vendor Cart Business System* yang terdiri daripada pelajar lepasan sekolah dan Institut Latihan dan Kemahiran. Semakan Audit mendapati bilangan kereta tolak yang dimiliki oleh kesemua syarikat adalah sebanyak 40 kereta tolak. Pencapaian kurang memberangsangkan ini antara lain adalah disebabkan strategi pemasaran yang kurang berkesan dan tiada kesinambungan dari program usahawan muda. Pihak Audit mendapati Perbadanan hanya membuat promosi melalui persatuan perniagaan/usahawan Bumiputera, sesi ceramah dan penerangan di majlis yang dihadiri usahawan Bumiputera, usahawan *Locational Vendor Cart Business System* sendiri dan pertanyaan melalui telefon. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti menunjukkan 40 operator *Locational Vendor Cart Business System* merupakan bekas peserta dari program usahawan muda ini. Perkara ini berlaku akibat Perbadanan tidak mempunyai pangkalan data bagi pelajar yang pernah terlibat dengan Program Usahawan Muda. Ketiadaan maklumat penting ini menjadikan pakej *Locational Vendor Cart Business System* sebagai kesinambungan program Usahawan Muda tidak mencapai matlamatnya.

c) Program Usahawan Teknikal

i) IKS Bersepadu Kampung Aceh, Manjung

Melalui Skim ini Perbadanan telah menetapkan untuk membangunkan 48 unit kilang IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjung semasa RMK-8 melalui pembangunan Fasa 1. Semakan Audit terhadap IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjung mendapati sebanyak 48 unit kilang dari jenis berkembar dan teres telah dibina. Pembinaannya telah siap pada tahun 2003 tetapi Sijil Layak Menduduki masih belum diperolehi. Adalah didapati sebanyak 3 syarikat telah menyatakan persetujuan untuk membeli 10 unit kilang dan 1 lot tanah di kawasan tersebut. Kesemua syarikat tersebut merupakan usahawan yang telah mempunyai asas perniagaan. Lawatan Audit ke tapak bina mendapati kerja pengubahsuaian telah dibuat terhadap 3 unit bangunan yang telah dijual walaupun Sijil Layak Menduduki masih belum dikeluarkan. Tindakan membuat pengubahsuaian sebelum Sijil Layak Menduduki diperolehi adalah bercanggah dengan undang-undang. Sehingga tarikh pengauditan, baki sebanyak 38 unit kilang bernilai RM5.38 juta masih belum dijual.

Pada pandangan Audit, pencapaian sasaran Program Usahawan yang dijalankan Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana gagal mencapai sasaran yang ditetapkan.

15.2.3 Kaedah Pelaksanaan

Bagi memastikan Program Pembangunan Usahawan mencapai matlamat dan sasaran untuk menghasilkan pelbagai peringkat usahawan meliputi golongan muda, belia/wanita dan teknikal, Perbadanan telah melaksanakan beberapa kaedah tertentu mengikut jenis projek yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:

a) Program Usahawan Muda

i) Struktur Pelaksanaan

Perbadanan berperanan sebagai salah satu anggota Sekretariat Program Usahawan Muda. Pejabat Sekretariat ditempatkan di Perbadanan dan tugas utama sekretariat ini adalah seperti berikut:

- mengenal pasti dan melantik penasihat untuk membantu pelajar dan guru pengelola program ini dalam pengurusan syarikat mengikut tatacara perniagaan sebenar;
- bertindak sebagai penyelaras Program Usahawan Muda di peringkat negeri; dan

- mengadakan satu pangkalan data peserta bagi program ini.

Semakan Audit mendapati Perbadanan telah melaksanakan tugas sebagai sekretariat dengan memuaskan. Bagaimanapun, pangkalan data yang mengandungi maklumat berkaitan Program Usahawan Muda di Negeri Perak masih belum lagi diwujudkan oleh Perbadanan walaupun program ini telah lama diperkenalkan semenjak tahun 1996. Ini menyebabkan pelajar yang berjaya melalui program ini tidak dapat dikesan untuk ditawarkan ke program usahawan yang lain.

ii) Pemilihan Sekolah

Sepanjang tempoh RMK-8 Perbadanan telah memilih 132 penyertaan daripada sekolah menengah untuk menyertai Program Usahawan Muda berbanding bilangan sasaran sebanyak 360 penyertaan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 sebanyak 34 sekolah telah menyertai program ini berbanding 202 sekolah yang terdapat di negeri Perak. Pada tahun 2004, daripada 25 sekolah yang menyertai program 23 sekolah merupakan sekolah yang telah menyertai program pada tahun sebelumnya. Semakan terhadap kekerapan penyertaan sekolah dalam Program Usahawan Muda mendapati perkara berikut:

- Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004, daripada 34 sekolah yang telah menyertai program, empat belas sekolah didapati telah menyertai program 3 tahun berturut-turut, manakala 14 sekolah lagi telah menyertai program ini sebanyak 2 kali. Ini menunjukkan pemilihan sekolah untuk menyertai program lebih tertumpu kepada sekolah yang berpengalaman mengendalikan program.
- Penyertaan sekolah di Daerah Larut Matang Dan Selama serta Daerah Kinta mencatatkan jumlah penyertaan yang rendah iaitu 7.7% dan 10.3% berbanding bilangan sekolah yang terdapat di daerah tersebut. Butiran penyertaan sekolah mengikut daerah bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Bilangan Sekolah Mengikut Daerah Yang Menyertai
Program Usahawan Muda

Daerah	Bilangan Sekolah	Penyertaan Sekolah	Peratus Penyertaan (%)
Kuala Kangsar	16	3	18.8
Hilir Perak	21	4	19.0
Larut Matang Dan Selama	26	2	7.7
Manjung	18	5	27.8
Kinta	58	6	10.3
Batang Padang	20	4	20.0
Kerian	17	4	23.5
Perak Tengah	14	4	28.6
Hulu Perak	12	2	16.7
Jumlah	202	33	16.3

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

iii) Pemilihan Guru Pengelola dan Peserta Program

Guru pengelola dipilih oleh pengetua. Setiap sekolah memilih 2 guru pengelola dan telah diberi latihan cara membimbing syarikat Program Usahawan Muda. Tugas utama guru pengelola ialah membimbing ahli syarikat termasuk menghadiri perjumpaan mingguan dan memastikan operasi syarikat berjalan lancar. Mereka telah membuat pemilihan pelajar untuk menyertai program ini. Pelajar yang dipilih telah bertindak sebagai Pengurus, Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham dalam syarikat sekolah. Semakan Audit mendapati pemilihan guru pengelola dan pelajar adalah menepati sasaran yang ditetapkan.

iv) Penasihat Program

Pegawai Perbadanan dan syarikat subsidiari Perbadanan, pegawai dari syarikat swasta, usahawan dan individu telah bertindak sebagai penasihat dengan memastikan ahli program mengamalkan tatacara perniagaan yang betul dan menjadi *role model* kepada Syarikat Usahawan Muda. Semakan Audit mendapati penasihat program telah memainkan peranannya dengan memberi khidmat nasihat kepada syarikat sekolah yang mengalami masalah dan menganjurkan kursus serta latihan yang bersesuaian.

v) Penganugerahan

Semakan Audit mendapati penganugerahan telah dibuat oleh Perbadanan dengan memilih syarikat sekolah yang berjaya. Penganugerahan telah diberi dalam majlis konvensyen yang diadakan pada setiap tahun. Syarikat sekolah yang terbaik di peringkat negeri telah dipilih bertanding di peringkat kebangsaan. Konvensyen tahunan di peringkat negeri dan kebangsaan yang diadakan juga berperanan sebagai satu usaha promosi untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat terutamanya pelajar sekolah. Pencapaian sekolah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Pencapaian Sekolah Bagi Tahun 2001 hingga 2005

Tahun	Konvensyen Peringkat Negeri	Konvensyen Peringkat Nasional
2001	1. SMKA Sultan Azlan Shah Bota 2. SMK Khir Johari Tanjung Malim 3. SMA Bidor, Daerah Batang Padang	Tempat ketiga persembahan terbaik - -
2002	1. SMKA Sultan Azlan Shah Bota 2. SMK Dato Abdul Rahman Yaakub Bota 3. SMK Sayung, Kuala Kangsar	Tiada kemenangan bagi tahun 2002 di peringkat Nasional.
2003	1. SMKA Sultan Azlan Shah Bota 2. Kolej Melayu Kuala Kangsar 3. SMKA Slim River	Tempat ketiga syarikat terbaik - -
2004	1. SMKA Sultan Azlan Shah Bota 2. Sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh 3. SMKA Slim River	Tiada kemenangan bagi tahun 2004 di peringkat kebangsaan.
2005	1. SMKA Sultan Azlan Shah Bota 2. SMKA Slim River 3. SMK Dato Abdul Rahman Yaakub Bota	Tempat pertama syarikat terbaik - -

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

vi) Bimbingan Dan Latihan

Perbadanan telah menjalankan pelbagai program bimbingan dan latihan dalam bentuk kursus, taklimat dan bengkel bagi semua yang terlibat dalam pelaksanaan Program ini. Selain itu perjumpaan secara berkala antara penasihat dengan peserta program dan konvensyen tahunan juga telah diadakan. Pelajar ini juga telah didedahkan dengan pelbagai kursus dan bengkel seperti *training for trainers* dan kem bimbingan usahawan. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh RMK-8 sebanyak 22 sesi aktiviti telah dilaksanakan oleh Perbadanan secara berperingkat meliputi kursus, bengkel, konvensyen dan kem keusahawanan bagi semua sekolah yang menyertai

program ini melibatkan kos sejumlah RM386,234. Senarai program latihan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20

Program Latihan Bagi Program Usahawan Muda Sepanjang Tempoh RMK-8

Bil.	Latihan	2001 (Hari)	2002 (Hari)	2003 (Hari)	2004 (Hari)	2005 (Hari)
1.	Kursus Ahli Lembaga Pengarah PUM	3	3	3	-	-
2.	Kem Keusahawanan	-	-	4	3	-
3.	<i>Training For Trainers</i> - Guru Pengelola dan Penasihat	3	3	-	3	-
4.	Kurus Pengeluaran dan Pengurusan Operasi	-	2	-	-	-
5.	Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan, Multimedia dan Pengucapan Awam	-	3	-	1	-
6.	Bengkel Pengenalan dan Peluang Niaga	-	-	-	-	3
7.	Mini Konvensyen Peringkat Negeri Perak	1	3	5	3	3
8.	Konvensyen Peringkat Nasional	4	4	4	4	4

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

vii) Panduan Pengurusan Perniagaan

Syarikat Usahawan Muda sekolah ditubuhkan dan diuruskan oleh sekumpulan pelajar berlandaskan panduan perniagaan yang diberi oleh penasihat. Buku Keusahawanan berkaitan pendekatan amali telah digunakan sebagai panduan dan penerangan dalam menghuraikan secara ringkas langkah yang perlu diambil oleh seseorang yang ingin menjadi usahawan. Bagaimanapun Buku tersebut tidak dikemukakan kepada pihak Audit sehingga akhir tarikh pengauditan.

viii) Laporan Tahunan

Setiap sekolah yang menyertai program ini perlu menyerahkan penilaian dan laporan tahunan kepada urus setia selepas tempoh penutupan akaun. Tujuan laporan adalah untuk menilai keberkesanan program serta mengenal pasti masalah yang timbul untuk dikaji dan diambil tindakan sewajarnya. Pihak Audit tidak dapat memastikan bilangan laporan yang dikemukakan kepada Perbadanan kerana laporan tersebut tidak dikemukakan kepada pihak Audit sehingga tarikh pengauditan selesai. Kegagalan Perbadanan untuk mengemukakan laporan tersebut menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengenal pasti kejayaan atau

punca kegagalan sekolah yang menyertainya. Selain itu, penilaian terhadap keberkesanan program juga tidak dapat diukur.

Pada pendapat Audit, kecuali bagi pemilihan sekolah, kaedah pelaksanaan Program Usahawan Muda telah dilaksanakan oleh Perbadanan dengan memuaskan. Bagaimanapun, kejayaan program ini tidak dapat dinilai akibat Perbadanan gagal mengemukakan Laporan Tahunan untuk diaudit.

b) Program Usahawan Belia/Wanita

Projek *Hygenic Vendor Cart Business System* terbahagi kepada 3 pakej iaitu *Cart Business Outlet System* khusus untuk peniaga persendirian; pembekal *Vendor Cart Business System* yang membekalkan bahan mentah dan bekalan bahan perniagaan kepada peniaga dan *Locational Vendor Cart Business System* khusus untuk perniagaan setempat bagi sekumpulan peniaga di bawah satu vendor. Bagaimanapun hanya satu pakej berjaya dilaksanakan iaitu *Locational Vendor Cart Business System*. Perbadanan telah melantik Syarikat *Silver Active Management Sdn. Bhd.* untuk memantau pengurusan pakej tersebut. Adalah didapati Syarikat *Silver Active Management Sdn. Bhd.* gagal beroperasi dan tanggungjawab memantau pengurusan pakej *Locational Vendor Cart Business System* diambil alih oleh Syarikat *Aspect Active Sdn. Bhd.*. Bagi melaksanakan pakej *Locational Vendor Cart Business System* sebanyak 2 syarikat dan sebuah koperasi telah dipilih sebagai *Locational Vendor* iaitu Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd. yang bertempat di Silveritage Galleria, Medan Gopeng Ipoh dan Taman Seramik, Chemor; WNSA Enterprise yang beroperasi di Kampung Baru, Jelapang dan Koperasi Khidmat Wanita Kuala Kangsar (KEKWA) yang menjalankan perniagaan di Kampung Sayong Tengah, Kuala Kangsar. Hasil semakan Audit terhadap rekod dan lawatan ke tapak lokasi pada bulan Julai 2005 mendapati perkara berikut:

i) Pemilihan *Locational Vendor*

Perbadanan telah menetapkan kriteria pemilihan *Locational Vendor* iaitu *Locational Vendor* perlu mempunyai kawasan lapang atau berhampiran kawasan rekreasi, pemaju perumahan atau pengusaha terminal bas dan mempunyai premis yang tetap. Pemilihan *Locational Vendor Cart Business System* adalah melalui Lembaga Pemilihan Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera Perbadanan. Semakan Audit mendapati pemilihan 2 *Locational Vendor* iaitu Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd. dan WNSA Enterprise adalah menepati kriteria yang ditetapkan manakala pemilihan Koperasi KEKWA tidak bersesuaian kerana tidak mempunyai kawasan lapang untuk menempatkan kereta tolak dan bukan

merupakan tumpuan para pengunjung. Selanjutnya, pemilihan dan penawaran operator kereta tolak adalah dibuat di bawah pengurusan setiap *Locational Vendor* berkenaan. Semakan Audit mendapati tiada pemantauan dibuat terhadap pemilihan operator yang menyertai perniagaan kereta tolak oleh Perbadanan bagi tujuan untuk memastikan kriteria ditetapkan untuk pemilihan telah dipatuhi.

ii) Lokasi Tapak *Locational Vendor*

• **Lokasi di Taman Seramik Fasa I Chemor**

Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd. telah membangunkan tapak perniagaan milik Perbadanan di Taman Seramik, Chemor pada tahun 2003 melibatkan seramai 20 operator kereta tolak di bawah pengurusannya. Sejumlah RM50,000 telah dikeluarkan daripada Tabung melalui kelulusan Lembaga Pemilihan Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera Perbadanan pada tahun 2003. Dana ini bertujuan bagi pembersihan tapak, pemasangan kanopi, bekalan elektrik dan air serta pemasangan longkang. Lawatan Audit pada bulan Julai 2005 ke Taman Seramik Fasa 1, Chemor mendapati kawasan tersebut terbiar dan tidak diuruskan dengan sempurna. Terdapat 3 kereta tolak yang masih berkeadaan baik manakala satu kereta tolak didapati rosak. Kedudukan baki 16 kereta tolak tidak dapat disahkan kerana tiada bukti menunjukkan ianya telah dipulangkan kepada Perbadanan. Di samping itu, keselamatan terhadap barangan mudah alih yang ditempatkan di kawasan tersebut adalah diragui kerana kawasan tidak berpagar dan tiada pengawal keselamatan. Pihak Audit juga tidak pasti sama ada perniagaan yang dijalankan adalah di bawah pakej *Locational Vendor Cart Business System* kerana tiada sebarang bukti menunjukkan bahawa surat penawaran dan surat perjanjian pembiayaan telah ditandatangani oleh 20 operator di kawasan ini bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Keadaan kawasan tapak semasa lawatan Audit adalah seperti di **Foto 20.**

Foto 20
Kawasan Persekitaran Taman Seramik Fasa 1 Chemor
Tidak Terurus



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 26 Julai 2005

Lokasi : Taman Seramik Fasa 1, Chemor

- **Lokasi di Dataran Silveritage Galleria**

Cadangan perniagaan berkonsep *Locational Vendor* di *Greentown Walk* untuk menempatkan penjaja di Terminal Bas, Medan Kid telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pemilihan Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera Perbadanan pada tahun 2003. Bagaimanapun, projek tersebut tidak dapat dilaksanakan dan telah digantikan dengan projek *Silver Square* bertempat di Dataran Silveritage Galleria. Konsep perniagaan adalah berbentuk persembahan kebudayaan, tayangan astro, penyajian dan penjualan makanan dan minuman. Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. telah melantik Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd. pada tahun 2004 untuk menguruskan 30 operator di Dataran Silveritage. Sejumlah RM58,000 dari peruntukan Tabung telah dikeluarkan sebagai pinjaman untuk membeli peralatan seperti projektor, set astro, set karaoke, kerusi, meja, kanopi dan payung. Bagaimanapun, Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd. telah ditamatkan penyertaan sebagai *Locational Vendor* pada akhir tahun 2004 dan pengurusannya diambil alih sendiri oleh Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. Lawatan Audit ke perkarangan *Silver Square* mendapati projek perniagaan tersebut tidak beroperasi lagi. Selain itu, didapati hanya 11 operator kereta tolak yang berniaga di perkarangan Silveritage Galleria di lokasi yang berbeza.

Semakan Audit seterusnya mendapati 56 kereta tolak model pertama dan kedua berada di perkarangan Silveritage Galleria yang telah tidak beroperasi lagi seperti di **Foto 21**.

Foto 21
Kereta Tolak Jenama AA Di Perkarangan Silveritage Galleria
Yang Tidak Digunakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 14 Julai 2005

Lokasi : Dataran Silveritage Galleria

- **Lokasi di Kuala Kangsar**

Koperasi KEKWA telah menggunakan kawasan perkarangan rumah koperasi sebagai tapak perniagaan. Sejumlah RM3,140 telah dikeluarkan daripada peruntukkan Tabung bagi membiayai perbelanjaan penyediaan tapak lokasi. Lawatan Audit ke kawasan tapak lokasi mendapati hanya 4 kereta tolak model pertama berada di bahu jalan di hadapan rumah Koperasi dan 6 kereta tolak diletak di sekitar kawasan pekan Kuala Kangsar kerana kekurangan ruang perniagaan dan juga faktor permintaan. Melalui temu bual yang dijalankan bersama wakil Koperasi, pihak Audit mendapati operator kereta tolak sering bertukar kerana berniaga kurang daripada 20 hari sebulan. Daftar kutipan sewa dan surat perjanjian daripada Koperasi kepada peniaga tidak disenggarakan.

- **Lokasi di Kampung Baru Jelapang**

WNSA Enterprise telah membangunkan kawasan Lot 62858 di Kampung Baru Jelapang pada tahun 2004 dengan perniagaan Medan Selera pelbagai

makanan seperti Ala Thai, Melayu, Cina dan Barat. Seramai 10 operator kereta tolak terlibat dengan kos pengurusan sejumlah RM10,000. Bagaimanapun, Syarikat WNSA Enterprise telah berhenti beroperasi pada awal tahun 2005 dan telah menyerahkan kembali 10 kereta tolak kepada Perbadanan.

iii) Syarat Perjanjian Dan Kaedah Pembayaran

Kertas kerja cadangan pembangunan Program Pembangunan Usahawan Belia telah disediakan oleh Perbadanan untuk permohonan peruntukan RMK-8. Semakan Audit mendapati kertas kerja yang dikemukakan tidak menetapkan dengan jelas syarat perjanjian dan kaedah bayaran balik bagi setiap pinjaman. Pihak Audit mendapati tiada bukti menunjukkan surat perjanjian telah ditandatangani antara Perbadanan dengan *Locational Vendor*. Pihak Audit juga mendapati hanya draf surat perjanjian yang telah disediakan. Kegagalan Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. menandatangani perjanjian dengan Syarikat Vendor dan Koperasi menyebabkan penguatkuasaan syarat perjanjian tidak boleh dilaksanakan. Ini mengakibatkan risiko kerugian kepada Perbadanan. Semakan Audit terhadap draf surat perjanjian tersebut mendapati draf syarat perjanjian menetapkan pinjaman yang diberi adalah termasuk kos pembelian unit kereta tolak dan kos penyediaan tapak serta kos meratakan tanah. Manakala kaedah pembayaran balik pinjaman adalah selama 36 bulan termasuk caj perkhidmatan 4% dan penangguhan bayaran balik selama 6 bulan. Setiap operator di bawah Syarikat Vendor dan Koperasi perlu mematuhi syarat perniagaan seperti pemakaian uniform, penggunaan kereta tolak, kerusi dan menjaga kebersihan premis. Perbadanan juga telah menetapkan Syarikat Vendor dan Koperasi bertanggungjawab untuk mengutip bayaran balik pinjaman daripada setiap operator dan menjelaskan semula kepada Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. Semakan Audit terhadap penyata penerimaan dan perbelanjaan Tabung bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 mendapati sejumlah RM118,000 telah dikeluarkan dari Tabung sebagai pinjaman kepada Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd. dan Syarikat WNSA Enterprise. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Ogos 2005, pinjaman ini masih belum dijelaskan oleh kedua syarikat tersebut. Berdasarkan temu bual dengan pegawai Perbadanan adalah dimaklumkan bahawa pihak Perbadanan ada menetapkan deposit penyewaan kereta tolak sejumlah RM200 kepada operator dan kutipan sewaan terhadap kereta tolak sebanyak RM3 satu malam. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kutipan deposit sebanyak RM50 telah dibuat dan kutipan ini tidak dapat disahkan kerana

pihak Perbadanan tidak menyenggara sebarang daftar mengenainya dan tiada sebarang kelulusan mengenainya dibuat.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan pakej *Locational Vendor Cart Business System* adalah kurang memuaskan.

c) Program Usahawan Teknikal

Program ini bertujuan untuk membentuk masyarakat Bumiputera yang mempunyai kemahiran asas menceburi bidang perniagaan dan perindustrian. Di bawah program ini Perbadanan menyediakan modal dan melengkapkan keperluan perniagaan dari segi pasaran dan keperluan fizikal. Pembangunan IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjung telah dirangka oleh Perbadanan untuk mewujudkan satu kawasan pembangunan IKS yang bersepadu bagi menempatkan usahawan Bumiputera yang mempunyai asas perniagaan. Bahagian Hal Ehwal Tanah adalah bertanggungjawab untuk membuat promosi bagi mendapatkan pembeli bagi kilang tersebut. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek IKS Bersepadu mendapati 48 buah kilang tersebut telah siap dibina pada tahun 2003 tetapi Perbadanan masih belum mendapatkan kelulusan Sijil Layak Menduduki disebabkan kerja pemasangan elektrik dan sistem pembetulan yang masih belum sempurna. Butiran pembinaan projek dengan kos RM12.77 juta adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Butiran Projek Pembinaan IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjung

Skop Kerja	Nama Kontraktor	Tarikh Mula	Tarikh Siap/Tempoh Ikut Kontrak	Kos (RM Juta)	Catatan
Penyediaan Tapak dan Pampasan	-	1991	1993	0.17	
Penyediaan Infrastruktur	LMT Sdn. Bhd.	19.7.1997	23.9.1997	2.03	
Kerja Tanah	Maju Bangun Sdn. Bhd.	28.6.1999	2.1.2000	1.19	
Kerja Jalan Perparitan Dan Retalukasi Air	Maju Bangun Sdn. Bhd.	1.10.1999	1.5.2000	1.80	
Kerja Cerucuk	Teliti Permai Sdn. Bhd.	10.7.2000	20.8.2000	0.19	Tiada Bayaran
Kerja Bangunan	Maju Bangun Sdn. Bhd.	1.12.2000	28.9.2001	3.04	Tiada Bayaran
Kerja Bangunan	Paku Rimba Sdn. Bhd.	1.7.2002	28.2.2003	4.35	Bayaran melalui kontra hutang
Jumlah				12.77	

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Bagaimanapun terdapat 3 buah syarikat yang berminat untuk menjalankan perniagaan di kawasan tersebut dengan membeli 10 unit kilang dan 1 lot tanah di IKS Bersepadu di Kampung Acheh, Manjung. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menjual 7 kilang tersebut dengan harga RM1.38 juta kepada syarikat tersebut dengan cara mempermodakan bayaran diterima sebagai saham dalam syarikat berkenaan. Sebanyak 3 unit kilang bernilai RM0.58 juta telah dijual secara kontra hutang. Bagaimanapun satu lot tanah masih di peringkat perundingan harga. Pihak Audit, tidak dapat mengesahkan jumlah kontra hutang tersebut kerana dokumen berkenaan tidak dikemukakan sehingga tarikh akhir pengauditan. Adalah didapati sukar untuk mendapatkan pembeli memandangkan kilang tersebut masih belum mendapat kelulusan untuk diduduki. Projek ini juga telah dikelaskan sebagai Projek Lewat Jadual oleh Kementerian kerana ia telah mula dilaksanakan pada tahun 1999. Kegagalan untuk mendapatkan kelulusan dengan kadar yang segera menyebabkan matlamat Perbadanan untuk menambahkan bilangan usahawan di bidang ini tidak tercapai. Lawatan Audit ke kawasan kilang IKS Bersepadu di Kampung Acheh, Manjung mendapati kerja ubah suai kilang yang telah dijual sedang dilaksanakan walaupun Sijil Layak Menduduki masih belum dikeluarkan. Kelewatan mendapatkan Sijil juga akan menyebabkan Perbadanan terpaksa menanggung kos untuk menjaga keselamatan kawasan kilang. **Foto 22** menunjukkan keadaan kilang yang telah siap dibina pada tahun 2003 dipenuhi semak samun dan berlaku pembaziran.

Foto 22

Kawasan Kilang IKS Bersepadu Di Kampung Acheh, Manjung Telah Dipenuhi Semak Samun Dan Terbiar



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 28 Julai 2005

Lokasi : Lot IKS Bersepadu di Kampung Acheh, Manjung

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan Program Usahawan Teknikal adalah kurang memuaskan.

15.2.4 Keperluan Guna Tenaga dan Latihan

Struktur pengurusan yang teratur dan latihan yang mencukupi bagi kakitangan dapat meningkatkan lagi tahap tadbir urus bagi Perbadanan.

a) Struktur Pengurusan

Pelaksanaan Program Usahawan Muda, Belia/Wanita dan Teknikal dikendalikan oleh Bahagian Perancang dan Hal Ehwal Korporat, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Bahagian Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Estet Perindustrian dengan matlamat yang sama iaitu untuk menghasilkan usahawan di bidang berkaitan. Pengagihan tugas untuk melaksanakan program secara tidak terancang akan menyebabkan proses pelaksanaannya turut terjejas. Perbadanan mempunyai Bahagian Pembangunan Usahawan yang bertanggungjawab mengendalikan segala urusan dan menyimpan semua maklumat berkaitan usahawan. Bagaimanapun maklumat penting seperti pangkalan data peserta/usahawan, rekod/analisis pencapaian usahawan dan daftar/rekod harta/inventori tidak di selenggara di Bahagian tersebut. Penyerahan sebahagian program usahawan kepada Bahagian lain menyebabkan Bahagian Pembangunan Usahawan tidak dapat menyelaraskan dan memantau pencapaian usahawan yang terlibat. Ini mengakibatkan tindakan susulan tidak dapat diambil. Bahagian Pembangunan Usahawan juga tidak dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab sepenuhnya. Pihak Perbadanan seharusnya menyelaraskan semua maklumat dan keperluan berkaitan usahawan untuk dikendalikan oleh Bahagian Usahawan. Pengagihan tidak dirancang dan koordinasi maklumat yang tidak selaras menyebabkan program dilaksanakan tidak berjalan dengan lancar. Ini memberi kesan terhadap penyimpanan maklumat penting, aspek pemasaran, pemantauan dan langkah penyelesaian masalah. Walaupun mempunyai matlamat yang sama, pihak Audit mendapati koordinasi yang lemah antara bahagian menyebabkan proses pelaksanaan program terjejas mengakibatkan matlamat kebanyakan program tidak dicapai.

b) Latihan

Sepanjang tempoh RMK-8, Perbadanan telah menyediakan program latihan tahunan bagi kakitangannya. Semakan Audit terhadap senarai kursus yang dihadiri mendapati bilangan kakitangan Perbadanan yang telah menghadiri kursus dan latihan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005 adalah seramai 56 orang. Kursus

yang dianjurkan termasuklah di bidang keusahawanan, tadbir urus, perindustrian, pelancongan, keagamaan, komputer dan kewangan.

Pihak Audit berpendapat bahawa pengurusan guna tenaga adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun latihan yang dilaksanakan oleh Perbadanan adalah memadai dan memuaskan.

15.2.5 Prestasi Perbelanjaan

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah meluluskan sejumlah RM15.36 juta bagi melaksanakan tiga program ini. Perbadanan telah menubuhkan Tabung Usahawan Belia/Wanita Negeri Perak bertujuan menyediakan dana untuk pinjaman kepada peserta projek *Hygenic Vendor Cart Business System* dan Usahawan Muda manakala Tabung Pembangunan Usahawan Bumiputera digunakan bagi program Usahawan Teknikal. Geran yang diperolehi bagi program Pembangunan Usahawan dimasukkan ke dalam Tabung ini. **Jadual 22** menunjukkan prestasi perbelanjaan bagi program tersebut.

Jadual 22

Prestasi Kewangan Bagi Program Pembangunan Usahawan Muda, Belia/Wanita dan Teknikal Bagi Tempoh RMK-8

Bil.	Jenis Program Pembangunan Usahawan	Jenis Projek	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Program Usahawan Muda	Perniagaan Koperasi/Syarikat Sekolah	0.36	0.39	108.3
2.	Program Usahawan Belia/Wanita	<i>Hygenic Cart Business Outlet</i>	5.00	0.62	26.4
		Program lain		0.70	
3.	Program Usahawan Teknikal	IKS Bersepadu di Kampung Acheh	10.0	9.53	95.3
Jumlah			15.36	11.24	73.2

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Bagi program Usahawan Belia/Wanita peruntukan telah diluluskan bagi 3 pakej di bawah projek *Hygenic Vendor Cart Business System*. Bagaimanapun Perbadanan hanya melaksanakan 1 pakej iaitu *Locational Vendor Cart Business System* daripada 3 pakej yang dirancang menyebabkan terdapat lebih peruntukan tidak digunakan. Pada tahun 2005 Lembaga Pemilihan Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera telah meluluskan perbelanjaan bagi lain-lain program dengan menggunakan peruntukan dalam Program Usahawan Belia/Wanita berjumlah RM0.70

juta. Butiran perbelanjaan pakej *Locational Vendor Cart Business System* adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan Sehingga Tahun 2004

<i>Locational Vendor</i>	Tahun Kelulusan	Pinjaman Yang Diluluskan (RM)	Pengeluaran Pinjaman (RM)	Bilangan Operator
Syarikat Beta Waja Sdn. Bhd.	2003	100,000	50,000	20
	2004	58,000	58,000	30
Koperasi KEKWA	2003	50,000	3,140	10
MNSA Enterprise	2003	35,000	10,000	10
Jumlah		243,000	121,140	70

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Semakan Audit mendapati tiada sebarang bukti menunjukkan pinjaman yang dikeluarkan telah dibayar balik. Prestasi perbelanjaan bagi Program Usahawan Teknikal adalah memuaskan tetapi penyata akaun akhir bagi projek IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjung masih belum disediakan.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah kurang memuaskan. Bagi Program Usahawan Muda perbelanjaan melebihi peruntukan dan sasaran program tidak dicapai. Bagi Program Usahawan Belia/Wanita perbelanjaan jauh lebih rendah dari peruntukan.

15.2.6 Pencapaian Program

Sesuai program hanya dapat dipastikan keberkesanannya setelah penilaian terhadap pencapaian dilaksanakan. Semakan Audit terhadap pencapaian program yang dilaksanakan oleh Perbadanan mendapati perkara berikut:

a) Program Usahawan Muda

Melalui program ini pelajar telah didedahkan kepada pelbagai pengetahuan, kemahiran serta pengalaman mengendalikan sebuah syarikat. Ini dapat memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang perniagaan suatu hari nanti. Pada setiap tahun konvensyen peringkat negeri diadakan bagi memilih 3 buah sekolah terbaik dalam program ini untuk mewakili Negeri Perak ke peringkat Kebangsaan. Pada tahun 2001, 2003 dan 2005, tiga anugerah syarikat sekolah terbaik tempat ketiga dan pertama telah dimenangi oleh sekolah yang telah bertanding. Bagaimanapun sasaran bilangan sekolah yang menyertai program usahawan tidak dicapai.

Pada pendapat Audit, matlamat program usahawan muda untuk memberi pendedahan asas perniagaan kepada pelajar telah dicapai.

b) Program Usahawan Belia

Program Usahawan Belia/Wanita khususnya bagi projek *Hygenic Vendor Cart Business System* tidak mencapai matlamat untuk melahirkan golongan belia sebagai usahawan. Ini adalah kerana pencapaian dari segi bilangan peserta kereta tolak seramai 40 peserta adalah jauh daripada 400 peserta yang disasarkan atau pencapaian 10% daripada sasaran. Kebanyakan operator yang dipilih oleh Syarikat Vendor dan Koperasi pula tidak bertahan lama dalam bidang perniagaan ini.

Pada pendapat Audit, pencapaian program Usahawan Belia/Wanita ini adalah kurang memuaskan.

c) Program Usahawan Teknikal

Matlamat pembangunan IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjung yang telah dirangka oleh Perbadanan untuk mewujudkan satu kawasan pembangunan IKS yang bersepadu bagi menempatkan usahawan yang mempunyai asas perniagaan adalah sukar untuk dicapai disebabkan kelewatan kontraktor menyiapkan projek. Kelewatan mendapatkan Sijil Layak Menduduki menyukarkan usaha pemasaran untuk dilaksanakan. Sehingga tarikh pengauditan Sijil Layak Menduduki masih belum diperolehi. Kegagalan untuk mendapat sijil tersebut menyebabkan matlamat untuk menghasilkan 48 bilangan usahawan di bidang teknikal tidak mungkin dapat dicapai.

Pada pendapat Audit, pencapaian Program Usahawan Teknikal yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan.

15.2.7 Penyelenggaraan Rekod

Bahagian Pembangunan Usahawan bertanggungjawab menyelenggarakan dan mengemas kini semua rekod program usahawan. Selain rekod yang diselenggarakan di Bahagian Usahawan, adalah diperhatikan penyelenggaraan rekod bagi pelbagai program usahawan telah diserahkan kepada Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. dan kepada Bahagian Hal Ehwal Tanah Dan Estet Perindustrian. Semakan Audit terhadap daftar yang diselenggarakan di Perbadanan bagi Program Pembangunan Usahawan adalah seperti berikut:

a) Fail Sejarah Program

Setiap fail yang lengkap perlu mempunyai dasar program, borang permohonan, surat tawaran, surat perjanjian, laporan kursus dan laporan pemantauan. Semakan Audit terhadap fail program bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005 mendapati fail tersebut tidak mempunyai maklumat asas program seperti surat tawaran, surat perjanjian, bilangan peserta, kursus yang dihadiri dan kemajuan program. Punca yang dikenal pasti adalah ketiadaan pegawai penyelarass program bagi menyelarass semua maklumat daripada pelbagai bahagian yang terlibat. Ini menyebabkan maklumat penting tidak disimpan di dalam fail yang berkenaan dan pemantauan program yang berkesan tidak dapat dilaksanakan.

b) Pangkalan Data

Perbadanan bertindak sebagai penyelarass Program Usahawan Muda di peringkat negeri perlu mengadakan satu pangkalan data mengenai program ini. Semakan Audit mendapati pangkalan data mengandungi maklumat berkaitan Program Usahawan Muda di Negeri Perak masih belum lagi diwujudkan oleh Perbadanan selaku sekretariat walaupun program ini telah lama diperkenalkan. Ini menyebabkan peserta yang telah berjaya mengikuti program ini tidak dapat dikesan untuk ditawarkan ke program usahawan lain.

c) Daftar Sewa Dan Deposit

Pihak Audit mendapati Daftar Sewa dan Deposit bagi merekodkan penerimaan deposit kereta tolak dan kutipan sewa tidak disenggarakan. Daftar sewa ini perlu disediakan bagi membantu Perbadanan memantau pembayaran sewa kereta tolak dan mengenal pasti tunggakan dengan cepat.

d) Daftar Harta Modal

Daftar Harta Modal adalah untuk merekodkan barang tak luak yang bernilai melebihi RM500 setiap satu pada masa perolehan. Butiran maklumat dalam Daftar Harta Modal merekodkan semua maklumat berhubung dengan pembelian, penempatan, pemeriksaan, pelupusan dan merekod maklumat penyenggaraan. Pihak Audit mendapati Perbadanan tidak menyelenggarakan daftar tersebut. Hasil pemeriksaan Audit mendapati kereta tolak tidak diberi nombor siri diletak di merata tempat di Silveritage Galleria. Adalah didapati beberapa kereta tolak yang rosak tidak dibaiki dan diletakkan di kawasan tempat letak kereta. Butiran lanjut seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24**Bilangan Kereta Tolak Bagi Pakej *Locational Vendor Cart Business System***

Bil.	Butiran	Pemeriksaan Fizikal		Bilangan		
		Bil.	Kos (RM)	Tidak Digunakan	Disewa	Rosak
1.	Kereta tolak berwarna merah jambu (Anggaran kos RM1,700)	21	35,700	7	10	4
2.	Kereta tolak jenama AA (Anggaran kos RM1,650)	56	92,400	42	11	3
Jumlah		77	128,100	49	21	7

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

e) Daftar Inventori

Daftar Inventori adalah untuk merekodkan barang tak luak yang bernilai kurang dari RM500 setiap satu pada masa perolehan. Pihak Audit mendapati Perbadanan tidak menyenggarakan Daftar Inventori bagi merekodkan barang peralatan pakej *Locational Vendor Cart Business System*. Lawatan Audit ke tapak lokasi Taman Seramik Fasa 1 Chemor mendapati barang seperti kerusi dan meja tidak diletakkan tanda Hak Milik Perbadanan serta dalam keadaan terbiar. Hasil pemeriksaan Audit di Silveritage Galleria mendapati peralatan seperti apron dan topi diletak di dalam rak besi manakala pakaian seragam disimpan di dalam kotak di bilik stor Silveritage Galleria. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 118 kerusi disimpan dalam dewan di Silveritage Galleria. **Jadual 25** menunjukkan bilangan peralatan bagi pakej *Locational Vendor Cart Business System* milik Perbadanan.

Jadual 25**Bilangan Peralatan Bagi Pakej *Locational Vendor***

Bil.	Butiran	Baki stok	Kos (RM)	Catatan
1.	Kerusi Peniaga berwarna biru	81	9,250	Disimpan di dalam dewan di Silveritage Galleria
2.	Kerusi Pelanggan	37		Disimpan di dalam dewan di Silveritage Galleria
3.	Topi	353	27,200	Disimpan dalam stor dewan bankuet
4.	Apron	372		Disimpan dalam stor dewan bankuet
5.	Baju	272		Disimpan dalam stor dewan bankuet
Jumlah		1,115	36,450	

Sumber : Rekod Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Peralatan barang seperti kerusi peniaga dan kerusi pelanggan dibeli berdasarkan set yang bernilai RM250 setiap set iaitu 2 kerusi peniaga dan 1 kerusi pelanggan. Manakala pakaian seragam yang dibeli juga berdasarkan set yang bernilai RM200 yang terdiri daripada 2 baju, 1 apron dan 1 topi. Semakan Audit mendapati pengeluaran kerusi dan pakaian seragam tidak dikeluarkan mengikut set yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan rekod, daftar dan pangkalan data oleh Perbadanan adalah tidak memuaskan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan ketiga program usahawan oleh Perbadanan tidak mencapai sasaran bilangan usahawan. Malah projek pembinaan IKS berbersepadu di Kampung Aceh, Manjung dengan kos RM12.77 juta telah siap pada tahun 2003 telah terbiar dan berlaku pembaziran. Bagaimanapun dari segi pencapaian pembudayaan perniagaan kepada peserta terutamanya program usahawan muda, pihak Audit mendapati Perbadanan telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya. Pengurusan program juga menunjukkan kelemahan dari segi penyelenggaraan rekod dan aset.

15.3 PEMANTAUAN

Pemantauan secara berterusan merupakan kaedah bagi memastikan setiap program pembangunan usahawan dilaksanakan mengikut prosedur dan kaedah yang ditetapkan serta mencapai matlamat program. Pemeriksaan terhadap aspek pemantauan adalah seperti berikut:

a) Peringkat Kementerian

Perbadanan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi dan pencapaian bagi program pembangunan usahawan ke Kementerian. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada mengemukakan laporan tersebut kepada Kementerian. Selain itu Pengarah Bahagian Perancang dan Hal Ehwal Korporat juga menghadiri pelbagai mesyuarat yang diadakan oleh Kementerian dari semasa ke semasa bagi membentangkan laporan berhubung dengan status kemajuan serta masalah berbangkit dengan pelaksanaan setiap program pembangunan usahawan yang menerima peruntukan daripada Kementerian.

b) Peringkat Perbadanan

Pemantauan di peringkat Perbadanan dilaksanakan mengikut keperluan bagi setiap program pembangunan usahawan seperti berikut:

i) Program Usahawan Muda

Pegawai Perbadanan telah mengadakan lawatan ke sekolah yang dipilih untuk memantau perjalanan syarikat yang ditubuhkan serta mengenal pasti masalah yang timbul dalam syarikat. Semakan Audit mendapati lawatan ke sekolah oleh pihak Perbadanan bergantung kepada keperluan. Bagi sekolah yang baru menubuhkan syarikat kekerapan lawatan adalah setiap sebulan. Manakala bagi sekolah yang telah berpengalaman pula Perbadanan hanya membuat 2 lawatan sahaja. Setiap sekolah yang menyertai program ini telah menyerahkan penilaian dan laporan tahunan kepada urus setia selepas tempoh penutupan akaun. Berdasarkan laporan yang dikemukakan, sekolah akan dipilih untuk menyertai konvensyen peringkat negeri. Tiga penyertaan terbaik akan mewakili Negeri Perak di konvensyen peringkat kebangsaan. Dari sudut penyertaan peserta pula, kegagalan urus setia menyelenggara pangkalan data peserta program menyebabkan pemantauan terhadap peserta yang pernah menyertai program tidak dapat dijalankan.

ii) Program Usahawan Belia/Wanita

Pemantauan bagi Program Usahawan Belia/Wanita dilaksanakan oleh Lembaga Pemilihan Vendor dan Pembangunan Usahawan Bumiputera. Lembaga ini berperanan mengkaji, merancang, membangunkan dan meluluskan peruntukan belanjawan dan setiap projek pembangunan usahawan Bumiputera bagi kepentingan Perbadanan. Semakan Audit mendapati Lembaga ini telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali setahun sepanjang tahun 2002 hingga 2005. Lembaga ini memantau dari segi permohonan cadangan program pembangunan usahawan dan kelulusan perbelanjaan bagi program yang dimohon. Berdasarkan semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga adalah didapati Lembaga ini telah memainkan peranannya dengan memuaskan untuk memastikan pemilihan projek dan perbelanjaan diuruskan dengan terkawal. Pihak Audit mendapati pemantauan Program Usahawan Belia/Wanita adalah kurang berkesan disebabkan penyenggaraan rekod tidak teratur oleh Perbadanan. Ini menyebabkan matlamat program tidak dicapai.

iii) Program Usahawan Teknikal

Pemantauan bagi program Usahawan Teknikal telah dilaksanakan oleh Perbadanan bermula dari pembinaan bangunan kilang sehinggalah kepada pengisian bagi IKS Bersepadu di Kampung Aceh, Manjong. Semakan Audit mendapati di peringkat pembinaan pemantauan dibuat oleh Bahagian Projek melalui lawatan dan mesyuarat tapak manakala setelah bangunan siap dibina pemantauan dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Tanah dan Estet Perindustrian.

c) Peringkat Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd.

i) Pakej *Locational Vendor Cart Business System*

Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. bertanggungjawab menguruskan perjalanan program ini, melibatkan kutipan bayaran sewa dan pemantauan terhadap Syarikat Vendor dan Koperasi. Pemantauan dibuat adalah melalui laporan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan. Lawatan Audit ke Dataran Silveritage pada awal bulan Ogos 2005 mendapati seorang operator yang menyewa 2 kereta tolak telah menggunakan 5 kereta tolak tanpa kebenaran. Selain itu, terdapat 2 kereta tolak telah digunakan oleh peniaga restoran untuk meletakkan barang perniagaan mereka tanpa menyewanya. Ini menunjukkan Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. tidak menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi mereka bagi memastikan para penyewa mematuhi syarat sewaan yang telah ditandatangani. Kegagalan pihak pengurusan memantau setiap penyewa dan kereta tolak yang tidak digunakan dari semasa ke semasa menyebabkan pencerobohan dan penyalahgunaan harta milik Perbadanan. Ketiadaan daftar penting seperti daftar sewa, daftar program dan pangkalan data bagi kesemua program menyebabkan pemantauan tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan yang dijalankan oleh Perbadanan adalah kurang memuaskan. Pemantauan secara berterusan hendaklah dilaksanakan untuk memastikan setiap penyewa mematuhi syarat perjanjian dan penyalahgunaan harta milik Perbadanan dapat dielakkan.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan 3 Program Pembangunan Usahawan iaitu Program Usahawan Muda, Program Pembangunan Usahawan Belia/Wanita dan Program Pembangunan Usahawan Teknikal boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat memainkan peranan dengan lebih berkesan. Kajian Audit ini

menunjukkan terdapat kelemahan seperti pangkalan data tidak dibangunkan sejak tahun 1996, Penyata Kewangan gagal dikemukakan kepada Audit, kereta tolak terbiar, surat perjanjian tidak ditandatangani, pembaziran kilang IKS, prestasi belanjawan kurang memuaskan dan pemantauan kurang memuaskan. Perbadanan perlulah memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti untuk mencapai matlamat Program Usahawan Muda, Program Pembangunan Usahawan Belia/Wanita dan Teknikal serta peruntukan yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menghasilkan masyarakat perdagangan perindustrian Bumiputera. Pemantauan secara menyeluruh juga perlu dilakukan bagi memastikan setiap masalah dapat dikesan dan diselesaikan dengan kadar segera supaya program pembangunan usahawan dapat berjalan dengan lancar. Berikut adalah syor Audit yang boleh dijadikan panduan untuk penambahbaikan sistem penyampaian.

16.1 Program Usahawan Muda

- a) Perbadanan perlu menetapkan sasaran program yang lebih realistik dan boleh dicapai berdasarkan kemampuan yang ada.
- b) Pangkalan data bagi peserta program perlu diwujudkan segera bagi membolehkan pemantauan berkesan serta menjamin maklumat sedia ada apabila diperlukan terutamanya apabila hendak mengukur kejayaan program usahawan dan ketika menjalankan kajian keberkesanan program.
- c) Perbadanan seharusnya merangka strategi untuk meningkatkan penyertaan lebih banyak sekolah baru.
- d) Taburan penyertaan sekolah perlu lebih saksama dan lebih menyeluruh dengan penekanan di kawasan bandar kerana kuasa beli pengguna adalah lebih tinggi.

16.2 Program Usahawan Belia/Wanita

- a) Perkongsian pintar dengan Majlis Daerah/Perbandaran yang bersesuaian perlu dijalankan sebagai usaha untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera.
- b) Usaha promosi melalui jentera pentadbiran Jabatan/Agensi Kerajaan boleh meningkatkan penyertaan peserta.
- c) Pemilihan *Locational Vendor* dan operator kereta tolak di bawah pakej *Locational Vendor Cart Business System* perlulah menepati kriteria yang ditetapkan bagi memastikan kejayaan program.
- d) Lokasi perniagaan yang dipilih perlulah menepati kriteria ditetapkan bagi menjamin keselamatan harta benda dan kejayaan program.
- e) Surat perjanjian rasmi perlu disediakan dan ditandatangani oleh pihak berkenaan. Bagi tujuan menjaga kepentingan Perbadanan syarat perjanjian serta bayaran balik pinjaman perlu jelas. Penguatkuasaan syarat perjanjian juga perlu dijalankan.

- f) Penyelenggaraan Daftar Sewa kereta tolak dan daftar pinjaman perlu untuk meningkatkan keberkesanan pemantauan.
- g) Perbadanan perlu menyelenggara Daftar Harta Modal dan Inventori bagi merekodkan pembelian, pengeluaran dan penempatan kereta tolak dengan kemas kini supaya pengeluaran setiap barangan dapat dikawal dan dipantau.

16.3 Program Usahawan Teknikal

- a) Perbadanan perlu merancang strategi pemasaran yang lebih teratur dan berkesan supaya sasaran jualan dapat dicapai dan projek tidak menjadi gajah putih.
- b) Usaha mengenal pasti usahawan yang berpotensi di daerah berkenaan perlu dilaksanakan sebagai langkah awal kepada strategi pemasaran yang berkesan.
- c) Penyelarasan kesemua program pembangunan usahawan perlu diambil alih oleh Bahagian Pembangunan Usahawan. Sekiranya perlu, struktur Bahagian Pembangunan Usahawan perlu dikaji semula dan diperkemaskan sewajarnya.
- d) Bahagian Usahawan perlu memainkan peranannya bagi memastikan rekod dan maklumat Program Pembangunan Usahawan disimpan dengan baik dan teratur.

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

PROJEK PEMBANGUNAN *JETTY WING*

17. LATAR BELAKANG

17.1 *Jetty Wing* merupakan sebahagian daripada projek pembangunan Jaluran Lumut *Waterfront* yang terdiri daripada 4 fasa iaitu *Marina Wing*, *Jetty Wing*, *Esplanade Wing* dan *Maritime Wing*. Lokasi pembangunan adalah di persisiran Sungai Dinding di sekitar kawasan Jeti Lumut di bawah pengawasan dan kendalian Majlis Perbandaran Manjung (Majlis). Pembangunan dilaksanakan di atas tanah Kerajaan Negeri dengan keluasan 1.5 hektar. Fasa pertama pembangunan projek adalah *Marina Wing* siap di laksana pada awal tahun 2003 dengan kos RM6.37 juta, fasa kedua iaitu *Jetty Wing* siap pada tahun 2005, manakala fasa ketiga *Esplanade Wing* dilaksanakan mulai akhir tahun 2004 dan dijangka siap pada akhir tahun 2005. Fasa *Maritime Wing* belum dilaksanakan kerana ada sebahagian kawasan terlibat dengan tanah milik persendirian. Pembangunan fasa *Jetty Wing* dilaksanakan melalui 2 kontrak iaitu kontrak membangunkan semula terminal jeti dan kontrak landskap dan pengindahan. Kontrak pembangunan fasa *Jetty Wing* mula dilaksanakan pada tahun 2002 dan siap pada tahun 2005 dengan kos berjumlah RM7.51 juta.

17.2 Sumber kewangan bagi membiayai kos projek ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan Kementerian Pelancongan. Pembangunan projek ini adalah bertujuan mempelbagaikan, menambah dan menaik taraf kemudahan yang sedia ada di persekitaran kawasan jeti termasuk ruang perniagaan, terminal pelancongan, kemudahan kawasan riadah dan rekreasi. Dengan adanya projek ini akan meningkatkan lagi tahap kemudahan awam sedia ada. Ianya merupakan sebahagian daripada usaha untuk memperbaiki mutu infrastruktur pelancongan khususnya di Bandar Lumut yang menjadi salah satu pintu masuk utama ke Pulau Pangkor dan destinasi pelancongan lain di Negeri Perak. Projek ini boleh berfungsi sebagai tarikan pelancong dan merangsang kepada pertumbuhan ekonomi penduduk tempatan.

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit ini adalah untuk menentukan sama ada projek dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

19. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembangunan *Jetty Wing* meliputi projek terminal jeti serta projek landskap dan pengindahan sekitar kawasan Jeti Lumut bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail berkaitan dengan projek, rekod kewangan, dokumen kontrak serta dokumen lain yang berkaitan di Majlis Perbandaran Manjung. Temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab dan lawatan ke tapak projek untuk mendapatkan gambaran sebenar terhadap kerja yang dilaksanakan.

20. PENEMUAN AUDIT

20.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti akan dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan baik, sempurna dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Kelemahan perancangan pula akan menyebabkan berlakunya kerugian dan pembaziran sesuatu projek serta akan menjejaskan pencapaian matlamatnya.

20.1.1 Dasar Pembangunan Kerajaan Negeri

Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Daerah Manjung ada menetapkan dasar, strategi dan cadangan am pembangunan mengikut zon. Mengikut peta cadangan dan penggunaan tanah, kawasan persisiran Sungai Dinding akan dibangunkan taman persisiran sungai dengan menyediakan pelbagai daya tarikan dan perkhidmatan yang akan menarik minat pelancong selaras dengan menjadikan Lumut sebagai Bandar Pelancongan Dan Maritim.

20.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Bagi melaksanakan pembangunan projek dengan teratur, undang-undang dan peraturan perlu diwujudkan. Undang-undang dan peraturan bagi pembangunan projek adalah seperti berikut:

a) Akta Perancang Bandar Dan Desa

Mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan perlu diwartakan dan akan menjadi rujukan utama pembangunan projek di Daerah Manjung. Dasar dan rancangan pembangunan bagi sesuatu tempoh akan didokumentasikan dalam Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan. Draf Rancangan Struktur akan menetapkan

dasar, strategi dan cadangan am pembangunan serta kawasan atau gambar rajah utama pembangunan manakala Draf Rancangan Tempatan adalah satu laporan dan pernyataan bertulis pembangunan mengikut kawasan. Draf Rancangan Tempatan hanya akan disediakan selepas Draf Rancangan Struktur diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

b) Arahan Perbendaharaan Dan Pekeliling

Mengikut peraturan, perolehan kerja dan perkhidmatan hendaklah dibuat secara tender, sebut harga atau lantikan terus mengikut jenis dan had jumlah perolehan. Perolehan kerja secara tender atau sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Kementerian Kewangan. Untuk itu, notis tawaran akan dikeluarkan, dokumen tawaran akan dibuka oleh Jawatankuasa Peti Tawaran/Pembuka Tawaran dan seterusnya akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Majlis atau juru perunding yang dilantik. Laporan penilaian akan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Majlis untuk diperakui dan diluluskan. Bagi perolehan yang dibuat dengan vot Negeri atau Persekutuan, laporan penilaian dan perakuan Lembaga Perolehan Majlis akan dikemukakan kepada Lembaga Tender Negeri atau Persekutuan Peringkat Negeri mengikut mana yang berkenaan untuk kelulusan.

20.1.3 Kajian Kemungkinan

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, menyatakan mengenai keperluan kajian kemungkinan berkaitan lokasi, kos dan kesan alam sekitar dijalankan sebelum sesuatu projek dimulakan. Kajian ini akan merangkumi analisis terhadap kesan alam sekitar, analisis teknikal melibatkan kos dan reka bentuk, analisis ekonomi serta objektif projek. Selain itu ringkasan projek yang menjelaskan elemen projek, penilaian awal projek yang menjelaskan kos dan faedah projek juga perlu disediakan.

20.1.4 Sasaran Projek

Projek *Jetty Wing* adalah sebahagian daripada projek Jaluran Lumut *Waterfront* yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK-8). Pelaksanaannya akan meliputi pembangunan semula bangunan terminal jeti dan landskap. Projek ini bertujuan mempelbagaikan, menambah dan menaik taraf kemudahan yang sedia ada di persekitaran kawasan jeti termasuk ruang perniagaan, terminal pelancongan, kemudahan kawasan riadah dan rekreasi. Dengan adanya projek ini akan meningkatkan lagi tahap kemudahan awam sedia ada. Ianya merupakan sebahagian daripada usaha untuk memperbaiki mutu infrastruktur pelancongan khususnya di Bandar

Lumut yang menjadi salah satu pintu masuk utama ke Pulau Pangkor dan destinasi pelancongan lain di Negeri Perak. Projek ini boleh berfungsi sebagai tarikan pelancong dan merangsang kepada pertumbuhan ekonomi penduduk tempatan.

20.1.5 Komponen Projek *Jetty Wing*

Komponen projek yang akan dicadangkan untuk dibina antaranya adalah seperti berikut:

a) Pembinaan Terminal Jeti

Komponen yang akan dibina adalah seperti berikut:

i) Bazar Perniagaan

Dua bangunan bazar perniagaan akan dibina iaitu bazar 1 tingkat mempunyai 5 lot perniagaan dan bazar 2 tingkat mengandungi 16 lot ruang perniagaan. Apabila siap bangunan bazar ini akan disewakan kepada peniaga yang berminat.

ii) Terminal Pelancongan Dan Restoran

Komponen yang akan dibina adalah terdiri daripada ruang menunggu bagi penumpang feri, pejabat pengurusan terminal, sebuah restoran, surau, tandas awam dan ruang untuk pejabat agensi kerajaan. Satu menara kawalan juga akan dibina untuk kegunaan Jabatan Laut.

iii) Pengindahan Kawasan

Kawasan terminal jeti akan diindahkan dengan menanam pelbagai jenis pokok palma dan juga pokok renek.

b) Projek Landskap Dan Pengindahan

i) *Food Kiosk*

Sebuah *food kiosk* akan dibina untuk disewakan kepada peniaga yang berminat.

ii) Plaza

Sebanyak 7 plaza yang terdiri daripada satu unit *viewing plaza*, tiga unit *maritime plaza*, satu unit *central plaza* dan 2 unit *pergola plaza* akan dibangunkan untuk kemudahan pengunjung beristirahat dan beriadah.

iii) Landskap Lembut Dan Kejur

Pelbagai jenis pokok akan ditanam terdiri daripada pokok palma, jambu laut, semarak api, rumput hiasan dan pokok renek. Tiga buah arca berbentuk serombong kapal akan dibina di atas *maritime plaza* dan 3 buah *decorative wall*

akan dibina sebagai pengadang antara kawasan *food kiosk* dan kawasan tangki kumbahan.

20.1.6 Kaedah Pelaksanaan Projek

Bagi membangunkan *Jetty Wing*, Majlis akan menetapkan kaedah pemilihan kontraktor dan pelantikan juru perunding yang kemudiannya akan dikemukakan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab meluluskan projek.

a) Pelantikan Kontraktor

Pelantikan kontraktor akan dibuat secara tender terbuka di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Dokumen tender akan dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender dan penilaian akan dibuat oleh juru perunding dan diperakukan oleh Lembaga Tender Majlis. Laporan Penilaian Tender akan disediakan dan seterusnya akan dikemukakan kepada Lembaga Tender Persekutuan Peringkat Negeri untuk pertimbangan dan keputusan. Lembaga Tender Persekutuan Peringkat Negeri akan memilih tawaran yang terbaik dari segi prestasi, harga tawaran, tempoh masa, keupayaan kewangan kontraktor dan pengalaman kontraktor berkenaan. Berdasarkan Perakuan Lembaga Tender Persekutuan Peringkat Negeri, surat tawaran akan dikeluarkan oleh Majlis kepada kontraktor yang berjaya.

b) Pelantikan Juru Perunding

Majlis merancang melantik juru perunding untuk menyediakan pelan dan pengawasan pelaksanaan projek. Juru perunding akan dilantik mengikut kaedah lantikan terus berdasarkan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Perbendaharaan. Perbelanjaan kos juru perunding akan dibiayai melalui peruntukan kewangan Majlis.

20.1.7 Keperluan Kewangan

Pembiayaan projek pembangunan yang dicadangkan akan dibiayai daripada pelbagai sumber sama ada Kerajaan Persekutuan, Negeri, swasta ataupun Majlis sendiri. Bagi projek *Jetty Wing* yang merupakan sebahagian daripada projek jaluran Lumut *Waterfront* akan dibiayai daripada peruntukan Kementerian Pelancongan manakala kos perkhidmatan juru perunding akan dibiayai oleh Majlis di bawah butiran peruntukan Perkhidmatan Ikhtisas. Anggaran kos pembangunan *Jetty Wing* adalah berjumlah RM6.93 juta dan sejumlah RM8.07 juta telah dimohon oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk pelaksanaan projek ini bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005. Selain itu, sejumlah RM12.87 juta diperuntukkan di bawah butiran perkhidmatan Majlis. Butiran peruntukan adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Sumber Keperluan Kewangan

Tahun	Peruntukan (RM juta)	
	Kementerian Pelancongan	Majlis
2002	1.20	2.89
2003	2.70	3.70
2004	3.93	5.38
2005	0.24	0.90
Jumlah	8.07	12.87

Sumber : Rekod Majlis Perbandaran Manjung

20.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Perjawatan yang diisi bersesuaian dengan kelayakan dan keupayaan kakitangan dapat melaksanakan projek yang akan dijalankan oleh Majlis. Yang Dipertua sebagai Pegawai Penguasa yang mengawasi pelaksanaan projek dibantu oleh Setiausaha Majlis dan 9 kakitangan teknikal di Jabatan Kejuruteraan dan Penyenggaraan. Manakala perancangan latihan kakitangan teknikal akan diberikan berdasarkan keperluan semasa bagi meningkatkan mutu kerja.

20.1.9 Kaedah Pemantauan

Pemantauan bagi projek *Jetty Wing* akan dijalankan di dalam dua peringkat seperti berikut:

a) Peringkat Majlis

Jabatan Kejuruteraan Majlis yang diketuai oleh Pembantu Teknik Kanan akan menjalankan pemantauan seperti lawatan tapak dan mesyuarat tapak. Majlis juga akan memantau prestasi juru perunding di dalam menjalankan tugas di tapak bina.

b) Peringkat Juru Perunding

Juru perunding akan menjalankan kerja pengurusan di tapak seperti menyediakan laporan prestasi kepada Majlis dan menempatkan pegawai di tapak untuk memantau kerja pembinaan.

20.1.10 Penyenggaraan Harta Dan Bangunan

Perancangan penyenggaraan landskap dan bangunan adalah penting untuk memastikan projek yang akan disiapkan tidak mengalami kerosakan. Pihak kontraktor akan menyenggara landskap lembut seperti menjaga tumbuhan hijau dan bunga-

bunga, membaja dan lain-lain kerja yang berkaitan untuk tempoh 6 bulan selepas ditanam. Seterusnya pihak Majlis akan melaksanakan penyenggaraan berdasarkan rutin harian tenaga pekerja di Jabatan yang berkaitan di Majlis Perbandaran Manjung.

Pada pandangan Audit, perancangan projek *Jetty Wing* di kawasan Jaluran Lumut *Waterfront* adalah baik bersesuaian dengan matlamat menjadikan Lumut sebagai bandar maritim dan pelancongan.

20.2 PELAKSANAAN

Kecekapan dalam melaksanakan sesuatu projek akan menyumbang kepada pencapaian matlamat yang ditetapkan. Pembinaan setiap projek bermula setelah perjanjian kontrak ditandatangani dan penyerahan tapak. Semua kerja teknikal seperti lukisan pelan, reka bentuk dan kerja berkaitan dilaksanakan oleh juru perunding yang dilantik. Manakala kontraktor melaksanakan pembinaan berdasarkan pelan dan dikawal selia oleh juru perunding dan Majlis sebagai Pegawai Penguasa.

20.2.1 Dasar Pembangunan Kerajaan Negeri

Polisi Pelancongan Negeri Perak adalah bertujuan menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu industri yang boleh membantu pembangunan sosioekonomi dalam negeri. Mengikut Rancangan Struktur Daerah Manjung dan Rancangan Tempatan Lumut - Sri Manjung kawasan persisiran Sungai Dinding akan dibangunkan taman persisiran sungai dengan menyediakan pelbagai daya tarikan dan perkhidmatan yang akan menarik minat pelancong selaras dengan menjadikan Lumut sebagai Bandar Pelancongan Dan Maritim. Pemeriksaan Audit mendapati projek *Jetty Wing* dibangunkan di persisiran Sungai Dinding adalah bercirikan pengindahan taman persisiran sungai dengan pelbagai landskap kejur dan lembut. Terminal Jeti juga dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan perkhidmatan untuk pelancong dan penduduk tempatan.

Pada pendapat Audit, pembangunan projek *Jetty Wing* adalah baik selaras dengan polisi pelancongan Negeri Perak.

20.2.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), Draf Rancangan Struktur Daerah dan Draf Rancangan Tempatan hendaklah disediakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan. Setelah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri, Draf tersebut hendaklah diwartakan. Pemeriksaan Audit mendapati Draf Rancangan Struktur Daerah Manjung bagi tempoh tahun 1991 hingga 2010 telah di sedia dan

diwartakan pada bulan April 1999. Manakala Draf Rancangan Tempatan pula diwartakan berkuat kuasa mulai bulan November 1999. Draf ini kemudiannya dikenali sebagai Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan Daerah Manjung. Rancangan Struktur telah menetapkan dasar, strategi dan cadangan am pembangunan serta kawasan atau gambar rajah utama pembangunan daerah. Manakala Rancangan Tempatan pula adalah satu laporan dan pernyataan bertulis pembangunan mengikut kawasan dan Zon.

Pada pendapat Audit, Draf Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan disediakan dengan memuaskan sebagaimana kehendak Akta Perancang Bandar Dan Desa.

20.2.3 Kajian Kemungkinan

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 2 Tahun 1992 menyarankan agar kajian kemungkinan dijalankan sebelum sesuatu projek pembangunan dimulakan. Pemeriksaan Audit mendapati kajian kemungkinan tidak dijalankan. Mengikut penjelasan Majlis, kajian ini tidak dijalankan kerana projek *Jetty Wing* adalah projek naik taraf kemudahan terminal jeti dan pengindahan kawasan persekitaran di atas tapak sedia ada. Pihak Majlis hanya menyediakan ringkasan cadangan projek yang mengandungi maklumat latar belakang projek, anggaran kos, faedah dijangka serta justifikasi projek. Selain itu, kajian tanah dijalankan semasa kerja pembinaan mula dilaksanakan.

20.2.4 Kaedah Pelaksanaan Projek

Majlis telah melantik 2 kontraktor untuk melaksanakan pembangunan *Jetty Wing*. Selain itu, dua syarikat juru perunding telah dilantik untuk mengurus dan mengawasi pelaksanaan projek.

a) Pelantikan Juru Perunding

Khidmat juru perunding diperlukan bagi mengawasi pelaksanaan projek besar dan kemahiran teknikal yang tinggi kerana Majlis tidak mempunyai kepakaran dalam kerja sedemikian. Juru perunding yang dilantik secara langsung menjadi wakil Pegawai Penguasa kedua menyelia tapak projek. Lembaga Tender Dan Sebut Harga Majlis yang bermesyuarat pada Julai 2002 telah meluluskan pelantikan Syarikat Mata Architect dengan kadar bayaran 10% daripada harga kontrak projek terminal jeti iaitu berjumlah RM0.59 juta. Manakala bagi projek landskap dan pengindahan, Lembaga Tender Dan Sebut Harga Majlis yang bermesyuarat pada April 2003 telah melantik Syarikat Morphosis Design Sdn. Bhd. pada kadar bayaran

9% daripada harga kontrak berjumlah RM0.18 juta. Semakan lanjut terhadap dokumen pelantikan juru perunding mendapati syarat, skop kerja dan tanggungjawab perunding telah dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian.

b) Pelantikan Kontraktor

Mengikut peraturan, perolehan yang bernilai melebihi RM100,000 ribu hendaklah dibuat secara tender. Pemeriksaan Audit mendapati pemilihan kontraktor bagi projek pembinaan terminal jeti dan projek landskap dan pengindahan dibuat secara tender terbuka. Sebanyak 18 penender telah mengambil bahagian dalam tender projek pembinaan terminal jeti manakala bagi projek landskap dan pengindahan, sebanyak 17 penender telah mengemukakan tawaran. Kedua-dua tender ini ditutup pada masa dan tarikh yang ditetapkan serta dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender Majlis. Proses penilaian tender kemudiannya dijalankan oleh juru perunding yang dilantik. Penilaian tender dibuat berdasarkan faktor harga yang ditawarkan berbanding dengan anggaran Majlis, tempoh masa siap, keupayaan kewangan dan prestasi kontraktor sebelum ini. Laporan penilaian disediakan oleh juru perunding dan diperakukan oleh Lembaga Tender dan Sebut Harga Majlis. Laporan ini dikemukakan kepada Lembaga Tender Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri untuk kelulusan. Pemeriksaan Audit selanjutnya bagi projek terminal jeti mendapati sebanyak 18 penender telah mengemukakan tawaran. Lembaga Tender Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri yang bermesyuarat pada bulan Ogos 2002 telah memperakukan penender ke 4 terendah iaitu Syarikat Pembinaan Bumi Asia Sdn. Bhd.. Harga ditawarkan adalah berjumlah RM4.52 juta adalah lebih rendah berbanding anggaran Majlis sejumlah RM4.64 juta. Bagi projek landskap dan pengindahan, pada bulan Disember 2003 Lembaga Tender Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri telah memperakui penender ke 9 terendah daripada 17 penender yang mengemukakan tawaran. Syarikat Zahriff Enterprise Sdn. Bhd. telah diperakukan dengan kos berjumlah RM2.08 juta iaitu 8.7% lebih rendah daripada anggaran Majlis sejumlah RM2.28 juta. Pemeriksaan Audit juga mendapati penolakan penender yang menawarkan harga lebih rendah daripada penender yang diperakukan telah dijustifikasikan dengan mengambil kira faktor peratus perbezaan ketara berbanding anggaran, keupayaan kewangan kontraktor, pengalaman kerja berkaitan dan prestasi kerja semasa.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor dan juru perunding adalah memuaskan berdasarkan tawaran yang terbaik dan mematuhi peraturan perolehan.

20.2.5 Perjanjian Kontrak

Perjanjian kontrak perlu ditandatangani sebelum kerja dimulakan. Pihak kontraktor perlu mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak mendapati perkara berikut:

a) Perlindungan Insurans

Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan perlindungan insurans tanggungan awam dan insurans pampasan pekerja sebelum memulakan kerja pembinaan. Amaun yang diinsuranskan hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan dan tempoh liputan perlindungan insurans hendaklah meliputi tempoh kecacatan. Bagi projek terminal jeti jumlah perlindungan bagi insurans *contractor all risk* adalah sejumlah RM4.52 juta dan perlindungan insurans *workmen compensation* adalah berjumlah RM452,408. Tempoh perlindungan bermula pada September 2002 sehingga Disember 2003. Manakala bagi projek landskap dan pengindahan perlindungan insurans *contractor all risk* adalah berjumlah RM2.08 juta dan jumlah bagi insurans *workmen compensation* adalah berjumlah RM208,463. Tempoh perlindungan bermula pada Disember 2003 hingga Oktober 2004. Jumlah yang diinsuranskan dan tempoh yang diambil adalah mengikut tempoh kontrak dan kontraktor telah melanjutkan tempoh perlindungan mengikut lanjutan masa yang telah diluluskan.

b) Bon Pelaksanaan

Bon Pelaksanaan adalah untuk menjamin kepentingan Majlis sekiranya berlaku pelanggaran syarat oleh pihak kontraktor. Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan bon pelaksanaan sama ada di dalam bentuk jaminan bank, jaminan insurans atau melalui potongan sebanyak 10% dari setiap bayaran interim sehingga mencapai 5% daripada harga kontrak. Tempoh sah jaminan bank hendaklah berakhir sehingga tamat 12 bulan tempoh kecacatan. Semakan Audit mendapati kedua kontraktor telah menyediakan bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank sebelum memulakan kerja pembinaan. Bagaimanapun, tempoh kuat kuasa bon pelaksanaan bagi projek terminal jeti dan projek landskap dan pengindahan tidak dilanjutkan apabila perakuan kelambatan dan lanjutan masa siap kerja diluluskan. Butir bon pelaksanaan seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Bon Pelaksanaan Disediakan Oleh Kontraktor

Perkara	Nilai Bon (RM)	Tarikh Siap Kontrak Asal	Tempoh Sah Bon Mengikut Tarikh Siap Asal	Tarikh Siap Tempoh Lanjutan	Tempoh Sah Bon Sepatutnya
Projek Terminal Jeti	226,204	18.8.2003	2.9.2002 hingga 18.8.2004	6.3.2004	2.9.2002 hingga 6.3.2005
Projek Landskap dan pengindahan	104,232	30.10.2004	30.12.2003 hingga 30.10.2005	12.2.2005	30.12.2003 hingga 12.2.2006

Sumber : Rekod Majlis Perbandaran Manjung

c) Perubahan Kerja

Perubahan kerja merupakan perubahan reka bentuk, kualiti atau kuantiti bahan termasuk penambahan dan pengurangan kerja seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak. Perubahan kerja perlu dibincangkan semasa mesyuarat tapak bulanan antara kontraktor dengan juru perunding. Seterusnya permohonan perubahan kerja dikemukakan kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan.

i) Projek Terminal Jeti

Sebanyak 19 Arahan Perubahan Kerja bernilai RM885,595 iaitu 19.6% daripada keseluruhan kos kontrak telah diluluskan. Antara kerja yang terlibat ialah kerja meroboh, tambahan *fountain feature*, sistem pencahayaan dan sebagainya. Semua arahan perubahan kerja dibincangkan dalam mesyuarat tapak projek setelah dikaji oleh juru perunding dan kemudiannya diluluskan oleh Pegawai Penguasa.

ii) Projek Landskap Dan Pengindahan

Pemeriksaan Audit mendapati, sebanyak 20 Arahan Perubahan Kerja telah dikeluarkan bernilai RM282,502 iaitu 10.5% daripada keseluruhan kos kontrak. Analisis Audit terhadap 13 perubahan kerja, mendapati 5 perubahan kerja telah diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan manakala 8 perubahan kerja telah dikeluarkan Arahan Arkitek pada bulan Januari 2005 tetapi kelulusan daripada pihak Majlis hanya diberi pada pertengahan bulan Julai 2005. Antara tambahan kerja yang terlibat ialah kerja tanah, cerucuk, landskap kejur dan lembut, pembinaan kotak penanaman bunga dan sebagainya.

d) Lanjutan Masa

Kontraktor hendaklah memohon lanjutan masa jika kerja tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor hendaklah memberi notis bertulis kepada Pegawai Penguasa dengan memberi sebab kelewatan menyiapkan kerja. Pegawai Penguasa perlu menilai kewajaran permohonan lanjutan masa sebelum meluluskannya. Kegagalan mendapatkan Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyebabkan kontraktor boleh dikenakan denda. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Terminal Jeti

Tiga Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa telah diluluskan tempoh lanjutan selama 202 hari. Antara justifikasi perakuan kelambatan dan lanjutan masa adalah seperti kerja tambahan untuk jalan, pancutan air, dek restoran dan sebagainya. Lanjutan Masa tersebut telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa sebelum tarikh tamat tempoh siap.

ii) Projek Landskap Dan Pengindahan

Pelaksanaan Projek Landskap Dan Pengindahan yang sepatutnya disiapkan pada Oktober 2004 telah diluluskan 2 Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa selama 104 hari yang telah melanjutkan tarikh siap kepada pertengahan bulan Februari 2005. Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa diluluskan atas alasan iaitu kelewatan tarikh milikan tapak, perubahan kerja cerucuk dan keadaan cuaca di tapak pembinaan. Semakan Audit pada awal bulan Jun 2005 mendapati kerja untuk landskap lembut dan pembinaan kotak penanaman bunga di tapak bina masih dijalankan. Bagaimanapun, lawatan Audit pada awal bulan Oktober 2005 mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja adalah bertarikh awal bulan Februari 2005. Keadaan ini menunjukkan Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan walaupun kerja di tapak bina masih dijalankan. Pihak Majlis sepatutnya mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja pada bulan Februari atau meluluskan lanjutan masa sekiranya ada permohonan daripada kontraktor.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap perjanjian kontrak kurang memuaskan.

20.2.6 Prestasi Projek


Prestasi projek dinilai berdasarkan pencapaian fizikal berasaskan jadual pelaksanaan, spesifikasi dan kualiti kerja. Kelewatan menyiapkan kerja, perubahan spesifikasi dan

penambahan atau pengurangan kuantiti bahan atau skop kerja boleh mempengaruhi prestasi pelaksanaan projek.

20.2.7 Pencapaian Fizikal


Prestasi kemajuan projek akan ditentukan dengan membandingkan pencapaian fizikal sebenar tapak bina dengan jadual pelaksanaan. Antara maklumat yang perlu dinyatakan dalam jadual pelaksanaan ialah perincian jenis kerja, tarikh mula kerja, tarikh siap kerja, tempoh masa menyiapkan kerja, peratus siap kerja dan sebagainya. Jadual pelaksanaan perlu disediakan semula apabila lanjutan tarikh siap projek diluluskan. Semakan Audit mendapati projek tidak disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dalam kontrak. Jadual pelaksanaan juga tidak disediakan semula apabila tempoh siap kontrak diluluskan lanjutan masa. Mengikut jadual pelaksanaan projek terminal jeti, tempoh pelaksanaan projek bermula pada awal bulan September 2002 dan siap pada akhir bulan Disember 2003 sebaliknya tempoh siap sebenar adalah pada awal bulan Mac 2004. Bagi projek landskap dan pengindahan, jadual pelaksanaan adalah untuk tempoh sehingga pertengahan bulan Disember 2004. Bagaimanapun pemeriksaan Audit pada awal bulan Jun 2005 mendapati kerja-kerja masih dilaksanakan dan jadual pelaksanaan yang baru tidak disediakan. Prestasi keupayaan kerja Pembinaan Terminal Jeti Lumut adalah seperti di **Carta 4** dan **5**.

Carta 4



Sumber : Rekod Majlis Perbandaran Manjung

Carta 5



Sumber : Rekod Majlis Perbandaran Manjung

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaan projek disiapkan setelah lanjutan masa diluluskan.

a) Spesifikasi Kontrak

Spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak perlu dinyatakan dengan jelas dan dipatuhi agar kualiti dan kuantiti bahan serta mutu kerja mencapai tahap yang memuaskan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

i) Kaunter Tiket

Mengikut dokumen kontrak, kaunter tiket akan dibina bersebelahan dengan *foyer* di bangunan terminal pelancongan. Pemeriksaan Audit mendapati kaunter tersebut tidak dibina mengikut pelan iaitu di bangunan terminal jeti dan sebaliknya telah dibina di tingkat bawah bangunan bazar 2 tingkat yang mengandungi 3 kaunter tiket seperti pada Lukisan Terpasang (*As Built Plan*). Keadaan ini menunjukkan bahawa pembinaan kaunter tidak berdasarkan pelan dan spesifikasi di dalam dokumen kontrak. Semakan lanjut mendapati nilai kerja pembinaan kaunter tiket adalah berjumlah RM20,730 dan tiada arahan perubahan kerja telah dikeluarkan ke atas perubahan tersebut serta pembayaran tidak dibuat kepada kontraktor. **Foto 23** menunjukkan kaunter tiket yang dibina tidak mengikut pelan yang diluluskan.

Foto 23
Kaunter Tiket Dibina Di Bangunan Bazar



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 6 Oktober 2005
Lokasi : Kaunter Tiket Jeti Lumut

ii) Bumbung

Berdasarkan dokumen kontrak terminal pelancongan dan restoran, bahan binaan bumbung adalah menggunakan *reinforced concrete grade 30 including reinforcement, formworks and waterproofing to flat roof, curved flat roof and gutter*. Pemeriksaan Audit mendapati, walaupun pembinaan bumbung bersekali dengan *waterproofing* tetapi masih terdapat bahagian yang bocor atau diresapi air hingga merosakkan siling/cat bahagian dalam bangunan. Selain itu terdapat suis elektrik basah kerana diresapi air. **Foto 24** menunjukkan siling yang diresapi air akibat bumbung bocor.

Foto 24
Siling Yang Diresapi Air



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 6 Oktober 2005
Lokasi : Terminal Jeti Lumut

iii) Fountain Feature

Fountain feature telah dibina berhadapan Terminal Pelancongan dengan kos RM183,000. Pemeriksaan Audit mendapati sebahagian jubin yang dipasang sekeliling *fountain feature* adalah basah. *Shanghai plaster* yang dipasang kotor dan telah berwarna hitam. Selain itu, tiada sekatan atau tanda kawasan laluan awam yang memisahkan dengan kawasan *fountain feature*. Keadaan ini berbahaya kepada pengunjung kerana licin terutamanya apabila pancutan air ditutup. **Foto 25** menunjukkan *shanghai plaster* kotor dan berwarna hitam.

Foto 25

Lantai *Fountain Feature* Kotor, Licin Dan Berwarna Hitam



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 6. Oktober 2005

Lokasi : Terminal Jeti Lumut

iv) *Stainless Steel Railing*

Berdasarkan spesifikasi kontrak, kuantiti *stainless steel railing* yang perlu dipasang ialah 200 meter jenis A, 85 meter jenis B dan 8 meter jenis C. Pemeriksaan Audit ke tapak pembinaan pada awal bulan Jun 2005 mendapati, kuantiti *stainless steel railing* yang telah dipasang adalah mencukupi seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen kontrak. Bagaimanapun adalah didapati sebahagian *stainless steel railing* yang dipasang telah berkarat. Semakan lanjut mendapati maklumat yang dinyatakan dalam dokumen kontrak juga adalah ringkas dan tidak menyatakan ketebalan atau gred *stainless steel railing* atau pun gred yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran yang berhampiran dengan laut. **Foto 26** menunjukkan *railing* telah berkarat.

Foto 26

Foto Menunjukkan *Stainless Steel Railling* Telah Berkarat



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 Jun 2005

Lokasi : Landskap Di Kawasan Persekitaran Jeti Lumut

v) *Clock Sculpture*

Mengikut minit mesyuarat tapak pada bulan April 2004, pihak Majlis meminta agar menara jam ditukarkan kepada logo tapak atau logo Majlis. Semakan Audit mendapati menara jam telah ditukar kepada logo Lumut *Waterfront*. Bagaimanapun tiada sebarang dokumen perubahan kerja dikeluarkan. Dengan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kos yang terlibat bagi perubahan tersebut.

vi) *Viewing Plaza*

Mengikut butiran yang dinyatakan dalam kontrak dan Lukisan Arkitek, keluasan *viewing plaza* ialah 223 meter persegi (m^2). Pemeriksaan Audit bersama pegawai Majlis pada awal bulan Oktober 2005 mendapati keluasan *viewing plaza* yang dibina hanyalah 196 m^2 . Kekurangan 27 m^2 mengakibatkan kos sejumlah RM10,260 terlebih dibayar kepada kontraktor. **Foto 27** menunjukkan *viewing plaza*.

vii) *Central Plaza*

Mengikut butiran dokumen kontrak dan Lukisan Arkitek, keluasan yang perlu dibina adalah 204 m^2 tetapi pemeriksaan fizikal Audit pada awal bulan Oktober 2005 mendapati keluasan *central plaza* yang dibina adalah 98 m^2 sahaja. Ini

mengakibatkan kos berjumlah RM37,440 terlebih dibayar kepada kontraktor. **Foto 27** menunjukkan *central plaza*.

Foto 27

Foto Menunjukkan *Viewing Dan Central Plaza Yang Dibina*



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 Jun 2005

Lokasi : Landskap Di Kawasan Persekitaran Jeti Lumut

viii) Road, Car and Motorcycle Park

Mengikut dokumen kontrak kos untuk binaan *road, car and motorcycle park* adalah berjumlah RM40,000. Semakan Audit mendapati hanya terdapat 16 ruang letak motosikal sahaja. Pihak Audit tidak dapat menentukan butiran keluasan sebenar disebabkan maklumat mengenai keluasan binaan, bilangan *road kerb* dan *interlocking pavers* yang digunakan tidak dinyatakan dengan jelas dalam dokumen kontrak.

ix) Wall Light

Semakan fizikal Audit pada awal bulan Oktober 2005 mendapati, jumlah pemasangan *wall light* di tapak projek adalah 64 buah dengan nilai RM380 bagi setiap satu *wall light* berbanding mengikut perjanjian kontrak sebanyak 78 buah. Implikasi kewangan yang terlibat ialah RM5,320 terlebih dibayar kepada kontraktor.

x) Toe Wall With Stump

Semakan Audit mendapati tempat duduk pejalan kaki (*toe wall*) yang dibina tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pembinaan *toe wall* ini adalah bertujuan sebagai penghadang antara laluan pejalan kaki dengan kawasan loji kumbahan. Keluasan *toe wall* yang dinyatakan dalam dokumen kontrak adalah 38 m² tetapi pemeriksaan fizikal Audit mendapati ia hanya mempunyai keluasan 33.5 m². Ia juga telah diplaster dengan *facing bricks* berbanding seperti yang telah dinyatakan dalam Lukisan Arkitek untuk menggunakan *shanghai plaster*. *Stump* juga tidak dibina *sea creature* seperti mengikut Lukisan Arkitek. Selain itu, semakan Audit juga mendapati *bollard* dan *rubbish bin* tidak dibina dengan motif *sea creature* mengikut spesifikasi seperti di Lukisan Arkitek.

xi) Decorative Wall

Mengikut dokumen kontrak, telah dinyatakan bahawa kontraktor perlu membina *reinforcement concrete wall with 25mm relief to embossed and submerge mural on both face to be painted to L.A approval*. Tujuan utama pembinaan *decorative wall* adalah untuk menjadi pengadang kepada tangki kumbahan di tepi *food kiosk*. Semakan Audit mendapati *decorative wall* yang dibina mempunyai lubang dan tidak mempunyai motif *sea creature* seperti dalam lukisan arkitek. **Foto 28** menunjukkan *decorative wall* dibina tidak mematuhi spesifikasi.

Foto 28
Decorative Wall Yang Dibina



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 5 Oktober 2005
Lokasi : Kawasan Persekitaran Jeti Lumut

xii) Pergola Plaza

Mengikut dokumen kontrak, spesifikasi mengenai kayu menyatakan *on delivery to the site of any pressure-treated timber inspection certificates shall be produced for scrutiny by the S.O.* Semakan Audit mendapati sijil pengesahan kayu untuk *pergola plaza* hanya dikemukakan pada bulan Oktober 2005 setelah dibangkitkan oleh Audit. Selain itu, *decorative column* di *pergola plaza* tidak dibina dengan motif *sea creature* seperti yang dinyatakan di dalam Lukisan Arkitek.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal dan pematuhan terhadap syarat perjanjian mengenai kualiti dan kuantiti setiap bahan dalam dokumen kontrak kurang memuaskan.

20.2.8 Komponen Projek

Berdasarkan perancangan pembinaan Terminal Jeti, komponen utama projek terminal jeti adalah bangunan terminal pelancongan, menara kawalan dan bangunan perniagaan. Manakala bagi projek landskap dan pengindahan dibangunkan taman awam dan pelbagai jenis plaza berserta dengan landskap lembut dan kejur.

a) Terminal Jeti

i) Bazar Perniagaan

Sebanyak 2 bangunan perniagaan telah dibina iaitu bazar 1 tingkat yang mengandungi 5 lot ruang perniagaan dan bazar 2 tingkat yang mengandungi 16 lot ruang perniagaan. Bangunan bazar adalah untuk disewakan kepada peniaga tempatan. Selain itu, satu lot di tingkat bawah bangunan bazar 2 tingkat telah dijadikan 3 unit kaunter jualan tiket feri untuk ke Pulau Pangkor. Kesemua lot bazar/ruang perniagaan dan kaunter tiket telah disewakan dengan kadar RM400 untuk tingkat bawah, RM250 tingkat atas dan RM300 untuk kaunter tiket.

ii) Terminal Pelancongan Dan Restoran

Komponen bangunan terminal pelancongan terdiri daripada ruang menunggu awam, pejabat pengurusan terminal, restoran, surau, tandas awam dan ruang pejabat agensi kerajaan. Selain itu, satu menara kawalan juga telah dibina untuk digunakan oleh Jabatan Laut. Pemeriksaan Audit pada bulan Jun 2005 mendapati restoran masih belum lagi beroperasi dan menurut Majlis perkara ini berlaku kerana proses pemilihan penyewa baru. Manakala ruang pejabat pula masih tidak digunakan lagi. Menara kawalan juga tidak digunakan oleh Jabatan Laut seperti perancangan awal kerana sedang menaik taraf bangunan pejabat sedia ada.

Menara kawalan ini akan digunakan oleh Unit Penguatkuasaan Majlis mulai tahun 2006.

iii) **Pengindahan Kawasan**

Kawasan terminal jeti diindahkannya dengan membina satu unit *fountain feature* berhadapan terminal pelancongan. Pelbagai jenis landskap lembut dan kejur seperti pokok palma dan pelbagai jenis pokok renek ditanam di persekitarannya. Pemeriksaan Audit mendapati *fountain feature* tersebut bukanlah 1 item yang dirancang. Ia dibuat melalui satu arahan perubahan kerja yang melibatkan kos RM183,000. Bagaimanapun pembinaan *fountain feature* telah mencantikkan persekitaran terminal jeti. **Foto 29** menunjukkan terminal jeti Lumut.

Foto 29
Terminal Jeti Lumut



Sumber : Fail Foto Majlis Perbandaran Manjung

Tarikh : 7 Jun 2005

Lokasi : Terminal Jeti Lumut

b) **Landskap Dan Pengindahan**

Komponen utama projek landskap dan pengindahan adalah pembinaan plaza, *food kiosk* dan pelbagai jenis landskap lembut dan kejur.

i) **Food Kiosk**

Sebuah *food kiosk* telah dibina untuk disewakan kepada peniaga tempatan menjual makanan dan minuman dengan kadar RM300 sebulan.

ii) Plaza

Sebanyak 7 unit plaza telah dibina terdiri daripada satu unit *viewing* plaza, tiga unit *maritime* plaza, satu unit central plaza dan 2 unit pergola plaza. Pembinaan pelbagai jenis plaza adalah bertujuan memberi kemudahan beriadah dan beristirehat kepada pengunjung.

iii) Landskap Lembut Dan Kejur

Landskap lembut yang ditanam adalah terdiri daripada pokok palma, dedap, jambu laut, semarak api, rumput dan pokok-pokok renek. Selain itu sebuah arca berbentuk kapal dan 3 *decorative wall* telah dibina. **Foto 30** menunjukkan projek landskap dan pengindahan.

Foto 30
Projek Landskap Dan Pengindahan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 Jun 2005

Lokasi : Landskap Di Persekitaran Kawasan Jeti Lumut

Pada pendapat Audit, komponen dibina adalah selaras dengan pelan yang diluluskan.

20.2.9 Prestasi Kewangan

Majlis telah menerima peruntukan berjumlah RM8.07 juta daripada Kementerian Pelancongan untuk membiayai kos pembangunan *Jetty Wing*. Sehingga bulan Mei 2005, sejumlah RM7.51 juta telah dibelanjakan iaitu RM5.41 juta bagi projek terminal

jeti dan RM2.10 juta bagi projek landskap dan pengindahan. Selain itu, sejumlah RM772,523 telah dibelanjakan bagi membiayai kos juru perunding iaitu melalui peruntukan Perkhidmatan Ikhtisas, Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti Majlis. Peruntukan dan perbelanjaan pembangunan *Jetty Wing* bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan *Jetty Wing*
Bagi Tempoh Tahun 2002 Hingga 2005

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan		Perbelanjaan (%)
		Projek Pembinaan Terminal Jeti (RM Juta)	Projek Landskap Dan Pengindahan (RM Juta)	
2002	1.20	1.06	-	89
2003	2.70	2.62	-	97
2004	3.93	1.70	1.89	91
2005	0.24	0.03	0.21	100
Jumlah	8.07	5.41	2.10	93

Sumber : Rekod Majlis Perbandaran Manjung Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri

Peruntukan dan perbelanjaan perkhidmatan juru perunding bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Peruntukan Dan Perbelanjaan Perkhidmatan Juru Perunding
Bagi Tempoh Tahun 2002 Hingga 2005

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan		Perbelanjaan (%)
		Projek Pembinaan Terminal Jeti (RM Juta)	Projek Landskap Dan Pengindahan (RM Juta)	
2002	2.89	0.27	-	9
2003	3.71	0.11	0.13	7
2004	5.38	0.21	0.03	4
2005	0.09	-	0.02	2
Jumlah	12.06	0.59	0.18	6

Sumber : Rekod Majlis perbandaran Manjung

Semakan Audit mendapati hanya 6% peruntukan iaitu sejumlah RM0.77 juta telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah RM12.06 juta.

Pada pendapat Audit, Majlis telah menerima dan menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk membiayai Pembangunan *Jetty Wing*.

20.2.10 Bayaran Kemajuan

Mengikut syarat kontrak pembayaran kepada kontraktor dan perakuan interim, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan satu perakuan interim dengan menyatakan amaun yang kena bayar kepada kontraktor dalam masa 14 hari dari tarikh penilaian dan pembayaran kepada kontraktor hendaklah dibuat dalam masa 30 hari. Dokumen tuntutan dan laporan kemajuan kerja mengikut peringkat kerja siap hendaklah dikemukakan kepada juru perunding dan Majlis untuk diperakui. Seterusnya Majlis akan mengemukakan dokumen tuntutan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk kelulusan dan bayaran. Pemeriksaan Audit mendapati projek terminal jeti telah siap dan sebanyak 14 bayaran interim berjumlah RM5.41 juta telah dibayar kepada kontraktor. Manakala bagi projek landskap dan pengindahan sehingga bulan Jun 2005, sebanyak 7 bayaran interim berjumlah RM2.10 juta telah dibayar kepada kontraktor. Analisis Audit terhadap perakuan bayaran kemajuan mendapati 11 daripada 21 tuntutan bayaran kemajuan telah lewat diperakukan. Kelewatan ini berlaku di peringkat juru perunding kerana lewat mengemukakan perakuan kepada Majlis. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Kelewatan Bayaran Kemajuan

Bil.	Perkara	Bayaran Kemajuan		Perakuan Juru Perunding	Tarikh Diterima Oleh Majlis	Tarikh Perakuan Majlis	Tempoh Kelewatan (Hari)
		Ke	(RM)				
1.	Projek Terminal Jeti	2	368,832	13.1.2003	28.3.2003	28.3.2003	58
		3	202,800	7.3.2003	20.5.2003	22.5.2003	61
		5	71,200	4.7.2003	17.7.2003	24.7.2003	6
		8	270,200	9.10.2003	15.10.2003	30.10.2003	8
		9	521,700	4.11.2003	18.11.2003	1.12.2003	13
		11	533,300	12.1.2004	26.1.2004	30.1.2004	4
		12	208,200	6.2.2004	20.2.2004	1.3.2004	10
		13	101,000	1.3.2004	5.5.2004	13.5.2005	58
2.	Projek Landskap	1	130,869	3.6.2004	17.6.2004	23.6.2005	7
		3	291,125	19.8.2004	13.9.2004	14.9.2005	12
		4	557,224	20.9.2004	21.9.2004	10.11.2005	37

Sumber : Rekod Majlis Perbandaran Manjung

Pada pendapat Audit, prestasi bayaran kemajuan adalah kurang memuaskan.

20.2.11 Penyenggaraan Harta Dan Bangunan

Penyenggaraan terhadap landskap lembut hendaklah dilaksanakan secara berjadual untuk memastikan tumbuhan hijau dan bunga-bunga tidak mati serta untuk mewujudkan persekitaran yang indah. Manakala penyenggaraan ke atas bangunan seperti menjaga kebersihan dan sebagainya adalah penting untuk memastikan keadaan bangunan sentiasa bersih. Berdasarkan kontrak projek terminal jeti, kontraktor dikehendaki membuat kerja penyenggaraan landskap lembut seperti menyiram dan membaja serta lain-lain kerja yang berkaitan untuk tempoh 6 bulan. Lawatan Audit pada awal bulan Jun 2005 ke tapak projek terminal jeti mendapati landskap lembut yang ditanam di persekitaran kawasan terminal jeti seperti pokok palma dan pokok renek yang lain telah mati. Pemeriksaan lanjut ke atas *harbour master tower* mendapati ianya tidak digunakan dan tidak disenggarakan dengan sempurna. Adalah didapati sebahagian *stainless steel railing* telah berkarat, lantai dan tangga kotor dan berdebu. **Foto 31** menunjukkan pokok palma di kawasan terminal jeti telah mati.

Foto 31
Pokok Palma Telah Mati



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 Jun 2005

Lokasi : Landskap Di Persekitaran Kawasan Terminal Jeti

Pada pendapat Audit, kerja-kerja penyenggaraan landskap lembut dan bangunan adalah kurang memuaskan.

Pada keseluruhannya Majlis berjaya melaksanakan projek *Jetty Wing* dalam tempoh selepas lanjutan masa 202 hari dan projek telah dimanfaatkan mengikut sasaran yang dirancang.

20.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berkesan dapat memastikan kerja-kerja pembinaan teratur dan siap mengikut jadual. Pemantauan projek dijalankan dalam 2 peringkat iaitu pihak Majlis dan juru perunding yang dilantik.

20.3.1 Majlis

Pemantauan projek peringkat Majlis dilaksanakan oleh Jabatan Kejuruteraan yang diketuai oleh Pembantu Teknik Kanan dan oleh pihak pengurusan melalui mesyuarat berkala. Pemantauan yang dijalankan adalah seperti berikut:

a) Mesyuarat Tapak

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3 Tahun 1991, menghendaki mesyuarat tapak bagi kontrak bernilai RM2 juta ke atas dan tidak melebihi RM4 juta hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa 2 bulan manakala projek yang bernilai melebihi RM4 juta hendaklah diadakan sekali dalam masa 3 bulan. Mesyuarat tapak diadakan bersama-sama dengan pihak kontraktor dan juru perunding. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati mesyuarat tapak telah dijalankan sebanyak 15 kali bagi projek Terminal Jeti dan 6 kali bagi projek Landskap dan Pengindahan. Sebarang masalah dan perubahan yang diperlukan dibincangkan serta dibuat keputusan penyelesaiannya.

b) Buku Harian Tapak Bina

Buku Harian Tapak Bina merupakan dokumen penting yang boleh membantu semasa penilaian tuntutan kontraktor dan menilai kerja tambahan kontrak. Buku Harian Tapak Bina merekodkan maklumat berkaitan dengan cuaca, bilangan pekerja di tapak bina, arahan-arahan Pegawai Penguasa, jenis kerja yang dijalankan, jenis dan bahan binaan di tapak, loji serta alat kelengkapan kontraktor di tapak. Buku Harian Tapak Bina projek terminal jeti dan projek landskap dan pengindahan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini oleh pihak Majlis. Buku ini telah di selenggara oleh Juruteknik projek dan disemak oleh Pembantu Teknik Kanan.

c) Mesyuarat Pengurusan

Pemantauan di peringkat pengurusan merupakan elemen yang penting bagi menjamin kelancaran sesuatu projek. Pemeriksaan Audit mendapati mesyuarat berkala di peringkat pengurusan Majlis seperti mesyuarat penuh dan mesyuarat pengurusan projek diadakan dari semasa ke semasa bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek. Mesyuarat berkala juga dijadikan sebagai forum untuk membincang dan menyelesaikan masalah yang timbul mengenai pelaksanaan projek pembangunan. Selain itu, pelaporan status kemajuan kerja dan prestasi kewangan secara bulanan juga disediakan dan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Kementerian Pelancongan.

20.3.2 Juru Perunding

Syarat kontrak menyatakan wakil Pegawai Penguasa hendaklah bertanggungjawab kepada Pegawai Penguasa dan tugasnya untuk menjaga dan menyelia kerja, menguji dan memeriksa bahan atau barangan yang akan digunakan atau mutu hasil kerja yang digunakan berhubung kerja. Pemeriksaan Audit mendapati juru perunding telah melaksanakan peranan dalam mengesahkan status pelaksanaan projek, kualiti bahan binaan serta memberi pendapat serta nasihat profesional kepada Majlis melalui pelaporan dan mesyuarat tapak. Bayaran kemajuan, lanjutan masa dan perubahan kerja juga disahkan dan diperakui oleh juru perunding sebelum diluluskan oleh Pegawai Penguasa.

Pada pendapat Audit, pemantauan di tapak bina oleh Majlis dan juru perunding adalah kurang memuaskan. Beberapa skop kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak. Manakala kerja pembinaan hanya dapat disiapkan setelah lanjutan masa diluluskan.

21. RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, pembangunan *Jetty Wing* merupakan satu daripada Fasa Pembangunan Jaluran Lumut *Waterfront* ke arah merealisasikan Lumut sebagai Bandar Pelancongan dan Maritim. Satu perancangan yang baik telah disediakan terhadap pembangunan *Jetty Wing* sebagai pintu utama pelancong ke Pulau Pangkor dan lokasi lain di Daerah Manjung. Hasil kajian Audit menunjukkan kelemahan pengurusan perjanjian kontrak yang kurang memuaskan, skop kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak, pemantauan di tapak projek kurang memuaskan dan projek lewat jadual serta berlaku lanjutan masa. Adalah disyorkan pihak Majlis Perbandaran Manjung mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Pemantauan lebih teliti perlu dibuat berdasarkan perjanjian kontrak bagi memastikan juru perunding menjalankan kawal selia secukupnya supaya kerja pembinaan mengikut tempoh dan spesifikasi kerja yang ditetapkan.
- b) Tempoh bon pelaksanaan perlu dilanjutkan mengikut tempoh lanjutan masa diluluskan supaya kepentingan Majlis terjamin.
- c) Perubahan kerja hendaklah diluluskan oleh Majlis sebelum dilaksanakan.
- d) Sijil perakuan tidak siap kerja hendaklah dikeluarkan sekiranya kerja tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan atau tidak diluluskan lanjutan masa.
- e) Kerja penyenggaraan hendaklah dijalankan secara berjadual terhadap harta dan bangunan Majlis.

BAHAGIAN II

PERKARA AM

BAHAGIAN II PERKARA AM

22. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit pada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 dan tahun sebelumnya. Pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004. Bahagian ini juga melaporkan mengenai aktiviti Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri.

23. KEDUDUKAN MASA KINI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2004

23.1 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN

Ternakan Lembu Daging Melalui Skim Pinjaman Tanpa Faedah

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perak (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Perak. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi penternak, maka Jabatan telah memperkenalkan Program Ternakan Lembu Daging melalui Skim Pinjaman Tanpa Faedah (Skim). Skim ini bermula pada tahun 2000 dan merupakan kesinambungan daripada skim pawah yang telah diperkenalkan pada tahun 1960an. Melalui skim ini bekalan lembu kepada peserta dibahagi kepada 3 kategori iaitu bekalan lembu baka jantan, bekalan lembu induk betina untuk pembiakan serta bekalan anak lembu jantan untuk tujuan pengemukan. Setiap peserta dikehendaki membuat pembayaran balik kecuali peserta yang menerima bekalan lembu jantan. Bagaimana pun terdapat 17 peserta melibatkan 71 ekor anak lembu masih belum membuat bayaran balik walaupun anak lembu telah mencapai umur 2 tahun.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap 17 peserta berkenaan dan kesemua 71 anak lembu tersebut telah diserahkan kepada Jabatan sebagai bayaran balik seterusnya perjanjian ditamatkan.

23.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH KINTA

Pengurusan Pengeluaran Bahan Batu

Pengurusan pengeluaran bahan batu dan kutipan royalti pemindahan bahan batu merupakan aktiviti Pejabat Tanah yang akan menjana pembangunan ekonomi negeri. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004, hasil royalti yang telah dipungut adalah berjumlah RM54.16 juta. Secara keseluruhannya, pengurusan pengeluaran bahan batu yang ditadbirkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri boleh dipertingkatkan lagi. Aktiviti yang dilaksanakan mempunyai aspek perancangan yang baik. Bagaimanapun wujud kelemahan pelaksanaan dan pemantauan yang menjejaskan pungutan hasil Kerajaan Negeri. Kelemahan ini telah mengakibatkan kekurangan kutipan bayaran royalti batu kapur oleh 2 syarikat kuari yang berjumlah RM15.55 juta dan royalti bahan batu lain berjumlah RM0.63 juta. Kelemahan lain adalah dari aspek kawalan pengeluaran permit dan penggunaan doket serta kekurangan aktiviti penguatkuasaan. Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri boleh memperbaiki kelemahan dengan mengambil tindakan positif dan agresif supaya pengurusan pemindahan bahan batu serta aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan seterusnya dapat meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

Kedudukan Masa Kini

Pejabat Tanah Dan Galian Negeri telah mengarahkan semua Pentadbir Tanah Daerah supaya membuat semakan terhadap penyata bulanan yang dikemukakan oleh pengusaha kuari sebelum mengeluarkan doket baru serta mengutip jumlah perbezaan royalti sekiranya ada. Pejabat Daerah dan Tanah Kinta telah mengambil tindakan untuk menghantar surat peringatan kepada pengusaha kuari yang terlibat supaya menjelaskan bayaran royalti yang tertunggak dan royalti yang kurang dibayar oleh pengusaha kuari. Bagaimanapun kekurangan kutipan royalti masih belum dapat dipungut disebabkan pengusaha kuari telah mendapat kelulusan dari Pejabat Tanah dan Galian Negeri supaya syarikat membayar royalti batu kapur pada kadar RM2 satu ela padu dan bukan RM1.50 satu metrik tan sebagaimana kehendak peraturan sehingga Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri membuat keputusan. Sehingga bulan Mac tahun 2006, tunggakan royalti bahan batu kapur yang kurang dibayar oleh dua syarikat kuari adalah berjumlah RM21.99 juta. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 1494 pada 22 Mac 2006 semasa menimbang Kertas Mesyuarat Bil. 308/22/03/2006 telah memutuskan rayuan syarikat untuk mengekalkan kadar bayaran royalti batu kapur sebanyak RM2 satu ela padu ditolak. Syarikat dikehendaki membayar royalti bahan batu kapur mengikut Peraturan Tanah Perak 1966 dan perlu membayar tunggakan royalti dari tahun 1997 hingga kini. Mulai awal bulan Jun 2005 kadar royalti bahan batu telah dipinda melalui pindaan terhadap Peraturan Tanah

Perak. Kadar bahan batu premix telah ditetapkan dengan kadar RM1 satu tan metrik. Bagaimanapun kadar royalti bagi bancuhan konkrit masih belum ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

23.3 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK

Pengurusan Hartanah Baitulmal

Pengurusan hartanah Baitulmal perlu dipertingkatkan terutama terhadap tanah Baitulmal. Pemantauan terhadap tanah milik Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (Majlis) adalah kurang memuaskan. Selain itu, ketiadaan pelan induk yang merangkumi rancangan pembangunan hartanah bagi jangka pendek dan jangka panjang merupakan faktor utama kelemahan pengurusan hartanah Majlis. Pengurusan rekod dan dokumen yang tidak lengkap dan teratur, beban tugas yang tidak seimbang di kalangan kakitangan di Bahagian Hartanah juga salah satu faktor kelemahan pengurusan tanah tersebut.

Kedudukan Masa Kini

Pada Ogos 2005 Bahagian Hartanah telah menerima kemasukan pegawai secara kontrak bagi memantapkan lagi pengurusan tanah. Melalui pertambahan pegawai di Majlis, tindakan telah diambil untuk mengemas kini rekod yang berkaitan dengan penerimaan tanah, penyewaan tanah dan penjualan tanah. Majlis telah menubuhkan satu Jawatankuasa khas yang berperanan untuk membuat tinjauan terhadap tanah yang baru diperolehi, sedia ada dan kawasan yang berpotensi. Selain itu, tanah yang dicerobohi telah diteliti dan tindakan susulan seperti siasatan dan rundingan telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Jawatankuasa Pelaburan telah meluluskan tiga kaedah bagi meningkatkan penjualan tanah iaitu pelupusan tanah Baitulmal dengan harga nominal, pelupusan dengan harga yang ditawarkan oleh ahli waris dan pelupusan dengan cara bayaran ansuran dalam tempoh tertentu sehingga boleh dipindah milik.

23.4 MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Pengurusan Zoo Taiping

Matlamat Majlis Perbandaran Taiping adalah untuk menjadikan Zoo Taiping sebagai destinasi pelancongan yang utama dengan menyediakan pameran haiwan yang ulung ke arah mencapai objektif sebagai pusat rekreasi, pendidikan, pemuliharaan dan penyelidikan. Bagaimanapun matlamat Zoo Taiping masih belum tercapai kerana terdapat kelemahan ke atas penggunaan dan penyelenggaraan rekod kewangan Zoo, pengurusan penyelenggaraan dan pembangunan Zoo dan sistem perekodan dan dokumentasi. Peruntukan Khas Zoo yang diwujudkan melalui sumber dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan orang awam tidak diklasifikasikan dengan betul dan memuaskan.

Majlis masih menggunakan kemudahan peralatan kesihatan yang lama, klinik yang sempit dan dapur yang usang akibat dari pembangunan kompleks kesihatan Zoo yang tertangguh hampir 2 tahun. Selain itu terdapat kelemahan dari segi penyenggaraan kemudahan awam dan ruang pameran haiwan serta sistem perekodan haiwan yang tidak lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

Majlis Perbandaran Taiping telah mewujudkan satu Arahan Penggunaan Peruntukan Khas Zoo Taiping dan telah diluluskan oleh Majlis. Arahan ini adalah satu garis panduan penggunaan dan penyenggaraan peruntukan khas Zoo. Projek pembinaan kompleks kesihatan Zoo telah dimulakan dan kini di peringkat menanam cerucuk. Bagaimanapun sistem perekodan dan dokumentasi haiwan Zoo masih belum kemas kini. Prosedur penyenggaraan zoo telah diwujudkan untuk memastikan kemudahan asas dan ruang pameran haiwan sentiasa di dalam keadaan yang baik dan selamat.

24. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

Seperti yang dilaporkan pada Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 tindakan sewajarnya telah diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan terhadap semua perkara berhubung aktiviti Jabatan dan kajian khas yang dibangkitkan.

25. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/ AGENSI NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Negeri yang telah diaudit hendaklah di bentang seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti dan Kajian Khas jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2003 telah di bentang di sidang Dewan Undangan Negeri pada 15 Ogos 2005

26. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Pada tahun 2005, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (Jawatankuasa) masih lagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2000 dan 2001. Sebanyak 4 mesyuarat telah di adakan pada tahun 2005. Jawatankuasa sepatutnya telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara

Tahun 2000 dan 2001. Jawatankuasa sepatutnya mula membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 dan 2004 selaras dengan peranan jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji kes lama yang belum selesai dan memastikan syor-syor jawatankuasa di ambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Mesyuarat Dan Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Sepanjang Tahun 2005

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
28.2.2005	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri • Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak • Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian 	Mesyuarat bertujuan untuk mengkaji jawapan yang telah dikemukakan oleh Ketua-ketua Jabatan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2000 dan 2001.
26.5.2005		Taklimat Pengurusan Kewangan oleh Pegawai Kewangan Negeri kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri.
12.9.2005	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	Membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Tahun 2000 dan 2001 iaitu Pelaksanaan Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan dan Pengurusan Program Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.
	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	Mesyuarat meminta pihak berkenaan memberikan kedudukan terkini mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Tahun 2001 berhubung kajian Pengurusan Zakat.
	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	Mesyuarat akan mengadakan perjumpaan dengan Pegawai Daerah Kerian bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan mengenai Pengurusan Kewangan yang dilaporkan dalam Laporan Audit Tahun 2000.
	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Taklimat dan sesi soal jawab dengan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2001 berhubung dengan Pengurusan Kewangan.
1.12.2005	Majlis Daerah Kinta Selatan	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri mengadakan lawatan ke Majlis Daerah Kinta Selatan untuk mendengar taklimat dan melihat demonstrasi penggunaan Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) yang dilaksanakan di Majlis Daerah Kinta Selatan dan sesi soal jawab berkaitan.

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti Kerajaan Negeri bagi taun 2005. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak di ambil tindakan dan menjejaskan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan dan ketiadaan penyeliaan yang rapi. Sekiranya perkara ini tidak di ambil tindakan ia boleh mengakibatkan berlakunya pembaziran dan pemborosan dalam pengurusan aktiviti Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembedahan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembedahan perlu dibuat secara berterusan. Tindakan lebih tegas hendaklah di ambil terhadap syarikat, ketua- ketua Jabatan/Agensi atau pegawai Kerajaan yang terlibat mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan kewangan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedahan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

4 Ogos 2006